



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DIPERTUA:

- Mengangkat Sumpah (Halaman 1)
- Mengalu-alukan Ahli Baru (Halaman 1)
- Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan (Halaman 1)
- Ucapan Takziah Kepada Perdana Menteri (Halaman 2)
- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 2)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 3)
- Urusan Mesyuarat (Halaman 3)
- Cuti Kepada Ahli – Kebenaran (Halaman 4)
- Makluman Tuan Yang di-Pertua (Halaman 4)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 4)

**USUL UCAPAN TAKZIAH KEPADA PERDANA MENTERI
DAN KELUARGA ATAS KEMBALINYA KE RAHMATULLAH
ALLAHYARHAMAH DATIN SERI ENDOH MAHMOOD** (Halaman 19)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan
(Pindaan) 2005 (Halaman 46)
- Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2005 (Halaman 55)
- Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005 (Halaman 65)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)
5. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
6. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
7. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
8. “ Tuan Chiam Yong Tee (Perak)
9. “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
10. “ Tuan Chih Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Datin Chong Set Mui (Dilantik)
12. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
13. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)
14. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
15. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
16. “ Dato' Halimah binti Hamzah (Pahang)
17. “ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
18. “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
19. “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
20. “ Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
21. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
22. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
23. “ Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)
24. “ Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
25. “ Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
26. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
27. “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
28. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
29. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
30. “ Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
31. “ Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
32. “ Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad (Dilantik)
33. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
34. “ Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
35. “ Tuan M. Munusamy (Dilantik)

36. Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
37. " Datuk M. Ratnam (Dilantik)
38. " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
39. " Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
40. " Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
41. " Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. " Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. " Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
44. " Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. " Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
46. " Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47. " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48. " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
49. " Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
50. " Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
51. " Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
52. " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
53. " Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
54. " Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
55. " Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
56. " Tuan Tan Bon You (Dilantik)
57. " Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
58. " Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
59. " Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
60. " Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
61. " Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
62. " Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
63. " Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI**

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Suriyani binti Mohd. Noh
Intan Mariana binti Nordin
Mohd. Izhar bin Hashim

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 7 Disember, 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

- Y. B. Dato' Haji Idris bin Haji Buang

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengucapkan tahniah di atas pelantikan Ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negara. Saya percaya pelantikan ini merupakan pengiktirafan tertinggi sehingga kini dalam kerjaya politik Yang Berhormat. Sebagai Ahli Dewan Negara dan menyedari akan latar belakang Yang Berhormat dalam bidang perundangan dan undang-undang, Yang Berhormat mungkin sedar sebaik sumbangan Yang Berhormat boleh berikan kepada negara bermula dari Yang Berhormat betul-betul berazam untuk memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaannya. Selamat mendukung tugas.

MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis iaitu Ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat Sumpah di luar waktu persidangan Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 14 Oktober 2005:

- 1) Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (Dilantik);
- 2) Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik);
- 3) Yang Berhormat Tuan Munusamy a/l Mareemuthu (Dilantik);
- 4) Yang Berhormat Tuan Chih Tiang Chai (Dilantik);
- 5) Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik); dan
- 6) Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik).

Pada 21 November 2005:

- 1) Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd Nor (Dilantik)

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA PERDANA MENTERI
ATAS KEMBALINYA KE RAHMATULLAH ALLAHYARHAMAH
DATIN SERI ENDON MAHMOOD**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat pada 20 Oktober, 2005 bersamaan 16 Ramadan 1426 Hijrah yang lepas Yang Berbahagia Datin Seri Endon binti Mahmood, isteri Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah kembali ke rahmatullah. Saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara seluruhnya amat dukacita dan sedih dan merakamkan takziah sedalam-dalamnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta keluarganya. Kita berdoa moga-moga Allah S.W.T. akan mencucuri rahmat ke atas rohnya dan menempatkannya di antara roh-roh orang yang soleh dan solehah. Oleh yang demikian saya ingin menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri dan yang beragama Islam untuk menghadiahkan Al-Fatihah kepada roh Allahyarhamah dan kepada yang bukan beragama Islam diminta bertafakur selama satu minit.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Eksais (Pindaan) 2005;
2. Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2005;
3. Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005;
4. Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi (Pindaan) 2005;
5. Akta Insurans (Pindaan) 2005;
6. Akta Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005;
7. Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005;
8. Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005;
9. Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005;
10. Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005;
11. Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005;

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"6 Disember 2005

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2005;
2. Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2005;
3. Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005;
4. Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005;
5. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2005;
6. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2005; dan
7. Rang Undang-undang Perbekalan 2006.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat.

CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad, dari 2 Disember 2005 hingga 22 Disember 2005.

MAKLUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Pegawai Penyelidik

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sukacita saya memaklumkan bahawa lapan orang Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia telah pun memulakan tugas mereka di sini. Senarai nama pegawai tersebut telah pun diedarkan oleh Setiausaha Dewan di meja Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh itu sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat memerlukan bantuan bolehlah berhubung dengan mereka.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun fungsi umum Dewan Negara ialah selaku juruaudit kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat yang memainkan peranannya tersendiri di bawah Perlembagaan, masa satu jam untuk pertanyaan ialah lebih dikhususkan untuk memaparkan akauntabiliti bagi barisan kerajaan untuk menunjukkan kerelaan *accountable* selaku pemerintah dan bagi ahli-ahli untuk mencungkil betapakah *accountable* pemerintah mereka. Terima kasih.

1. **Dato' Hamzah bin Zainudin** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah perancangan jangka panjang kerajaan di dalam menangani kemelesetan ekonomi dunia yang sedang berlaku, terutamanya dalam krisis harga minyak dunia yang mengancam ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun harga minyak telah meningkat berbanding tahun 2004, pertumbuhan ekonomi dunia tidak begitu terjejas. Mengikut '*World Bank Development Report*' yang dikeluarkan pada bulan sebelas tahun ini, prestasi KDNK dunia dijangka mencatat pertumbuhan 4.4% pada tahun 2005 dan 4.3% pada tahun 2006.

Justeru, perkembangan ekonomi dunia tidak semestinya hanya bergantung kepada kesan harga minyak tetapi ianya juga ditentukan oleh faktor-faktornya lain termasuk kadar pertumbuhan di kalangan ekonomi negara, utama seperti Amerika Syarikat, Jepun, China dan kawasan *Europe*. Ekonomi Amerika Syarikat sudah mula menunjukkan trend pertumbuhan yang lebih tinggi berikutan peningkatan penggunaan persendirian, eksport serta pelaburan tetap ke hadapan.

Pemulihan ekonomi di Jepun, diramal terus mapan bertunjang kepada pertambahan pelaburan *corporate* dan perbelanjaan penggunaan swasta serta meningkatkan semula eksport. Prestasi ekonomi di kawasan *Europe* dijangka bertambah baik, walau pun berbeza di antara negara di dorong oleh peningkatan daya saing eksport, ekor mata wang Euro yang lemah.

Kenaikan harga minyak global yang tinggi tidak begitu membawa kesan yang ketara kepada ekonomi Malaysia malahan pertumbuhan KDNK negara terus meningkat

5.3% dalam tempoh bulan Januari hingga bulan September 2005, walau pun harga minyak melonjak 8.4% ke paras tertinggi iaitu USD 71.82 setong pada 28 September 2005 berbanding USD 39.81 setong pada Januari 2004.

Namun demikian, harga minyak kini telah menurun ke paras USD 55.25 setong pada 29 November dan *trend* penurunan ini adalah disebabkan pasaran mendapati jumlah bekalan minyak dunia lebih seimbang untuk memenuhi permintaan dunia. Walau bagaimana pun Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mapan kerajaan telah merangka beberapa strategi untuk mikro ekonomi, untuk menentukan ekonomi terus kukuh dan berkembang.

Di antara strategi-strategi yang dilaksanakan adalah:

- meneruskan langkah perbelanjaan yang berhemat dan melaksanakan pengurusan fiskal yang *pragmatic* di samping dasar *monitoring* yang *competitive* untuk menyokong kegiatan ekonomi dalam negeri;
- menyediakan persekitaran kondusif bagi perniagaan dan pelaburan di mana ini dapat membantu mengukuhkan aktiviti pelaburan sektor swasta yang kini berkembang pesat;
- menarik pelaburan langsung asing FDI untuk mempercepatkan kemajuan terhadap aktiviti teknologi tinggi dan pengembangan rangkaian pemasaran;
- mempromosikan pembangunan sumber pertumbuhan baru terutamanya di dalam sektor perkhidmatan untuk meluaskan lagi asas ekonomi dan mengekalkan ketahanan ekonomi negara termasuk industri *self-service* dengan izin dan *out-sourcing* dengan izin di mana Malaysia telah mendapat pengiktirafan sebagai lokasi ketiga terbaik di dunia bagi industri ini;
- memodenkan sektor pertanian dengan meningkatkan produktiviti serta daya saing melalui kegiatan menambah nilai dan menggunakan teknologi tinggi serta lagi moden;
- Kerajaan juga akan memastikan bekalan makanan terjamin dan dapat meningkatkan eksport makanan serta mengurangkan *bill* import makanan. Pada tahun 2004, kita mengeksport 10 bilion makanan tetapi kita import 16.6 bilion makanan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar fiskal dan monitoring ekonomi Negara yang digubal....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak mahu bagi peluang soalan tambahankah?

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Ada.yang digubal oleh kerajaan serta pembentangan bajet tahunan adalah sentiasa disesuaikan untuk memudahkan pelaksanaan bagi mencapai matlamat pertumbuhan jangka panjang ekonomi negara dengan mengambil kira persekitaran antara bangsa yang sering berubah dan semakin mencabar. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Hamzah selepas itu Tuan Lee Sing Chooi.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Kita dengar bahawa pelaburan asing adalah menjadi salah satu sektor atau perkara pertama yang ingin kita buat untuk menentukan supaya ekonomi kita sentiasa boleh kita pertahankan naik, baik dari masa ke semasa. Saya hendak tahu, apakah cara-cara atau dasar-dasar atau insentif yang boleh menyebabkan kita menarik minat pelabur asing daripada tidak melabur di sini kerana saingannya yang begitu hebat, di China sebagai contoh. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen-Yen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita mesti mengakui daya saing negara kita berbanding dengan China dan India jika kita hendak mengikut *low and valued added manufacturing* kita tidak boleh berdaya saing. Kita mesti pergi ke *niche area* - area yang tertentu kepada kita seperti *out-sourcing* dan juga *service*

sector. Sekarang ini di Cyberjaya, kita telah dapat 40 syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia yang boleh bagi kita berdaya saing dengan negara lain, kita tidak boleh berdaya saing dengan yang biasa. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Yang Berhormat dalam konteks harga minyak naik turun secara mendadak, strategi tersebut masih boleh terpakai, mencari *niche*?

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Boleh Tuan Yang di-Pertua sebab *niche area* itu *service area* dan bukannya pembuatan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Lee Sing Chooi lepas tu Dato'.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah peningkatan kadar faedah baru-baru ini juga disebabkan oleh krisis harga minyak dan juga menggalakkan FDI berada di Malaysia dan apakah impak kenaikan kadar faedah itu kepada ekonomi kita. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, boleh satu kali lagi bagi soalan. *Slow* sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cepat sangat.

Tuan Lee Sing Chooi: Adakah peningkatan kadar faedah itu, baru-baru ini yang diumumkan itu disebabkan oleh krisis kenaikan harga minyak itu dan juga adakah kenaikan kadar itu juga disebabkan kita hendak menggalakkan FDI datang di Malaysia dan apakah impaknya kepada ekonomi kita.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kadar faedah yang kita naikan bukan sebab krisis minyak tetapi sebab keadaan ekonomi negara kita. Semasa Bank Negara kita hendak mengubah apa-apa kadar faedah, kita akan ambil timbang semua faktor-faktor di negara kita. Daripada masa sekarang, masa sudah selesai untuk kita berubah sikit kadar faedah. Yang kedua, kita pun tidak risau kenaikan kadar faedah ini akan menimbulkan impak negatif kepada kita sebab biasanya kita memang sudah ada faktor lain yang boleh menarik mereka datang ke Malaysia, bukan sahaja kadar faedah. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, dari segi perancangan jangka panjang yang disebut itu tadi, apakah yang telah dirancang dan yang akan dilakukan untuk menjana sektor pembinaan khususnya untuk membantu para kontraktor yang semakin tenat sekarang ini, khususnya kelas F. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memang kita juga hendak menolong dan menggalakkan pihak kontraktor, industri *construction* tetapi yang penting kepada kita, kita mesti menentukan mana kontraktor kelas F yang boleh buat kontrak itu dan mana yang tak boleh. Masa sekarang kita ada begitu ramai kontraktor kelas F. Jadi, jikalau mereka tidak boleh habiskan kontrak mereka ada satu masalah. Jadi apa yang penting pada masa sekarang adalah kita - *we separate* dengan izin, *the WHEAT from the chaff* menentukan betul-betul kontraktor 'F' itu boleh buat kontrak itu dan yang kedua, kerajaan sekarang akan kurangkan buat projek-projek yang besar tetapi kita akan mementingkan kontrak-kontrak yang sederhana yang kecil khasnya di luar bandar. Sekian.

2. Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan bagaimanakah pihak kementerian mengawal-selia kegiatan-kegiatan pemasaran komersial menggunakan perkhidmatan pesanan ringkas SMS, terutama sekali terhadap pakej-pakej pemasaran SMS yang membabitkan kutipan wang daripada pengguna telefon bimbit.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pakej-pakej pemasaran SMS yang melibatkan kutipan wang daripada pengguna telefon bimbit adalah meliputi perkhidmatan berasaskan kandungan seperti muat turun nada

dering, logo operator, undi SMS, *chat*, berita, info kewangan dan sebagainya termasuklah kutipan derma.

Perkhidmatan muat turun ini adalah satu perkhidmatan di mana pelanggan mempunyai pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan nilai tambah bagi telefon selular mereka pada kadar caj yang ditetapkan oleh syarikat pembekal kandungan. Perkhidmatan muat turun juga adalah satu perkhidmatan pilihan pengguna dengan izin, *customer choice* di mana pengguna memberi arahan kepada pemberi perkhidmatan, pembekal kandungan supaya menghantar kandungan yang diminta melalui sistem pesanan ringkas SMS. Bayaran yang dikenakan oleh syarikat telekomunikasi untuk muat turun meliputi bayaran untuk perkhidmatan sistem pesanan ringkas SMS serta bayaran yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan muat turun. Bayaran yang dikenakan ini tidak tertakluk kepada kawalan *regulatory*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat undang-undang yang sedia ada seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, forum pengguna dan kod pengguna serta menggariskan panduan pelaksanaan perkhidmatan sistem pesanan ringkas SMS dan semua pembekal perkhidmatan perlu mematuhi. Selain itu, pihak pemberi perkhidmatan selular telah mengeluarkan garis panduan yang berkuat kuasa dari 15 Ogos, 2005 berkaitan perkhidmatan SMS melalui langganan beryuran dengan izin, *subscription* di mana ia meliputi cara-cara pendaftaran untuk melanggan, standard untuk langganan, cara untuk menamatkan langganan dan pemberitahuan harga, cara-cara pengiklanan dan lain-lain. Garis-garis panduan ini perlu dipatuhi oleh pembekal kandungan yang menawarkan perkhidmatan sistem pesanan ringkas SMS dan jika terdapat salah laku oleh pembekal kandungan dan juga berdasarkan aduan yang diterima, pemberi perkhidmatan selular berhak menggantung atau memberhentikan perkhidmatan tersebut. Bagi pemasaran perkhidmatan SMS pula, termasuk kadar-kadar pakej perkhidmatan SMS.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak mahu bagi peluang, soalan tambahan?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor:termasuk kadar-kadar pakej yang ditawarkan adalah tertakluk kepada kuasa pasaran dengan izin, *market forces*. Walau bagaimana pun, perkhidmatan telefon selular perlulah bijak memilih perkhidmatan SMS yang mereka ingin langgani dengan mengambil kira kadar bayaran yang dikenakan. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah terdapat syarikat-syarikat yang menggunakan perkhidmatan ini tidak mempunyai lesen dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan sekiranya terdapat syarikat yang menjalankan kegiatan yang tidak mempunyai lesen.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, apabila Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia menjalankan siasatan berhubung dengan aduan daripada pengguna-pengguna telefon mudah alih, terdapat lebih kurang 70 syarikat yang tidak mempunyai lesen mengamalkan perkhidmatan perniagaan ini dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sedang membuat penyiasatan terperinci berhubung perkara ini dan jika didapati sabit kesalahan, syarikat ini boleh didenda sebanyak RM500,000.00 atau pun dihukum penjara selama 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Baik Yang Berhormat mengizinkan supaya ada soalan tambahan, kalau tidak perkara ini tidak timbul. Puan Hajah Samsiah.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, adakah kementerian bercadang untuk menghapuskan sama sekali perniagaan yang berunsurkan perjudian SMS ini yang belum tentu kesahihannya atau *genuine* dengan izin sesuatu keputusan itu. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, apabila sesuatu peraduan itu diamalkan, sekiranya ia berunsur perjudian, sudah tentu ianya diharamkan. Kerana apabila sebarang pertandingan ataupun peraduan yang berunsur perjudian, perlulah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Kewangan. Maka tidak wujud sebarang pertandingan ataupun peraduan yang berunsur perjudian di dalam perkhidmatan SMS di negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad. Lepas ini, Yang Berhormat Dato' berpeluang mengemukakan pertanyaan tambahan jika mahu.

3. **Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan menyatakan mengapa tarian tradisional yang dipersembahkan di majlis-majlis keramaian kebangsaan dan pesta-pesta pelancongan dicemari unsur-unsur budaya popular dari luar walaupun Malaysia kaya dengan kebudayaan tersendiri yang indah lagi unik. Adakah usaha untuk mengembalikan dan menggalakkan keaslian kesenian dan warisan kita.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk makluman, adalah menjadi dasar Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk memulihara semua elemen seni dan budaya warisan bangsa, semoga terus kekal dengan keunikan dan keasliannya termasuk bidang seni tarian tradisional. Kumpulan-kumpulan kesenian di peringkat negeri dan persekutuan yang dikelolakan oleh kementerian saya telah mengadakan banyak persembahan di majlis keramaian kebangsaan dan di majlis-majlis tempatan rasmi yang melibatkan jemputan dari luar negara.

Dalam hal ini, kementerian amat mengambil berat tentang aspek keunikan dan keaslian warisan bangsa. Sejak kementerian ini diwujudkan, aspek-aspek keunikan dan keaslian warisan bangsa menjadi keutamaan. Sebagai contoh penekanan telah diberi terhadap pengkalan keaslian tarian dan muzik tradisional supaya ianya tidak dicemari dengan unsur-unsur budaya dari luar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan mengekalkan warisan bangsa khususnya dari segi keaslian dan keunikan tarian tradisional yang berterusan, beberapa langkah dan usaha telah diambil di antaranya seperti berikut:

- (i) kementerian dengan kerjasama kerajaan negeri sedang memperbanyakkan latihan untuk kumpulan kesenian yang berada di peringkat negeri dengan mengadakan bengkel-bengkel yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat bagi menyemarakkan lagi budaya warisan bangsa;
- (ii) menghantar *choreographer* tarian ke beberapa negara yang mempunyai kumpulan kesenian di bawah pengelolaan dan pengawasan kedutaan Malaysia bagi tujuan mengekalkan keunikan dan keaslian tarian tradisional; .
- (iii) mengedarkan bahan-bahan maklumat seni budaya, seperti buku, *pamphlet*, CD dan VCD ke Institusi pengajian tinggi awam dan swasta, sekolah-sekolah rendah dan menengah serta NGO kebudayaan; dan
- (iv) mengadakan pertandingan tarian di peringkat negeri dan daerah yang melibatkan semua peringkat sekolah rendah, menengah, IPTA, IPTS, dan badan-badan kebudayaan sebagai dorongan dan galakan berterusan demi untuk meneruskan pengkalan warisan bangsa.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad. Lepas itu Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Apa yang dimaksudkan di sini, adalah keaslian tradisi tarian-tarian yang saya rasa sudah pun dicemari sekarang. Tarian-tarian ini tidak ada bezanya daripada yang ditarikan di dalam *disco-disco* seperti Ahli-ahli Yang Berhormat pernah melihat sendiri apabila kita melawatnya. Kita nak pulangkan tarian keaslian..

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ya, keaslian itu seperti yang dianjurkan oleh negara-negara lain, oleh kerana ia mempunyai satu nilai ekonomi yang amat tinggi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya Yang Berhormat? Pertanyaannya?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Pertanyaannya, sama ada kita konsentrasi tentang menghidupkan semula keaslian yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Tepat, terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Yang Berhormat tidak begitu spesifik. Secara umum sahaja. Tadi saya ada katakan iaitu Kementerian saya mengukuhkan iaitu keaslian tarian tradisional dan sebagainya. Ini sudah berlaku di banyak tempat-tempat yang kita menganjurkan iaitu program kebudayaan dan sebagainya.

Namun demikian, mungkin ada terdapat persembahan kesenian yang dianjurkan oleh pihak swasta telah menjejaskan keaslian tarian tradisional kerana mereka lebih mementingkan unsur-unsur hiburan semata-mata. Di samping itu juga, kementerian kita ada program berterusan, iaitu program latihan dan bimbingan seni, supaya kita mengekalkan dan mengembangkan itu tarian tradisional. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat lebih maklumat tentang galakan yang telah dikatakan yang telah diberi oleh kerajaan seperti contoh dondang sayang, seperti dondang sayang, Tuan Yang di-Pertua. Ia ada satu kesenian yang unik.

Tetapi setahu saya ia tidak dapat sebarang bantuan daripada kerajaan dan kalau ini tidak diberi, maka lama kelamaan ia akan kehilangan satu kesenian yang unik di negara kita. Seperti itu adalah satu contoh. Apakah usaha yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan kesenian-kesenian semacam itu tidak kehilangan dalam negara kita? Itu yang penting Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat dari Pulau Pinang. Yang Berhormat, saya tidak tahu Yang Berhormat adalah seorang peminat dondang sayang dan sebagainya. Tapi, saya tidak nampaklah masalah terhadap program-program yang dianjurkan oleh kementerian saya. Yang YB maksudkan ialah pemuliharaan kesenian tradisional.

Itulah salah satu program yang penting kementerian saya supaya dilaksanakan di peringkat negeri yang menumpukan kepada kesenian yang hampir pupus, unik dan mempunyai identiti sesebuah negeri. Sebenarnya, kita ada program. Iaitu program yang dijalankan oleh kementerian saya. Di negeri-negeri tertentu, seperti contohnya Perlis, kita menghidupkan atau menggalakkan iaitu Awang Batil, Berinai, Hadrah, dan untuk negeri Melaka, dondang sayang lazim, dan Pulau Pinang Boria yang begitu menarik, ya? Itulah terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sudah hadir di muka bumi ini 60 tahun, saya pun sangsi, bolehkah kita pertahankan keaslian seni dan budaya ini? Nampaknya seolah-olah *the only constant and universe is change*. Dengan izin.

4. **Dato' Rhina Bhar** minta Menteri Kewangan menyatakan di mana sektor perniagaan MAS telah mengalami kerugian sebanyak RM281,000,000.00 di suku pertama tahun ini dan apa langkah yang telah diambil untuk mencegah berlakunya kerugian di dalam sektor-sektor ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Dato' Rhina Bhar, dan Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir adalah mengenai prestasi yang dicapai oleh MAS dan langkah-langkah yang diambil bagi memperbaiki, izinkan saya menjawab ketiga-tiga soalan tersebut sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Jumlah kerugian selepas cukai terkumpul yang dicatat oleh MAS untuk tempoh tahun kewangan 2000 - 2001 hingga tahun kewangan 2000 - 2005 adalah sebanyak RM129.3 juta.

Sungguhpun MAS telah mencatatkan kerugian pada tahun kewangan 2000 - 2001 dan 2001 - 2002, namun bagi tahun kewangan 2002 - 2003 hingga 2004 - 2005 MAS telah mencapai keuntungan di bawah pengurusan baru dan di berikutan pengambilalihan saham MAS oleh kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan atau MKD daripada Naluri Berhad pada bulan Februari 2001.

Walau bagaimanapun, bagi suku pertama tahun kewangan 2005 - 2006, MAS telah mencatat kerugian selepas cukai sebanyak RM280.7 juta dan dituruti dengan kerugian sebanyak RM367.7 juta bagi suku tahun kedua kewangan 2005 - 2006. Punca utama kerugian yang dialami oleh pihak MAS bagi kedua-dua suku tahun tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan kos operasi kesan daripada kenaikan harga minyak dan kos-kos lain termasuk kos model walaupun dalam tempoh yang sama. MAS juga telah berjaya meningkatkan hasil syarikat masing-masingnya sebanyak 16.7% dan 9.4% melalui peningkatan kapasiti dan jumlah penumpang. Peningkatan kos bahan api yang menyumbang kepada peningkatan keseluruhan kos operasi MAS sebanyak 46% telah meningkat masing-masingnya sebanyak 57.7% dan 45% untuk suku tahun pertama dan suku tahun kedua.

Manakala kos-kos lainnya telah meningkat sebanyak 16.9% dan 22.9% untuk suku tahun pertama dan suku tahun kedua masing-masing. Bagi memperbaiki prestasi MAS, pihak pengurusan telah menyediakan *plan operating strategy*, dengan izin, yang merangkumi tiga fasa di mana butir-butir pelan untuk menstrukturkan semula MAS akan dikemukakan kepada kerajaan pada pertengahan bulan Februari, 2006.

Fasa satu melibatkan peningkatan hasil melalui penambahbaikan *yield* dan *load factor* serta meningkatkan keupayaan perniagaan teras di samping mengambil langkah-langkah mengurangkan kos terutamanya bekalan dan bahan api.

Tuan Yang di-Pertua: Saya percaya soalnya akan menarik minat banyak soalan tambahan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Ya. Fasa dua yang menumpukan kepada *systematic profit growth* melibatkan *customer* dan *channel strategy* di samping meningkatkan produktiviti kakitangan MAS. Manakala fasa tiga pula, akan memberi tumpuan kepada perubahan besar atau *major transformation* dengan izin, dan peluang pertumbuhan perubahan setiap *change growth opportunities* oleh MAS. Penyediaan butir-butir pelan ini dan pelaksanaannya akan diterajui oleh Pengarah Urusan MAS baru yang telah dilantik pada 1 Disember tahun ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Rhina Bhar

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang jelas. Soalan tambahan saya ialah kami tidak boleh menafikan syarikat-syarikat yang memberi servis kepada MAS adalah dengan harga yang terlalu tinggi. Adakah CEO MAS yang baru terpaksa menamatkan kontrak-kontrak dengan syarikat ini dan mengeluarkan tender terbuka untuk *service* dengan syarikat-syarikat yang *reasonable without sacrificing quality* dengan izin, terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan memang sudah lama mencari satu *candidate* yang betul-betul sesuai untuk MAS. Kerajaan berasa yakin, dia akan mengambil cara-cara yang sepatutnya untuk mengurangkan kerugian dan membawa MAS ke suatu tahap keuntungan semula. Kita ada keyakinan, *decision*, dia buat sesuatu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bila pemerintah cari CEO, pemerintah pula janganlah *micro manage*. Dato' Musa, kemudian Tuan Tay.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Yang Berhormat, iaitu kenapa, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kos-kos kenaikan, kerugian MAS adalah kerana kenaikan kos-kos. Tapi kenapa pula, penerbangan Air Asia, penerbangan yang murah mendapat keuntungan sedangkan MAS mendapat kerugian? Tidakkah kerajaan bercadang untuk menubuhkan suatu jawatankuasa atau badan bebas untuk mengkaji kenapa MAS mengalami kerugian? Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Kita mengakui Air Asia adalah sebuah syarikat yang memang dijalankan dengan begitu baik. CEO yang baru ini dia sendiri pun akan mengkaji mengapa Air Asia boleh buat sesuatu, dan MAS tidak boleh berbuat sesuatu. Kita tak payah masa sekarang. Ada sesuatu jawatankuasa lagi untuk mengkaji, biar kita bagi CEO seperti yang Tuan Yang di-Pertua kata, satu peluang untuk menyelesaikan semua masalah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Tay.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah MAS bercadang untuk menawarkan lebih banyak tempat duduk berbentuk *super saver* dengan izin, iaitu satu kadar tambang jauh lebih rendah daripada harga tambang asal dalam musim dingin ataupun *low season* dengan izin. Ada penumpang-penumpang Pantai Timur misalnya dalam musim tengkujuh mewujudkan satu keadaan suasana menang-menang, terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf...

Tuan Yang di-Pertua: Itu pun soal *micro management* juga.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Adakah MAS hendak menambahkan...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Dengan izin, adakah MAS mencadangkan untuk menawarkan lebih banyak kerusi ataupun tempat dengan harga yang lebih

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu dasar yang MAS memang boleh buat sesuatu. Jika dia hendak kaji semua, dia akan kaji semua termasuk *chartered flights* dan lain-lain semua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi ya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah MAS masih menggunakan konsultan luar di dalam pengurusan yang hanya menambahkan lagi bebanan kepada kos pengurusan, terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, konsultan-konsultan untuk penerbangan adalah lain dengan konsultan-konsultan. Ini mereka memang mesti dapat pengalaman yang cukup dan juga dapat dia punya sesuatu punya impak. Konsultan ini yang ada masa sekarang di MAS adalah juga kata yakin, *brain power* dia, pengalamannya adalah memang sesuai dan sesuai dengan gaji dia, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun terlupa Peraturan Mesyuarat mengizinkan saya membenarkan hanya tiga pertanyaan tambahan.

5. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah peruntukan yang disediakan bagi menjayakan hadiah 'Jom Tukar Dan Menang', dalam menggalakkan pertukaran MyKad dan apakah kesan-kesan selepas pelaksanaan program tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan keseluruhan hadiah yang ditawarkan untuk tiga siri cabutan bertuah bawah program 'Jom tukar dan menang' bagi pemohon dan pemegang MyKad ialah sebanyak RM350,000 . Kesan daripada

program 'Jom tukar dan menang' permohonan untuk penukaran MyKad meningkat begitu mendadak. Contohnya pada bulan September, permohonan MyKad yang diterima adalah sebanyak 300,574 permohonan. Pada bulan Oktober 281,958 permohonan dan November 335,421 permohonan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Osman bin Bungsu.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan bagi mengesan dan menangani masalah sebahagian daripada kanak-kanak Orang Asli yang tinggal di pedalaman masih tidak mempunyai surat beranak dan MyKad seperti mana yang didakwa oleh pihak SUHAKAM baru-baru ini, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan kaum Orang Asli dapat didaftarkan dan yang telah didaftarkan dapat menukar kepada MyKad, langkah-langkah JPN ialah mengadakan program yang berterusan, antaranya mewujudkan unit bergerak di seluruh negara, bukan sahaja untuk Orang Asli, tetapi juga untuk masyarakat di pedalaman seperti Sabah. Unit Bergerak ini telah berjalan secara berterusan sehingga kini dan bagi menentukan langkah-langkah yang lebih konkrit. Yang Berhormat sendiri boleh membantu dengan mengatur pertemuan-pertemuan bagi membolehkan bagi memudahkan JPN mengambil langkah-langkah bagi menentukan kaum Orang Asli dapat didaftarkan serta yang perlu menukar kad pengenalan kepada MyKad dapat berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Samsiah binti Samsudin.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, pada pandangan kementerian, sehingga bilakah rakyat kita harus disogokkan dengan hadiah untuk menguruskan tanggungjawab sendiri seperti pertukaran MyKad ini? Tidakkah ini juga merupakan sogokan? Tidak adakah cara lain?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dahulu guru besar ya?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat, satu pandangan yang baik. Sememangnya menjadi hasrat kerajaan supaya setiap usaha yang dilakukan oleh kerajaan diberi sambutan secara meluas atas rasa kesedaran dan tanggungjawab. Tetapi, apa yang dilakukan oleh JPN dalam soal ini, sebenarnya tidak melibatkan peruntukan kerajaan. Hadiah sebanyak RM350,000 dibiayai sepenuhnya oleh syarikat yang dilantik untuk menjadi pembekal MyKad, terima kasih.

[Soalan No. 6 - Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff tidak hadir]

7. Dato' Kamarudin bin Ambok minta Menteri Kerja Raya menyatakan kenapakah laluan MRR2 masih belum dibuka sepenuhnya dan sehingga kini sejauh manakah status kerja-kerja membaiki pulih jalan dan bilakah dijangka akan siap sepenuhnya dan dapat beroperasi semula.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba jawab soalan ini dengan bagi konsep untuk memberi peluang kepada soalan tambahan. Struktur ini belum dibuka dengan sepenuhnya adalah disebabkan kerja-kerja baik pulih belum selesai dan soalan yang ditanya sejauh manakah status kerja membaiki pulih dijalankan, dia ada dua aspek pembaikan pulih;

- (i) pembaikan pulih di tapak bina; dan
- (ii) kajian untuk mengenal pasti apakah yang menyebabkan struktur itu rosak.

Untuk masa kini, proses untuk mengenal pasti kenapa struktur itu rosak, masih lagi ... untuk makluman Dewan yang mulia ini, salah satu kesan yang telah pun dikenal pasti dengan izin, adalah proses kimia yang disebut '*the delete intregete*' komisen. Ini satu proses yang agak luar biasa yang berlaku kepada struktur ini dan apabila pengenalan pasti ini telah pun dibuat dan ia kerja-kerja untuk al-pasti cara peringkat ini dengan izin melalui *none-linier finite agreement analyses* dan proses ini mengambil masa melalui satu kajian

dan apabila proses ini telah siap, maka *working drawing* akan disediakan dan barulah pembinaan tapak bina baik pulih, struktur, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Jins Shamsudin.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan peraturan atau sekatan bagi laluan MRR2 di waktu-waktu tertentu kerana terdapat kesesakan amat sangat terutama sekali di waktu-waktu pagi dan petang waktu pejabat di laluan MRR2 di persimpangan Jalan Pandan Indah dan juga Maluri, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekali gus Yang Berhormat terlupa jawab bilakah dijangka akan siap sepenuhnya dan dapat beroperasi semula.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Dalam soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin MRR2 ini dia nama ringkas *Middle Ring Road No. 2*, maknanya *round about* yang kedua yang terbesar yang mengelilingi Lembah Kelang-Kuala Lumpur ini. Ianya berfungsi untuk penyuraian trafik supaya akan melegakan trafik dengan izin *circulation* di Kuala Lumpur. Sudah tentu MRR2 ini merupakan jalan penghubung penyuraian utama bagi menyelesaikan masalah trafik dan pada awalnya struktur jejambat ini dia boleh menampung tiga lorong pergi dan tiga lorong balik..

Oleh kerana kerajaan meletakkan keselamatan awam adalah satu perkara yang terutama yang *paramount* dan apabila ada keretakan yang berlaku dan setelah kajian di tapak di buat bahawa pihak pakar mengatakan bahawa untuk membuka dua lorong pergi dan dua lorong balik, adalah satu keputusan yang boleh dilakukan apabila kita selesaikan semua masalah yang berhubung kait tentang keretakan ini, barulah laluan ini akan dibuat dengan sepenuhnya membolehkannya dia beroperasi secara optimum. Itu jawapan yang saya boleh berikan dan bilakah perkara ini akan dapat selesaikan, kita menjangkakan bahawa setelah selesai mengenal pasti *the delete intregete* ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingat semua pakar telah pun bersetuju ianya berlaku hasil daripada proses kimia dan analisis....

Tuan Yang di-Pertua: Halanya dijangka sahaja...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Dia jangka pun jawapan...

Tuan Yang di-Pertua: Bukanlah hendak suruh janji.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [*Ketawa*] dan analisis untuk membolehkan kerja-kerja *working drawing* dibuat telah pun di peringkat mutakhir dan saya yakin ada arahan telah pun dikeluarkan kepada pihak kontraktor untuk memulakan kerja-kerja di tapak bina dan dijadualkan semua kerja ini akan dapat diselesaikan pada bulan Julai 2006, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Roslan bin Awang

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, di dalam membina MRR2 ini yang terdapat keretakannya, siapa yang bersalah di dalam kajian dan siapakah yang menanggung perbelanjaan pembaikan ini

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pakej MRR2 yang berhubung kait tentang keretakan ini dibuat secara *design and build*. Maknanya ... yang telah pun dilantik oleh kerajaan dan apabila perkara ini berlaku, dia di dalam tempoh kecacatan. Kalau tempoh kecacatan masih berlaku, maka ... untuk LLD masih lagi dan kerajaan telah memutuskan supaya kontraktor yang bertanggungjawab ini harus tanggung seluruh kos pembaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya ini menguasai subjek beliau. Datuk M. Ratnam a/l Muthiah.

8. **Datuk Ratnam a/l Muthiah** minta menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan prosedur untuk menghidupkan semula rancangan 'Buku Hijau' yang telah diumumkan baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani masih dalam peringkat merangka pelan tindakan bagi menghidupkan semula Kempen Buku Hijau yang telah diumumkan baru-baru ini. Adalah dijangka kempen menghidupkan semula Buku Hijau ini akan dilancarkan pada awal tahun hadapan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk M. Datuk M. Ratnam.

Datuk Ratnam a/l Muthiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada kementerian ini akan bincang cara-cara operasi rancangan ini kerana untuk menjayakan projek ini, tanah perlu diadakan dan tanah adalah di bawah kuasa Negeri dan di masa dahulu, kita pun telah menghadapi banyak masalah untuk mendapat tanah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian. Apakah pandangan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Dahulu Yang Berhormat penanam bunga yang berjaya ya?

Datuk M. Ratnam a/l Muthiah: Betul Tuan Yang di-Pertua. *Very well.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, tahniah kepada Yang Berhormat sebab semangat Yang Berhormat memang setiap sesi Dewan Negara ini akan bertanya soalan yang sama..[Ketawa]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ... dan mungkin ini adalah satu *there is a light at the end of the tunnel* dengan izin, [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Bukan sama, soalan yang serupa.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Serupa. Yang Berhormat, *there is a light at the end of the tunnel* dengan izin, satu memang daripada pelan tindakan ini yang pertamanya memang program pelancaran Buku Hijau ini akan dikendalikan oleh Jabatan Pertanian di seluruh negara.

Satu daripadanya ialah menubuhkan satu jawatankuasa, kedua ialah untuk mendapatkan kelulusan daripada kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan berkaitan dengan penggunaan tanah itu memang penting dan ketiganya memang yang penting juga kita akan menyediakan bajet yang berkaitan. Untuk makluman kepada Yang Berhormat, satu daripada program yang dilakukan oleh kementerian adalah untuk mendapatkan kerjasama daripada kerajaan negeri untuk mengenal pasti taman kekal pengeluaran makanan iaitu....

Tuan Yang di-Pertua: Takkanlah kerajaan negeri tidak mahu beri kerjasama. Ini perkara utama yang ditekankan oleh Perdana Menteri sendiri.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Beri. Tuan Yang di-Pertua, dia beri tetapi kadang-kadang mereka berikan tanah yang tidak sesuai. [Ketawa] Tetapi kedua, ini yang saya katakan *there is a light at the end of the tunnel*. Kita sekarang ini kementerian, bila kata kementerian akan menyediakan satu perkara ini di bawah dasar baru iaitu untuk mengadakan dengan izin, *land bank*, di mana kementerian pula yang akan membeli tanah-tanah yang sesuai untuk kegunaan seperti Yang Berhormat yang begitu cenderung kepada pembangunan pertanian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu perkara baru, itu lagi baik. Sila ulangi Yang Berhormat yang kementerian akan mengadakan *land bank*.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Satu dasar baru yang dirancang untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ialah kita akan mewujudkan *land bank*, dengan izin di mana kementerian...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak harap sangatlah kerajaan negeri.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Kementerian beli tanah. Jadi kita menyediakan, jadi nanti prosedur dan sebagainya, insya-Allah kita akan beritahu bila ianya di dalam peringkat yang sudah pasti. Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf ya, yang sebelah ini selalu saya tidak nampak, sebelah dengan Yang Berhormat.

Datuk Haji Karim Ghani: Rancangan Buku Hijau yang telah dilaksanakan dahulu dan diura-urakan hendak dihidupkan semula ini. Kalau kita lihat yang sudah-sudah, umpamanya sistem pawah, sistem memberi baja dan sebagainya, berapa *percent*kah yang berjaya dan berapa *percent*kah yang gagal dan kalau kita lihat, apakah matlamat hanya untuk mengadakan Rancangan Buku Hijau supaya peserta itu dapat hasil yang untuk cukup makan sahajakah atau adakah matlamat kita untuk memperkayakan orang yang menyertai program ini kerana kalau cuma untuk cukup makan sahaja, tidak ada beza peserta itu dengan lembu dan kambing yang dipeliharanya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya Yang Berhormat?

Datuk Haji Karim Ghani: Pertanyaan saya berapa banyakkah program yang dirancang ini telah berjaya pada masa yang sudah-sudah dan apakah matlamat menghidupkan semula ini hanya untuk menghidupkan semula tetapi tidak memperkayakan orang yang menyertainya? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan pada 20 Disember tahun 1974 bermatlamat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Sebab itulah pendekatan yang diambil macam ala Buku Hijau tetapi sebenarnya adalah konsep yang lain tetapi ini sebenarnya tidak di dalam soalan ini, soalan ini kempen, kempen untuk kita mengadakan Buku Hijau. Kempen ini Yang Berhormat, konsepnya adalah untuk kita menanam sayur-sayuran seperti sayur-sayuran di kawasan terbiar tepi rumah kita semula sebab didapati sekarang ini bahawa banyak kawasan perumahan dan sebagainya, tanah terbiar kita biarkan begitu sahaja termasuk jugalah sikap-sikap kita sendiri.

Sekarang ini kita hendak mewujudkan semula sikap kita untuk bertanam sendiri. Satu untuk keperluan sendiri, keduanya kalau ada lebih untuk kita jual. Itu sebenarnya kempen Buku Hijau tetapi apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi memanglah tidak dinafikan ada kerajaan Yang Berhormat. Banyak daripada skim-skim pembukaan tanah seperti FELDA dan sebagainya bermula daripada rancangan itu tetapi sekarang ini kita tidak dapat menggunakan konsep itu sebab pendekatan yang diambil adalah berlainan, khasnya yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu mengkomersialkan pembangunan pertanian.

Memanglah Yang Berhormat tidak dapat dinafikan bagi mereka yang betul-betul minat dan berusaha dalam bidang ini mereka ini memanglah kaya tetapi sekarang ini kita hendak mewujudkan supaya kita mewujudkan yang kaya ini menjadi syarikat-syarikat *anchor* untuk membangunkan petani-petani yang lain di mana tidak mampu dengan modal dan sebagainya supaya mereka....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, nanti jadi berhujah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: [Ketawa] ...*contract farmers*, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

9. **Dato' Seri Empiang Jabu** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah dan pelan tindakan untuk mengatasi wabak selesema burung di Malaysia sama ada kakitangan-kakitangan hospital-hospital dan juga klinik-klinik mempunyai kelengkapan untuk mengawal wabak ini serta-merta.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab secara bersekali bagi pertanyaan dari:

- i. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi bertarikh 7 Disember 2005;

- ii. Yang Berhormat Puan Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn bertarikh 7 Disember 2005;
- iii. Yang Berhormat Datuk Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani bertarikh 12 Disember 2005;
- iv. Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid bertarikh 12 Disember 2005;
- v. Yang Berhormat Dr. Raja Ram a/l Nadayson bertarikh 12 Disember;
- vi. Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim bertarikh 14 Disember;
- vii. Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik bertarikh 15 Disember;
- viii. Yang Berhormat Datin Naomi Chong Set Mui bertarikh 15 Disember;
- ix. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri bertarikh 19 Disember;
- x. Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Zainudin bertarikh 19 Disember ; dan
- xi. Yang Berhormat Datuk Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang bertarikh 20 Disember.

Yang kesemuanya berjumlah 11 soalan kerana berkaitan dengan wabak selesema burung dan kesiapsiagaan kementerian dalam menghadapinya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan, Yang Berhormat.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada kebiasaannya penyakit selesema burung ataupun *Avian Influenza* hanya berlaku di kalangan haiwan ternakan iaitu ayam, itik dan burung. Penyakit ini mula dikenal pasti boleh berjangkit kepada manusia pada tahun 1918 semasa berlaku wabak *Avian Influenza* di Hong Kong pada tahun tersebut. Sehingga 29 November 2005, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan seramai 133 orang telah dijangkiti virus ini di mana 68 orang daripadanya telah meninggal dunia. Semenjak dari bermulanya wabak *Avian Influenza* ini, Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah melarang pengimportan unggas dan produknya dari negara-negara yang dilanda wabak ini. Selain dari itu, pemantauan di kalangan unggas di Malaysia terus dijalankan.

Kes selesema burung hanya boleh dirawat di hospital-hospital yang telah dikhususkan dan mempunyai kelengkapan wad *isolasi*. Kementerian Kesihatan juga sedang dalam usaha menaik taraf hospital dengan menambah bilangan dan kelengkapan wad *isolasi* dan kemudahan diagnostik, juga pembelian *antiviral* serta peralatan perlindungan diri. Latihan kepada kakitangan dalam aspek mencegah perubatan dan penyakit berjangkit secara umum terus diadakan dari masa ke semasa.

Memandangkan jangkitan selesema burung masih terhad antara unggas dan manusia sahaja dan bukan manusia ke manusia, maka kakitangan di hospital-hospital dan klinik-klinik akan mampu mengawal wabak ini. Saringan di pintu masuk juga tidak perlu dilakukan buat masa ini berdasarkan fakta ini, WHO juga tidak menganjurkan langkah penyaringan di pintu masuk bagi penyakit influenza manusia memandangkan virus ini boleh disebarkan oleh orang yang dijangkiti sebelum dia menunjukkan sebarang gejala influenza. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Ismail bin Kasim saya kirakan masa pertanyaan bermula pukul 10.20 tadi dan saya akan teruskan sehingga 11.20. Silakan Tuan Ismail.

10. **Tuan Ismail bin Kasim** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengelakkan kemasukan pengganas-pengganas yang dikatakan berkait rapat dengan kematian Dr. Azahari Husin demi menjaga ketenteraman negara.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah keselamatan yang telah dan sedang diambil untuk mengelakkan kemasukan pengganas-pengganas yang dikatakan berkait-rapat dengan doktor Azahari Husin seperti yang dimaksudkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah;

- (i) Pihak polis dengan kerjasama agensi penguatkuasaan yang lain seperti Angkatan Tentera Malaysia, RELA dan juga Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa memperketat kawalan semua pintu masuk dan sasaran strategik di seluruh Malaysia terutama dalam mengawal aktiviti penyeludupan senjata api, emigrasi dan bahan letupan.
- (ii) Mempertingkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa negara-negara asing di seluruh dunia seperti pertukaran maklumat risikan, latihan dan tindakan bersama bagi menangani ancaman pengganas tersebut.
- (iii) Meluluskan pemantauan terhadap anasir-anasir militan seperti Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan juga Jemaah Islamiah (JI) yang masih bebas dengan kerjasama pihak berkuasa Negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain turut menjadikan ASEAN Ministerial Meeting on Transnational Crime (AMMTC), ASEAN Senior Official Meeting on Transnational Crime and ASEAN Regional Forum on Counter-Terrorism and Transnational Crime sebagai satu platform bagi meningkatkan kerjasama di antara negara ASEAN menangani aktiviti keganasan dan jenayah di rantau ini. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagi mengatasi masalah ini di peringkat awal yang melibatkan rakyat negara kita, fokusnya kepada pelajar-pelajar yang belajar di negara-negara yang dianggap sebagai negara-negara sumber yang boleh dan mencetus ataupun melatih pelajar kita yang terlibat dalam kegiatan keganasan ini, apakah tindakan pemantauan atau perisikan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan setakat ini bagi mengatasi masalah ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin mengenai keselamatan negara kita. Para pelajar di luar negara kita sentiasa pantau aktiviti-aktiviti mereka. Sejak tahun 2002, semua pelajar yang akan pergi ke luar negara untuk mengikuti pengajian, mereka ini diwajibkan menghadiri satu latihan atau satu kursus dan di dalam kursus-kursus tersebut kita berikan penerangan mengenai cabaran-cabaran di luar negara dan juga keadaan Islam di negara kita dan juga mungkin ancaman-ancaman yang berlaku sewaktu mereka berada di luar negara. Setakat ini kita dapati keadaan pelajar-pelajar kita di luar negara masih lagi kita kawal dengan baik.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berhubung dengan kemasukan dari luar pengganas-pengganas ataupun orang-orang yang ada hubungan dengannya tetapi idea "kepengganasan" ini sebenarnya tidak semestinya datang daripada luar sudah ada di dalam negara kita. Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan untuk menentukan bahawa tidak berjangkitnya penyakit ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Langkah yang kerajaan ambil sudah tentu pertama kita kesan ketuanya dan juga pengikut-pengikutnya. Untuk kita betul-betul mengawal idea ini atau pemikiran yang boleh menimbulkan ancaman keselamatan dalam negara ini merebak atau dijangkiti oleh orang

lain, maka tindakan kita ialah kita menahan pemimpin-pemimpin mereka dan juga pengikut-pengikut mereka yang ada kaitan dengan mereka seperti JI. Ini kita telah tahan lebih kurang 67 orang dan kita tahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, begitu juga dengan pengikut KMM, kita telah tahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan dengan adanya penahanan ketua dan juga pengikut-pengikut mereka ini maka kita lihat setakat ini Alhamdulillah kita dapat mengawal ancaman dengan lebih selamat lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan izin, kalau tadi saya sebutkan seolah-olah dengan izin, *the only constant in the universe is change*, kepenggunaan pula *terrorism* adalah mungkin hasil daripada sanubari yang rasa terancam *alienated* atau *marginalize by a changing world*. Mungkin kepenggunaan adalah hasil daripada mereka yang tak sanggup menghadapi *change*. Datuk Wira Syed Ali.

11. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk melantik Naib-naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor dan Dekan-dekan Universiti-universiti tempatan serta siapakah yang bertanggungjawab melantik mereka ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan pada 15. 12.2005 oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae kerana ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Dibenarkan.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan ke jawatan-jawatan naib canselor dan timbalan naib canselor institusi pengajian tinggi awam adalah berdasarkan keserjanaan dan kredibiliti akademik calon-calon yang terpilih. Adalah menjadi amalan kementerian untuk mencari calon dari kalangan ahli akademik yang telah menunjukkan pencapaian dalam lapangan masing-masing serta mempunyai kebolehan kepimpinan yang cemerlang. Sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap Institusi Pengajian Tinggi Negara, maka tanggungjawab di atas pelantikan pegawai-pegawai utama IPTA adalah di bawah bidang kuasa Menteri Pengajian Tinggi melalui *consultancy* Lembaga Pengarah Universiti.

Mengenai pelantikan dekan-dekan di IPTA, ianya adalah pelantikan dalaman yang dibuat oleh naib canselor dari kalangan ahli akademik yang mampu memberikan kepimpinan kepada serakanan di IPTA. Dalam usaha meningkatkan fungsi dan peranan naib canselor atau rektor IPTA serta meningkatkan keupayaan akademik dan penyelidikannya, kementerian sedang dan akan memantapkan proses pemilihan calon dengan berpandukan kepada *Key Performance Indicator (KPI)* serta amalan-amalan terbaik dunia. Hanya calon-calon yang telah menunjukkan kecemerlangan akan dipertimbangkan untuk menjawat jawatan tertinggi universiti tersebut dan proses ini sejajar dengan usaha kerajaan untuk memastikan IPTA berada dalam kedudukan terbaik bersama-sama dengan universiti terbaik dunia dalam bidang akademik dan pendidikan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Wira Syed Ali Abbas.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Kemudian Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Soalan tambahan saya, siapakah yang harus dipertanggungjawabkan dengan tahap pencapaian universiti. Kalau di sektor swasta Ketua Pegawai Eksekutif. Kalau di universiti saya minta Yang Berhormat dapat beri jawapan, terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut undang-undang Malaysia, [Akta 30] Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), adalah menjadi kewajipan naib canselor menentukan supaya peruntukan Perlembagaan dan peruntukan *statute* akta dan peraturan-peraturan dipatuhi, dan dia adalah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi maksud ini dan khususnya untuk memastikan supaya tiap-tiap pihak

berkuasa atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasa-kuasa atau tugas-tugas yang ditetapkan tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya apakah rancangan kerajaan untuk melantik naib-naib canselor di kalangan bukan ahli akademik merupakan langkah yang bijak atau mengundang lebih banyak masalah. Ini adalah kerana pentadbiran universiti sekarang ini diketuai oleh ahli akademik pun banyak menimbulkan masalah, apatah lagi jika orang luar diambil untuk mentadbir universiti.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Calon yang dipilih bukan sahaja sesuai malah mempunyai ciri kepimpinan yang tinggi di samping latar belakang akademik yang kukuh termasuk dari segi pendidikan, penerbitan ilmiah dan berupaya menjalinkan rangkaian hubungan antarabangsa seluruh dunia. Dalam membuat pemilihan calon naib canselor, pelbagai aspek perlu diteliti sama ada tokoh-tokoh yang disanjung sama ada daripada sektor akademik dan bukan akademik. Ini telah berlaku di luar negara *best practice*, amalan terbaik di luar negara contohnya seperti Howard Davies - di London School of Economic.

Beliau ialah seorang tokoh kewangan yang dilantik menjadi Director of London School of Economic, tetapi di peringkat kita, pendidikan tinggi negara kita kini terpaksa berhadapan dengan persaingan yang cukup kuat dan hebat khususnya di arena antarabangsa dan *Vice Chancellor* ataupun Naib Canselor mestilah mempunyai kesefahaman, sekali gus mendapat kerjasama dan sokongan padu daripada kakitangan universiti untuk mencapai aspirasi dan hala tuju universiti. Justeru itu calon-calon yang telah dipilih setakat ini berada di 17 IPTA di negara kita merupakan tokoh-tokoh yang cemerlang dari segi akademiknya dan kepimpinannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup, saya ingin memohon maaf kepada Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain kerana tak sempat beliau duduk saya perlu pindah sedikit sudut saya melihat Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan tamat]

USUL

UCAPAN TAKZIAH KEPADA PERDANA MENTERI DAN KELUARGA ATAS KEMBALINYA KE RAHMATULLAH

ALLAHYARHAMAH DATIN SRI ENDON MAHMOOD

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan perasaan yang amat sedih memohon izin di bawah Peraturan 26(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara untuk mengemukakan satu usul seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmud, isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pada 20 Oktober 2005 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarganya”.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmud telah kembali ke pangkuan Ilahi pada hari Khamis 20 Oktober 2005, bersamaan dengan 16 Ramadhan 1426 Hijrah, tepat jam 7.55 pagi setelah dengan penuh sabar, cekal dan tabahnya melawan penyakit kanser yang dihadapinya sejak tahun 2002. Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmud dilahirkan tanggal 24 Disember 1940. Ayahanda beliau bernama Datuk Mahmood Ambak dan bondanya ialah Datin Mariam Abdullah. Beliau merupakan anak kembar dalam keluarga. Allahyarhamah menerima pendidikan awal di Sekolah

Kebangsaan Methodist di Kampar Perak dan meneruskan pendidikan beliau di Sekolah Menengah St. Mary, Kuala Lumpur.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 September tahun 1965 dan dikurniakan dengan sepasang cahaya mata lelaki dan perempuan. Allahyarhamah pernah berkhidmat dengan Jabatan Kerajaan dan telah memilih untuk bersara secara pilihan semasa bertugas di Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 1976.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Allahyarhamah adalah penyokong nombor satu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang dikasihi, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Jelaslah Allahyarhamah adalah seorang isteri, ibu, sahabat serta wanita pertama yang amat penyayang lagi prihatin. Pepatah ada menyebutkan bahawa kejayaan seorang suami tentunya atas dukungan seorang wanita yang bergelar isteri. Justeru secara khususnya kepulangan Allahyarhamah ke rahmatullah merupakan satu kehilangan yang amat sangat dirasai terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana selaku isteri sudah pasti Allahyarhamah memainkan peranan sangat penting sebagai tulang belakang kepada suami tercinta.

Bahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmud telah disifatkan oleh ramai sebagai pasangan bahagia seperti "isi dengan kuku", amat rapat dan jarang berpisah. Sesungguhnya satu perkara yang paling dikenang oleh rakyat Malaysia tentang Allahyarhamah adalah sumbangannya dalam menggalakkan kesedaran terhadap penyakit kanser di negara ini.

Beliau merupakan sumber aspirasi kepada pesakit-pesakit kanser yang lain dengan semangat juang yang tinggi dan berani untuk menentang penyakit tersebut. Dalam hal ini saya berasa sungguh sebak apabila mengingatkan yang Allahyarhamah pernah berkata bahawa pesakit kanser boleh diibaratkan sebagai pemenang kerana kekuatan, ketabahan dan semangat jitu mereka berjuang melawan penyakit ini.

Nampaknya Allahyarhamah telah betul-betul membuktikan kata-kata beliau itu. Beliau benar-benar menjadi seorang pemenang dengan berjuang bersungguh-sungguh melawan penyakit kansernya, namun takdir serta ketetapan Allah S.W.T. tak dapat dielak lagi dan ia mengatasi segala-galanya. Tuan Yang di-Pertua, sebagai isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Allahyarhamah juga telah memikul amanah sebagai Yang di-Pertua Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan-timbalan Menteri atau ringkasnya, BAKTI.

Allahyarhamah telah memimpin BAKTI dengan penuh wibawa dan cemerlang dengan menjayakan beberapa program dan aktiviti. Antaranya sikap prihatinnya telah membolehkan Orang Kurang Upaya ataupun OKU mendapat perhatian serta kemudahan. Melalui Program Semai Bakti Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, PDK, perhatian akan diberikan kepada golongan OKU dan masyarakat FELDA di seluruh negara. PDK ini telah Allahyarhamah sempurnakan penubuhannya pada 22 Ogos 2004 di Felda Gedangsa, Selangor. Hasrat murni Allahyarhamah agar PDK dapat membuka peluang kepada anak kurang upaya yang tidak boleh mengikuti pendidikan di sekolah biasa atau institusi khas tetap dapat penjagaan pendidikan yang sempurna.

Apa yang lebih mengagumkan ahli-ahli BAKTI dan kita semua adalah sikap penuh tanggungjawab dan sangat mengambil berat beliau berkaitan dengan aktiviti-aktiviti BAKTI sehinggalah keadaan kesihatan beliau tidak mengizinkannya lagi. Untuk makluman semua, biarpun semasa berada dalam rawatan di luar negara Allahyarhamah tetap mengambil tahu tentang perkembangan aktiviti BAKTI dan juga projek-projek amal yang dinaunginya dengan begitu bersungguh-sungguh. Hakikatnya lagi pemergian Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmud ke rahmatullah disifatkan sebagai satu kehilangan besar kepada industri dan karyawan batik serta songket yang kini menjadi satu sejarah dan warisan negara.

Sebenarnya Allahyarhamah adalah tokoh yang bertanggungjawab mengembalikan semula kesegaran industri batik dan songket di dalam serta di luar negara, batik Malaysia kini dikenali di persada antarabangsa. Semua ini di atas kegigihan serta usaha Allahyarhamah mempromosikannya melalui kempen dan pelancaran di bawah program

batik Malaysia di seluruh dunia. Usaha beliau telah berjaya meningkatkan rezeki pengusaha-pengusaha batik terutamanya peniaga batik kecil-kecilan. Selain itu minat serta kecintaannya terhadap kebaya nyonya juga membolehkan beliau menjalankan kajian mengenainya selama 20 tahun secara diam-diam.

Hasilnya, buku-buku mengenai kebaya nyonya tulisan Allahyarhamah telah berjaya dilancarkan untuk tatapan umum sebagai identiti warisan yang bernilai. Usaha murni ini telah melayakkan Allahyarhamah terpilih sebagai tokoh "Jarum Berlian Malaysia" sempena Minggu Fesyen Kuala Lumpur 2004 anjuran kumpulan Utusan.

Sememangnya peranan yang dimainkan oleh Allahyarhamah dalam menobatkan batik, songket serta kebaya nyonya, sekali gus industri fesyen negara amat besar dan akan kekal dalam lipatan sejarah tanah air. Tentu sekali pemergian mengejut Allahyarhamah merupakan suatu yang sukar diterima oleh mereka yang berkecimpung dalam industri ini. Kata orang, "hilang sudah rimbun berteduh, patah sudah ranting berpaut".

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya lagi melalui Yayasan Budi Penyayang, Allahyarhamah telah menaburkan budi dan bakti dan melaksanakan begitu banyak kerja-kerja amal. Yayasan yang diasaskan oleh Allahyarhamah ini diharapkan dapat menjadi badan yang terbaik bagi menghimpunkan khazanah kebajikan atas jasa beliau kepada masyarakat semasa hayatnya. Sebagai mengenang jasa-jasa beliau yang terpuji kepada negara, Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood telah dianugerahkan dengan pelbagai bintang darjah kebesaran daripada kerajaan. Di samping itu, Allahyarhamah juga telah dianugerahkan pingat emas Tun Fatimah pada Ogos 2004, Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) bagi menghargai ketabahannya menghadapi cabaran sebagai pesakit kanser.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood akan sentiasa diingati sebagai seorang wanita yang murah hati, rendah diri dan amat penyayang orangnya. Perwatakannya lemah-lembut, hemahnya yang penuh dengan naluri keibuan tentu menambat hati sesiapa sahaja yang pernah mengenalinya. Allahyarhamah yang juga telah dimasyhurkan sebagai....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta izin.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih. Allahyarhamah yang juga telah dimasyhurkan sebagai Canselor bersama Universiti Terbuka Malaysia pada 16 Disember 2004 menjadi satu kehilangan yang amat dirasai oleh bukan sahaja ahli keluarga, sahabat handai, rakan taulan, malah bagi setiap seorang daripada warga universiti tersebut. Walaupun begitu, pemergian wanita berhati mulia dan bersemangat waja ini meninggalkan sebuah nama terbilang yang terpahat indah di sanubari kita semua selama-lamanya. Jelasnya lagi, komitmen Allahyarhamah terhadap masyarakat sebagai isteri pemimpin nombor satu negara telah dipenuhi. Peranan Allahyarhamah sebagai wanita, isteri dan ibu juga telah ditunaikan dengan sempurna. Kini wanita pertama yang kita sanjungi telah tiada lagi. Dia telah pergi buat selama-lamanya. Yang tinggal hanya jasa dan kata-kata dorongannya sebagai kenangan, "Nan dititik nan dieja, nan ditilik, nan ditimbang". Semua jasamu Kak Endon tidak akan kami lupa. Walau sebaris pun tidak mungkin akan hilang.

Nyatalah Allahyarhamah yang kita kasihi ini telah kembali kepada penciptanya. Kembali untuk janjinya kepada Allah yang Maha Esa. KepadaNya kita datang dan kepadaNya juga kita kembali. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kerajaan, saya dan semua Ahli-ahli Dewan Negara ini serta rakyat jelata berasa amat terharu di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood.

Oleh yang demikian, pihak kerajaan dan Ahli-ahli Dewan Negara ini juga, saya dengan tulus ikhlasnya menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta seluruh kaum keluarganya, khususnya kepada Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi, mendoakan agar beliau terus tabah menghadapi dugaan besar ini. Kita seluruh rakyat Malaysia akan tetap memberi sokongan padu dan tidak berbelah bagi agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus beriltizam memimpin kita semua dengan penuh cemerlang, gemilang dan terbilang. Semoga Allah S.W.T mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta seorang Menteri untuk menyokong. Dato' Hamzah menyokong.

11.36 pagi.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya menyertai perbahasan Ucapan Takziah Atas Kembalinya ke Rahmatullah Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood, isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 20 Oktober 2005 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarganya. Saya menyokong di atas usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz yang telah pun menyampaikan cadangan beliau sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mewakili rakan-rakan dalam Dewan ini serta seluruh rakyat Malaysia ingin menyatakan rasa terima kasih dan berbangga di atas sumbangan dan jasa-jasa Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood semasa hayatnya. Menjadi wanita pertama di samping suami yang bergelar Perdana Menteri bukanlah satu perkara yang mudah. Apatah lagi Allahyarhamah memang diketahui umum menderita penyakit berbahaya kanser dari tahun 2002 lagi.

Namun, penyakit yang dideritainya bukanlah menjadi batasan dan sekatan kepada beliau untuk terus menyokong suami tercinta dan melakukan kerja-kerja kebajikan. Sebaliknya itulah yang menjadikan beliau semakin kuat dan cecal untuk meneruskan kehidupan dan menabur jasa dan bakti selagi hayat di kandung badan. Dengan izin, boleh kita katakan beliau adalah seorang yang begitu *very cultured*. Beliau merupakan seorang pencinta dan penggalak seni, budaya dan warisan kita.

Perjuangan Allahyarhamah Yang Berbahagia Datin Seri Endon untuk mempopularkan pakaian batik dan songket di kalangan rakyat sebagai contohnya amatlah disanjung tinggi. Selama ini, rata-rata rakyat memandang enteng pemakaian batik dan menganggap ia hanya wajar dipakai di waktu-waktu tertentu sahaja. Tetapi Allahyarhamah sangat berfikiran terbuka, memandang jauh ke depan. Inisiatif beliau bukan sahaja berjaya menarik minat pereka fesyen untuk mempelbagaikan kreativiti terhadap fesyen batik malah menyebabkan industri pembuatan batik dan songket semakin membangun sekarang ini. Ini sekali gus membantu penjualan batik dan songket yang pernah suram suatu ketika dahulu dengan jumlah permintaan yang agak memberangsangkan akhir-akhir ini.

Allahyarhamah sering menjadi konsultan fesyen terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Perdana Menteri kita sendiri, Pak Lah yang kita kasihi dalam pemilihan fesyen baju batik. Semenjak kerajaan menggalakkan kakitangan awam memakai batik, industri batik terus mencatatkan permintaan yang mendadak, jauh beza dari dahulu yang dilihat seolah-olah nyawa-nyawa ikan sahaja. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sumbangan Allahyarhamah yang paling berkesan di Dewan Rakyat ialah apabila kembali mempopularkan pemakaian kebaya nyonya.

Kegigihan beliau dalam memartabatkan pakaian tradisi yang semakin dilupai oleh generasi muda dan generasi seangkatannya amat terserlah. Ini adalah kerana zaman yang semakin moden memungkinkan nilai-nilai murni dan ketimuran terhakis dari jiwa dan cara hidup kita. Mengambil iktibar ini, Allahyarhamah cuba untuk menerapkan kembali jati diri kita rakyat timur yang penuh dengan sopan santun dan nilai-nilai murni melalui pakaian kebaya nyonya dan fesyen yang terbaru itu. Warisan nenek moyang tidak wajar dipinggirkan dan harus dipelihara dari zaman ke zaman. Allahyarhamah yang mendapat sokongan padu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri di samping kerjasama erat yang diperolehi dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan

stesen-stesen televisyen swasta sebagai contoh terus memperjuangkan pemakaian kebaya nyonya ini.

Sesungguhnya perjuangan Allahyarhamah bukanlah omong-omong kosong. Hasilnya, buku mengenai sejarah dan fesyen kebaya nyonya berjaya diterbitkan. Ini dikukuhkan lagi dengan pelbagai anjuran kebaya nyonya yang melibatkan pereka-pereka fesyen terkenal tanah air yang turut serta menyahut seruan memartabatkan fesyen warisan pusaka nenek moyang kita. Hasilnya, ianya semakin dikenali bukan sahaja di kalangan rakyat malah di kalangan pelancong asing juga. Pengusaha kain batik, songket dan baju kebaya sekurang-kurangnya boleh menarik nafas lega di atas jasa dan sumbangan Allahyarhamah yang membantu memartabatkan fesyen ini di mata masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Dengan itu saya mencadangkan supaya kalau boleh atas segala jasa Allahyarhamah yang kita ucapkan terima kasih begitu tinggi ini ditingkatkan supaya ianya lebih dapat diteruskan oleh kita yang masih hidup ini. Saya mencadangkan supaya kerajaan mengambil beberapa perhatian untuk memastikan dan melipatgandakan segala usaha-usaha yang telah pun dibuat oleh Allahyarhamah sendiri. Kerajaan harus melipatgandakan usaha *research* untuk mendapatkan *design* fesyen batik, kebaya nyonya, songket dan segala-galanya.

Pengusaha-pengusaha batik dan songket tempatan harus diberi galakan dan latihan untuk mewujudkan usaha sama *design* batik, songket, pereka fesyen (*designer*) terkemuka dunia untuk diteruskan di merata dunia hari ini. Jika ini dapat diberi perhatian oleh kerajaan, kita yakin dan percaya, insya-Allah industri yang dipelopori oleh Allahyarhamah ini dapat diteruskan dan akan mendapat perhatian dan permintaan di serata dunia. Begitu juga dengan penyakit kanser. Dewan yang mulia ini, kita mengambil iktibar di atas pemergian Datin Seri Endon ke rahmatullah.

Kita ingin menggesa pihak kerajaan supaya mempercepatkan pembinaan Institut Kanser Negara agar lebih ramai pesakit kanser dapat dirawat. Daripada apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri tadi, ia menunjukkan bahawa Allahyarhamah telah memberikan satu kesan kepada semua mereka yang mempunyai sakit kanser bahawa ini adalah merupakan satu perjuangan dan kalau ia merupakan satu perjuangan yang baik untuk kepentingan rakyat keseluruhannya, mengapa tidak kerajaan juga mempercepatkan untuk kita membina satu Institut Kanser Negara. Penyakit kanser menyerang tidak kira usia tua dan muda, miskin dan kaya. Tetapi alangkah malangnya jika penyakit ini dideritai oleh golongan yang kurang berkemampuan. Kos perubatan untuk rawatan penyakit ini seperti yang rakan-rakan sedia maklum amatlah tinggi. Kelewatan untuk menyiapkan pusat khas untuk merawat khas hanyalah akan menyebabkan lebih ramai nyawa yang akan tertewas.

Kita ingin mencadangkan agar universiti-universiti tempatan yang ada di negara kita ini diberikan lebih banyak peruntukan seperti geran sebagai contoh untuk membuat *research* dan *development* berkaitan dengan penyakit kanser ini. Kita ingin melihat rakyat negara ini melipatgandakan usaha untuk penyelidikan bagaimana untuk merawat penyakit kanser dengan lebih berkesan. Kita juga menggesa Kementerian Kesihatan, Kementerian Sains dan Teknologi supaya mencari perubatan alternatif untuk merawat penyakit kanser seperti penggunaan herba atau produk-produk yang berasaskan kepada kepakaran bio teknologi.

Kita amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memandang serius mengenai pengubatan penyakit kanser terhadap rakyat jelata. Yang Amat Berhormat Datuk Seri Perdana Menteri kita mahukan rakyat tidak menanggung beban yang tinggi dengan kos perubatan sakit kanser memandangkan beliau memahami kesukaran rakyat jelata. Oleh itu, buah fikiran bernas Yang Amat Berhormat Dato' Seri yang selama ini merindui pemergian Allahyarhamah amatlah kita hargai.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan rasa takziah pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarga di atas kembalinya ke Rahmatullah Allahyarhamah Yang Berbahagia Datin Seri Endon Mahmud isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ibu kepada rakyat kita dan

kawan kepada ramai yang ada. Saya ingin menyokong, semoga Pak Lah cekal menghadapi ujian Allah S.W.T, cekal memimpin negara yang tercinta. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah satu Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu tadi telah mendapat sokongan dan sekarang Usul ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan.

11.47 pagi.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pemergian dan pemulangan Datin Seri ke pangkuan Tuhan sesungguhnya dirasai oleh seluruh rakyat Malaysia. Ia merupakan satu kehilangan besar kepada negara, mengenangkan beliau telah banyak mencurahkan bakti dan jasa pada negara dan juga semua bangsa Malaysia, baik sebelum ataupun selepas beliau dijangkiti penyakit barah dan baik sebelum atau selepas beliau menjadi Wanita Pertama negara ataupun dengan izin *First Lady of Malaysia*.

Datin Seri telah banyak ataupun telah berjaya memainkan peranannya sebagai wanita pertama dan isteri Perdana Menteri Malaysia dalam mempromosikan dan memupuk semangat dan perhubungan baik negara Malaysia dengan negara-negara luar di dunia ini, di arena antarabangsa. Beliau juga telah banyak, telah berjaya mengambil berat dan semangat beliau tidak pernah luntur sungguhpun beliau dijangkiti penyakit yang memerangi penyakit barah dengan menitikberatkan kepentingan dan kebajikan wanita khususnya kanak-kanak dan beliau juga menikmati perhubungan baik dengan pertubuhan-pertubuhan NGO.

Kita menunjukan ucapan takziah yang tidak terhingga kepada keluarga Perdana Menteri dan kita berharap dan mendoakan agar pemimpin kita yang di sanjungi terus tabah meneruskan ketabahan dan kecekalan beliau memimpin seluruh rakyat Malaysia mengharungi liku-liku hidup dan cabaran di masa hadapan. Dengan itu saya memohon menyokong Usul di depan kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

11.50 pagi.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh dan selamat pagi.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarga di atas kembalinya ke Rahmatullah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hendon Mahmud, isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 20 Oktober 2005.

Allah SWT berfirman dalam Al-Quran; [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]

“Bahawa setiap yang hidup akan merasai mati”. Setiap orang Islam yang beriman yakin kita semua yang hidup akan bertemu dengan mati dan kematian itu adalah suatu yang pasti, yang tidak ada siapa yang boleh melarikan diri daripada kematian sama ada dia berada di dalam bangunan yang tinggi, di istana yang kukuh, kematian itu pasti akan menjemput kita apabila tiba masanya.

Rasulullah s.a.w. telah memperingatkan kepada kita apabila seorang anak Adam itu meninggal dunia maka tinggallah segala apa yang ada di sekelilingnya kecuali tiga perkara. Terputuslah segala apa yang ada dalam hidup dia kecuali tiga perkara sahaja yang dia boleh bawa untuk bekal selepas daripada mati.

- (i) sedekah jariah, yang diamalkan semasa hidup di dunia;

- (ii) ilmu yang bermanfaat yang boleh dimanfaatkan kepada manusia yang lain, dan
- (iii) dia meninggalkan anak yang soleh yang mendoakan kepada ibu bapanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai manusia kita menyedari bahawa hidup kita ini adalah suatu amanah dan tanggungjawab yang cukup besar. Kita semua sama ada kita sebagai pemimpin ataupun sebagai rakyat, kita akan mati dan akan kembali kepada Allah. Apabila kita kembali kepada Allah, hidupnya di alam lain tidak sama dengan alam dunia. Kita akan disoal oleh Allah segala apa yang kita lakukan di muka dunia, sebagaimana firman Allah dalam surah Yasin dengan izin; [*Membaca sepotong ayat Al-Quran dari Surah Yassin*]

“Apabila tiba hari Akhirat nanti, semua mulut-mulut manusia akan ditutup oleh Allah, yang berkata pada hari itu ialah tangan-tangan mereka”, tangan-tangan kita. Kalau kita sebagai kerajaan, tangan bermakna kuasa yang ada pada kita, sejauh mana kita gunakan kuasa yang ada pada kita untuk jalan yang diredhai oleh Allah maka kita akan dipertanggungjawabkan di Padang Mahsyar. Begitu juga dengan anggota-anggota kita yang lain, jadi kita sebagai manusia yang hidup, kita kena mengambil iktibar daripada kematian yang berlaku dan semua ini adalah satu persiapan kita. Kita kena ada persiapan sebab kita juga akan menemui mati. Semua kita yang berada di dalam Dewan ini, apa jua jawatan akan bertemu dengan mati.

Kita amat hargai jasa, pengorbanan yang telah diberikan oleh Wanita Pertama kepada negara kita. Apa yang kita harapkan ialah segala budi dan bakti yang ditaburkan oleh Allahyarhamah ini, Insya-Allah akan mendapat ganjaran yang sebaik-baiknya di sisi Allah SWT. Bagi kita yang masih hidup ini, kita hendaklah bersiap sedia untuk kehidupan yang bukan sahaja cemerlang, gemilang di dunia tetapi yang penting ialah kita nak cemerlang, gemilang juga untuk bertemu dengan Allah SWT. Di depan kita, tanggungjawab kita sebagai pemimpin cukup besar, 25 juta rakyat Malaysia mengharapakan pimpinan yang baik daripada kepimpinan negara ini.

Ke mana kita bawa generasi kita? Adakah kita membina negara generasi negara ini ke arah yang diredhai oleh Allah SWT? Kita lihat bagaimana fenomena yang ada dalam negara kita ini terutama generasi-generasi muda semakin menjauhi ajaran-ajaran agama terutama bagi penganut-penganut Islam. Semakin ramai yang meninggalkan solat, meninggalkan sembahyang. Semakin ramai yang kita lihat mereka secara terang-terangan tidak berpuasa di bulan Ramadhan. Rukun-rukun Islam yang asas pun sudah mula longlai, daripada penghayatan generasi yang akan menjadi pewaris kepada pemimpin negara hari ini. Maka kita bimbang sekiranya kerapuhan akidah ini, kita bimbang generasi kita akan datang tidak mampu berdepan dengan cabaran yang semakin hebat di masa depan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Sekejap, saya habiskan ayat ini. Iaitu kita lihat bagaimana kerapuhan menghadapi cabaran yang di sekeliling seperti cabaran masalah penagihan dadah, rasuah dan sebagainya. Kita yakin bagaimana kepimpinan yang ada pada hari ini di antara kenapa mereka mempunyai kekuatan dari segi kewibawaan di antaranya ialah kekuatan dalaman itu sendiri. Kita mengharapakan generasi kita akan datang Insya-Allah supaya mempunyai kekuatan bukan sahaja dari segi fizikal tetapi yang penting ialah kekuatan dalaman sebab kita manusia ini sebagai khalifah Allah S.W.T di muka bumi ini. Silakan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: [*Membuat isyarat supaya meneruskan*] Teruskan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya teruskan, okey. Tuan Yang di-Pertua, nilai hidup kita dunia ini amat sikit diceritakan dalam Al-Quran bahawa satu hari di akhirat sama dengan 1,000 tahun di dunia. Putaran hari yang kita lalui di dunia amat singkat, kalau dibandingkan dengan kehidupan akhirat yang akan kita lalui. Maka manusia yang tidak ada persiapan untuk menghadapi mati, manusianya akan menyesal.

Sebagai sebuah negara yang kita dukung, yang melaungkan slogan Islam Hadhari, seharusnya kita mengambil perhatian yang serius supaya Insya-Allah rakyat kita dibina, negara kita dibina di atas dasar, di atas asas untuk kita mencari keredaan Allah S.W.T.

Seharusnya kita jauhi ataupun kita buang perkara-perkara yang maksiat sebab setiap kita akan menjadi adalah pemimpin yang setiap pemimpin akan bertanggungjawab di akhirat nanti. Perkara-perkara mungkar yang ada dalam negara ini tanggungjawab di antara orang yang nombor satu yang akan disoal di hadapan Allah ialah pemimpin. Kenapa dia tidak menghalang dengan kuasa yang ada pada dia, untuk menghalang perkara-perkara mungkar yang berlaku, perkara-perkara maksiat yang berlaku di dalam negara sedangkan dia mempunyai kuasa. Saya mengharapkan kita semua adalah pemimpin-pemimpin sama ada peringkat tinggi atau peringkat kecil, kita sama-sama bertanggungjawab sebab Allah SWT mengingatkan kepada kita dengan izin; *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

“Wahai orang beriman, jagalah diri kamu dan jagalah keluarga kamu daripada api neraka”. Amaran ini bukan sahaja kepada keluarga suami, isteri, ibu bapa tetapi ini adalah satu peringatan daripada Allah kepada semua pemimpin. Dia bertanggungjawab terhadap rakyat yang di bawah pimpinannya. Allah memerintahkan kita supaya menjaga diri kita, menjaga rakyat di bawah kita supaya selamat daripada api neraka di mana api neraka ini. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

“Yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu”, manusia itu akan dibakar di dalam api neraka sekiranya manusia itu mengingkari perintah Allah SWT.

Saya tertarik bagaimana program fesyen batik yang diperkenalkan oleh Allahyarhamah, bagaimana cuba mengembalikan dari segi kebaya nyonya. Apa yang saya hendak di sini ialah fesyen tidak salah dalam Islam tetapi fesyen itu mestilah bertepatan dengan kehendak Allah S.W.T. itu sahaja peringatan saya. Dalam keadaan ini kita amat simpati dengan perasaan sayu dan sedih yang menimpa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya tersentuh hati apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan dalam kenyataan akhbar bahawa dia terasa sunyi di atas kehilangan orang yang dikasihi dalam hidup dia iaitu Datin Seri Endon.

Sebagai seorang suami memang perpisahan dengan isteri adalah suatu perkara yang memedihkan begitu juga seorang isteri. Cuma saya merayu di sini dalam kesempatan ini cuba bayangkan perasaan isteri-isteri yang dipisahkan daripada suami mereka apabila suami mereka ditahan di bawah ISA tanpa didakwa di mahkamah. Saya terasa terharu apabila saya melihat Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar Negeri Kelantan dalam keadaan kesihatan yang tidak berapa sihat dia pergi juga menggagahi juga ziarah kerana kasih sayang kepada pemimpin negara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia merasakan simpati dan kasih sayang di atas kematian Datin Seri Endon dan saya mengharapkan jugalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cuba fikirkanlah bagaimana anak Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar dikurung dalam ISA daripada anaknya berumur empat tahun sekarang sudah berumur, Darjah Dua.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat mohon laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Minta maaf Yang Berhormat saya tidak berhajat untuk beri laluan sebab saya ucap sedikit-sedikit sahaja. Ini sebagai satu sentuhan perasaan sebagai seorang ibu. Kita sebagai seorang Islam kita mesti kembali kepada hukum Islam. Apakah ISA yang kita laksanakan dalam negara kita ini sesuai dengan hukum Islam

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadar: Mohon laluan Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:seperti yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Minta maaf Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya Dato' Musa.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Dalam keadaan ini Tuan Yang di-Pertua kita mengharapkan insya-Allah dengan kembalinya Datin Seri Endon dan bagaimana perasaan kesedihan yang berlaku pada keluarga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengharapkan kita sama-sama rakyat, kita sama-sama berfikir sebab kematian itu adalah satu nasihat yang cukup besar yang sepatutnya kita sebagai seorang beriman kena akur bahawa kita semua ini adalah hamba Allah S.W.T.

Akhirnya saya memohon dan berdoa kepada Allah semoga Allah S.W.T mengampunkan semua dosa-dosa yang kita lakukan sama ada yang hidup dan yang telah mati dan semua kita semoga diberi dihidayah oleh Allah, dibimbing oleh Allah supaya kita mendapat taufik dan hidayah daripada Allah S.W.T.

Sekadar itu dahulu Tuan Yang di-Pertua saya turut menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Mohd. Puad.

12.03 tgh.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk turut mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga seluruh kaum keluarganya yang berhadapan dengan ujian Allah S.W.T iaitu dengan perginya ke rahmatullah Datin Seri Endon.

Tuan Yang di-Pertua kita melihat bahawa Yang Amat Berhormat dan Datin Seri Endon adalah merupakan satu contoh keluarga *mithali*, satu contoh suami isteri *mithali* yang boleh kita banggakan kerana ketabahan mereka berhadapan dengan segala ujian yang cukup berat daripada Allah S.W.T.

Satu daripada contoh yang ditunjukkan ialah ketabahan kepada Datin Seri Endon sendiri yang tahu bahawa beliau berhadapan dengan satu ujian yang besar iaitu satu penyakit yang kita faham dan kita tahu dikenali sebagai '*silent killer*' dengan izin iaitu satu pembunuh senyap yang terbukti hingga ke hari ini belum dapat diubati dengan apa-apa cara sekalipun perubatan moden yang ada di dunia.

Ketabahan pada Datin Seri Endon ternyata sebagai seorang isteri, dia faham dengan tugas suaminya iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri yang mempunyai satu tugas yang cukup berat dan besar iaitu sebagai pemimpin negara yang mempunyai urusan dan tanggungjawab yang memerlukan masa yang sepenuhnya diberikan perhatian memikul satu tanggungjawab untuk membangunkan negara, membela nasib rakyat dan sebagainya.

Walaupun dalam keadaan beliau berada di luar negara iaitu untuk mendapatkan perubatan terhadap penyakitnya itu, beliau sanggup untuk melepaskan suaminya untuk sementara waktu menjalankan tugas-tugas negara tersebut tanpa meminta supaya suaminya berada sepanjang masa di sisinya ketika sedang berhadapan dengan penyakit tersebut. Maka ketabahan inilah sepatutnya menjadi satu contoh kepada kita semua bahawa Datin Seri Endon dalam keadaan beliau sudah memberikan sumbangan yang cukup besar melalui aktiviti-aktiviti kebajikan sosial dan sebagainya. Tetapi beliau juga tetap faham dengan peranan suaminya sebagai seorang Perdana Menteri yang memerlukan masa yang sepenuhnya untuk mentadbir dan mengurus negara.

Begitu juga dengan ketabahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mampu menahan emosinya meneruskan tugas negara walaupun dalam keadaan dalam dan masa yang sama beliau tahu bahawa isterinya sedang berhadapan bertarung dengan satu penyakit yang kita faham dan kita tahu amat sukar untuk diubati. Tetapi dalam masa yang sama ketabahan itu juga dibuktikan iaitu walaupun ada orang yang cuba mempersendakan tentang penyakit tersebut sehingga kita melihat ada orang menghantar SMS dan sebagainya mengatakan Datin Seri Endon sudah pun meninggal dunia semasa menjalani proses perubatan tersebut tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetap tabah dan sabar menghadapi ujian-ujian tersebut.

Oleh kerana itulah marilah kita yang berada di Dewan ini dan seluruh rakyat Malaysia yang ada untuk terus mendoakan semoga roh kepada Allahyarhamah Datin Seri Endon ini mendapat keredaan daripada Allah S.W.T dan diletakkan di sisi orang yang beriman yang akan diletakkan di dalam syurga Allah S.W.T. Kerana itulah saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong usul tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datin Naomi Chong Set Mui.

12.08 tgh.

Datin Naomi Chong Set Mui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 20 Oktober 2005 kita telah dengan kehilangan Datin Seri Endon binti Mahmood akibat penyakit maut, kanser. Arwah Datin Seri yang begitu dikenali dan dengan sifat prihatin, murah hati, penyayang dan seorang isteri yang cukup memahami bukan sahaja telah hilang daripada Perdana Menteri kesayangan kita Dato' Seri Pak Lah malah seluruh golongan ibu-ibu yang mementingkan sifat-sifat penyayang, pengasih dan nilai-nilai kekeluargaan. Dari pemerhatian kami beberapa minggu lalu kami dapati dan berasa lega Yang Amat Berhormat Perdana Menteri komited untuk membantu mangsa-mangsa pesakit kanser dan cara mendapatkan bantuan untuk meringankan kos rawatan penyakit kanser agar usaha-usaha awal Datin Seri sentiasa diteruskan. Beliau tetap fokus, cekal dan teguh dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan penuh semangat untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara walaupun telah kehilangan isteri tercinta.

Rakan-rakan arwah Datin Seri juga komited untuk meneruskan aktiviti-aktiviti yang digemari oleh arwah seperti hasil-hasil kraf tangan dan banyak lagi arwah tidak dapat merasa setiap hasil kerjanya pada masa akan datang. Bagi pihak Presiden Parti Liberal Democratic Sabah, Tan Sri Dato' Cheong Kah Keat kami mengucapkan takziah kepada Dato' Seri Pak Lah dan keluarganya beliau atas kembalinya arwah Datin Seri ke rahmatullah dan kami berdoa semoga roh arwah sentiasa dicucuri rahmat.

Tuan Yang di-Pertua saya dengan ini menyokong usul tersebut, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya melihat Yang Berhormat Munusamy telah pun beberapa kali berdiri jadi sekarang saya memberi peluang kepada Yang Berhormat untuk berbahas. Silakan.

12.11 tgh.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengambil kesempatan ini untuk ucapkan terima kasih kerana mendapat peluang untuk berbahas dalam perbahasan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya bagi pihak MIC dan juga rakyat Malaysia terutama rakyat Malaysia keturunan India ingin merakamkan takziah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi Perdana Menteri kita atas kehilangan isteri kesayangan beliau yang amat dihormati Datin Seri Endon Mahmood.

Saya juga ucap takziah kepada keluarga beliau. Datin Seri Endon Mahmood adalah seorang yang sangat prihatin terhadap seluruh masyarakat tanpa mengira kaum. Beliau telah menggalakkan rakyat penyayang, beliau telah banyak menyumbang dan memberi kesedaran terhadap penyakit kanser.

Oleh kerana beliau sendiri menghadapi penyakit ini, beliau telah memahami perasaan pesakit-pesakit kanser. Itulah sebabnya beliau telah menekankan mencegah sebelum terkena penyakit ini kerana beliau tidak mahu melihat orang lain menderita seperti beliau.

Walaupun beliau telah menjalankan rawatan bagi penyakit ini, beliau sanggup turun ke padang bersama-sama dengan masyarakat untuk menjalankan pelbagai aktiviti terhadap penyakit ini walaupun kesihatan beliau tidak mengizinkan. Beliau bukan sahaja menjalankan aktiviti-aktiviti terhadap penyakit kanser tetapi beliau juga telah mengambil berat tentang industri batik dan songket yang menjadi satu lambang fesyen negara kita.

Beliau telah memperkenalkan industri batik dan juga menjalankan banyak promosi dan kempen di merata-rata tempat.

Beliau juga selepas kempen yang dijalankan ini telah diperkenalkan supaya batik ini digunakan oleh masyarakat tempatan. Kita boleh lihat sekarang bahawa ramai dari masyarakat tempatan termasuk pegawai-pegawai kerajaan menggunakan batik ini dengan meluas. Beliau juga telah menjalankan banyak aktiviti bagi kaum wanita dan juga kanak-kanak sehingga seluruh masyarakat sentiasa mengingati beliau.

Saya ingin juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana telah mengatakan bahawa beliau akan terus menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah ditinggalkan oleh isteri kesayangan beliau. Saya percaya bahawa aktiviti-aktiviti seperti menjalankan terus industri batik dan juga banyak aktiviti-aktiviti terhadap orang-orang yang kurang upaya akan terus dijalankan oleh kerajaan. Dengan ini sekali lagi saya ucap takziah dan saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae.

12.15 tgh.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama-sama dengan Ahli-ahli Dewan Negara yang lain untuk turut menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

Sebagai seorang Ahli Dewan Negara yang berasal dari Sipitang, Sabah, izinkanlah saya mengucapkan takziah daripada rakyat Malaysia di seluruh negeri Sabah dan khasnya pengundi-pengundi UMNO di Sabah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan semua ahli keluarga atas kembalinya ke rahmatullah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood, isteri yang amat dikasihi pada 20 Oktober 2005 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, perpisahan amatlah sakit dan memilukan, apatah lagi kalau ianya berlaku untuk selama-lamanya. Hubungan yang begitu intim ibarat isi dengan kuku antara dua insan yang telah melayari bahtera perkahwinan selama 40 tahun telah menjadi saksi kepada susah-senang, suka-duka, gembira dan kekecewaan, turun-naik dan segala jenis dugaan dan pengorbanan yang tidak dapat kita perincikan satu persatu dalam perjuangan untuk keharmonian keluarga, politik, agama dan negara.

Sebagai seorang penyokong yang berpeluang mendampingi Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood, kita tidak dapat lari daripada mengagumi beliau dan mengagumi betapa tabahnya beliau untuk menahan sakit dan penderitaan yang dialami sejak tahun 2000 dan dalam masa yang sama menunaikan tanggungjawab dengan begitu gigih sebagai seorang isteri, sebagai seorang wanita nombor satu dan menyumbang secara berterusan dalam bidang sosial dan sebagainya seperti apa yang telah disebutkan.

Tetapi kita jangan lupa kita yang biasa berjumpa dengannya dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *she always put on a strong front*. Kita tidak sangka beliau sakit pun. Daripada raut muka Allahyarhamah kita tidak sangka yang beliau menderita begitu mendalam sangat kerana beliau tahu bahawasanya beliau tidak mahu mengalah kepada penyakit, itu yang pertama. Yang kedua, Allahyarhamah tidak mahu kita yang menaruh harapan yang begitu tinggi kepada Allahyarhamah sebagai wanita nombor satu negara.

Saya teringat kepada satu majlis di mana saya selaku Ahli Exco Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dijemput hadir dalam majlis perjumpaan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Ahli-ahli Exco Malaysia di rumah kediaman Yang Amat Berhormat di Putrajaya. Maklum sahajalah saya orang jauh biasanya kalau datang ke mari kalau bukan anak saya yang mengiring saya, biasanya suami saya yang mengiring saya. Pada ketika itu suami saya yang mengiring saya untuk sama-sama sebab ketika itu pun Putrajaya asing kepada kita, sesat hendak ke Putrajaya. Saya pun ditemanilah untuk dihantar ke Putrajaya dan suami saya tahu sangat bahawa beliau tidak ada urusan untuk

masuk dalam majlis itu kerana ini majlis wanita. Jadi beliau pun berpesanlah kepada saya, beliau kata sekiranya majlis itu selesai, *just give me a call. I will park close by.* Beliau pun tidak mahulah balik ke Kuala Lumpur, jauh sangat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin *as I enter the hall way*, Yang Berbahagia Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood *was there to receive us* sama-sama dengan Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz dan semualah geng daripada Exco. *She was there to receive us.* Tapi dia sempat hendak bertanya dengan saya dia kata, "Siapa yang temankan Dayang?" *And I answered to her politely, "My husband, Datin Seri."* Dia kata, "Mana dia?" Saya kata, "*He is just outside at the car park.*" Dengan pantas beliau jawab saya, "*Oh my god!*" Dia kata. "*You mean you leave your husband at the car park?* Tidak bolehlah Dayang. Panggil dia masuk." *That's how spontaneous* dengan rasa begitu prihatin.

Sebenarnya pada saat dan ketika itu saya yang dalam keadaan serba salah, *why? Because* saya takut kalau sekiranya saya jemput juga suami saya dan dia pun segan sangat hendak masuk kerana *he knows very well is not within our nature* hendak masuk ke mana-mana yang kita tidak sepatutnya berada. *Is not within his nature that* dia hendak masuk tetapi dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *out of respect for Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood, I call my husband and I told him that,* "Datin Seri Endon Mahmood *insisted you should come in*".

I could never forget this incident, i feel very touch. Number one, she doesn't have to accommodate my husband but she did. Number two, she doesn't have to ask me how did I come. I'm just invited, I'm there, but she knew I had handicapped problem. Jadi siapa yang temankan saya. *That's how sincere and* begitulah prihatinnya.

Semua ini berlaku kerana Allahyarhamah seorang wanita seperti mana yang Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz sebutkan tadi bukan sahaja seorang wanita tetapi seorang sahabat, seorang isteri dan seorang wanita nombor satu negara yang begitu prihatin. Kalau kita nampak apa yang saya sebutkan ini semua remeh-temeh. Perkara tidak penting tetapi saya rasa *each an every one of you have your own experiences* dengan Datin Seri Endon Mahmood dan ada cara beliau menyentuh kita secara peribadi.

Seperti mana yang sering mengatakan, pepatah ada mengatakan bahawa kejayaan seorang suami tentunya atas sokongan, pengorbanan dan dorongan seorang wanita yang bergelar isteri dan begitu jugalah sebaliknya. Sebenarnya, sebagai manusia kita mudah lupa apatah lagi kita sudah memegang kedudukan yang tinggi, berkuasa, *success* dalam kejayaan ataupun kerjaya, perniagaan mahupun politik. Bukan semua orang lahir dengan kesenangan. Kalau adapun, tentu ada hari dalam hidupnya dia akan melalui kecelakaan, penderitaan, kegagalan dan mungkin dipinggirkan. Ini adalah lumrah hidup dalam kehidupan.

Kita selalu lupa kepada orang yang terdekat kepada kita. Orang yang menyokong kuat yang sentiasa mendampingi, memberi semangat, membantu apa sahaja yang terdaya dan termampu kerana perkongsian hidup di antara suami dan isteri adalah satu perjuangan yang tidak ada kesudahannya, dengan izin, *somehow can forget and takes thing for granted.*

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, semua ini tidak berlaku kepada pasangan istimewa Yang Amat Berhormat dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood. Mereka bolehlah ibaratkan sebagai pasangan contoh yang wajar kita contohi. Ternyata daripada pancaran mata dan raut muka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, terpancar kasih sayang yang suci dan mendalam yang telah diduga selama 40 tahun. Justeru, secara khususnya kepulangan Allahyarhamah merupakan satu kehilangan yang amat besar dirasai terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan keluarga.

Saya yakin selaku isteri yang begitu prihatin dan penyayang tentunya Allahyarhamah bolehlah diibaratkan sebagai tulang belakang kepada suami yang tercinta. Sumbangan dan keprihatinan Allahyarhamah seperti mana yang kita tahu tidak terbatas kepada keluarga sahaja tetapi diperluaskan kepada kesedaran terhadap penyakit kanser di negara ini. Beliau merupakan sumber inspirasi kepada pesakit-pesakit yang lain dengan memberikan semangat juang yang tinggi dan berani untuk berhadapan dengan penyakit

tersebut seperti mana yang disebutkan oleh Senator Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad tadi, *the silent killer*.

Sifat kecintaan keindahan seni negara yang semula jadi sehingga Allahyarhamah terkenal sebagai tokoh dan pejuang industri songket dan batik negara. Hari ini setiap kali kalau saya melihat di kaca TV sekiranya ada *fashion show* yang memperkenalkan rekaan batik oleh *designer* tempatan mahupun oleh *designer* antarabangsa, terpahat di dalam hati teringat kepada Allahyarhamah yang begitu gigih memasyhurkan batik negara di persada dunia.

Batik direka corak belang

Bersulam dengan si rama-rama

Harimau mati meninggalkan belang

Manusia mati meninggalkan nama.

Tuan Yang di-Pertua, memang terlalu banyak sumbangan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood untuk diungkapkan dalam ucapan yang ringkas ini dan banyak juga yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam pembentangan dan begitu juga yang telah disentuh oleh Dato' Hamzah bin Zainudin, saya amat menyokong.

Memadailah kalau saya kiaskan bahawasanya Allahyarhamah adalah insan istimewa, wanita contoh yang harus diikuti dari segi kepimpinan, ketekunan, keberanian, ketaatan, keprihatinan, bertimbang rasa dan amat penyayang. Pujangga ada mengatakan kita tidak akan dapat merasakan kehilangan seseorang itu sehingga kita benar-benar kehilangannya. Dengan izin, *we will not be able to fill the lost of someone until we really lost them. Life is so short and so precious, it needs to be kind to ourselves and to each other to appreciate the fruit of live.*

Kita sebagai rakyat jelata pun boleh merasakan kekosongan pemergian Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood apatah lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarga. Sama-samalah kita mendoakan agar Allah sentiasa memelihara dan melindungi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri yang kita kasihi kerana rakyat memerlukan kepimpinan yang tabah, berwibawa, bijaksana, dan berwawasan seperti mana yang telah ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat dan terus menerajui negara untuk membawa Malaysia ke tahap yang lebih cemerlang dan sama-samalah kita mendoakan agar Allah mencucuri rahmat atas roh Allahyarhamah dan ditempatkan Allahyarhamah di kalangan orang-orang yang beriman. Dengan kata-kata yang sedemikian saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuba untuk memberi peluang kepada seramai boleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bahas atas Usul ini kerana Dewan memandang bahawa Usul ini adalah amat penting dan mendapat perhatian ramai di kalangan Ahli-ahli Dewan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Halimah binti Hamzah dan selepas itu saya minta Dato Sri Empiang Jabu untuk berbahas. Silakan.

Dato' Halimah binti Hamzah: Bismillahir Rahmanir Rahim. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Berdirinya saya di sini untuk sama-sama membahaskan Usul Ucapan Takziah di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarhamah wanita pertama Malaysia Datin Seri Endon Mahmood, isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Perpisahan adalah sesuatu yang amat memilukan dan amat menyedihkan kepada sesiapa sahaja yang telah merasai dan mengalaminya. Saya walaupun jauh nun di Pekan Pahang sana tidak sentiasa berdampingan dengan Allahyarhamah Datin Seri Endon tetapi sekali sekala pernah bersua dan berjumpa di dalam satu-satu majlis yang telah diatitkan. Saya dapat melihat Datin Seri Endon Allahyarhamah ini adalah seorang insan ataupun wanita yang benar-benar boleh kita banggakan, yang menunjukkan seorang wanita yang menjadi contoh kepada kita selaku seorang isteri, seorang ibu dan juga seorang pemimpin

yang benar-benar memberi tanda kasih dan sayangnya kita kepada Allahyarhamah ini. Saya rasa begitu terharu dengan kembalinya Allahyarhamah ke rahmatullah, tetapi itu adalah telah dijanjikan pada tiap-tiap yang hidup mesti menemui kematian.

Saya dapat juga melihat bukan sahaja semasa Allahyarhamah menjadi isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, tetapi sebelum lagi Allahyarhamah menjadi isteri kepada pemimpin nombor satu Malaysia, Allahyarhamah pernah menjadi isteri Menteri. Saya masa itu saya dalam pendidikan, saya pernah berjumpa dengan Allahyarhamah semasa perasmian sebuah sekolah di Pahang. Masa itu dia mengiringi Yang Amat Berhormat Pak Lah, saya mula tertarik dengan cara beliau, kesopanan dia, kelembutan dia. Dari segi pakaian dia pun telah menarik minat saya, saya rasa dan juga seluruh ahli-ahli wanita, dengan siputnya, dengan kebaya labuhnya, cara percakapannya, berjalannya, lemah lembutnya. Bercakap tidak pernah meninggikan suara, itu adalah wanita, sayang pada suami, Pak Lah turun masa itu Pak Lah muda lagi, tidak macam ini. Ditarik tangan Pak Lah pimpin masa itu turun dari atas *stage* itu, sebab itulah semasa akhir-akhir hayatnya Pak Lah pun kalau Allahyarhamah hendak turun tangga mesti dia pimpin, pada masa itu kita pun tidak tahu yang Allahyarhamah ini ada penyakit. Sebab kalau kita rasa dalam 2002 itu dia sudah mengalami sakit kanser ini, jadi kita tidak pernah nampak dia membayangkan yang Allahyarhamah ini adalah menderita satu penyakit yang benar-benar sakit. Sakit, sakit kanser ini, kanser payudara ini.

Saya ada satu kawan, maaf saya cerita, Allahyarhamah Datuk Rafeah Buang kawan saya. Dia pun mengidap kanser tetapi tidak di situ ada satu lagi kanser, tetapi masa dia sakit itu seolah-olahnya macam dia minta kita tolong dia, di mana hendak tolong? "Tolong Kak Mah, saya.....". Saya sentiasa.... sebab dia naib ketua saya pada masa itu.

Masa dia dalam *ward*, saya pernah pergi saya tengok, masa dia sakit dia tidak boleh duduk baring ini, dia kena bangun, pergi dekat tingkap "Tolong Kak Mah saya sudah tidak boleh hendak duduk dengan Kak Mah lagi....." gini, gini, gini. Cubalah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian perhatikan, macam mana keadaan Allahyarhamah Datin Seri Endon, semasa dia sakit yang telah tenat ini dia berjauhan lagi dengan suami dia nun di Amerika sana. Pak Lah tinggal di sini menjaga kita, menjaga negara. Masa dia sakit tahu ada *nurse*, ada doktor tetapi belaian kasih sayang daripada orang yang kita kasihi suami terutama sekali masa kita sakit, kita demam sakit gigi pun kalau..... seolah-olah kalau ada suami kita gosok, kita rasa sedapkan? Apatah lagi penyakit kanser, sakit kanser ini kita tidak dapat hendak rasa, kalaulah ada suami kita, belaikan kita, gosok-gosok macam itu kita tengah sakit pun kita rasa sejuk, tahan sakit kita.

Tetapi kalau suami kita jauh nun, Pak Lah ini di sini dia di Amerika masa dalam tenat itu dia di Amerika, macam mana rasa dia sakit itu, dia hendak cuba tahankan sakit itu. Pak Lah pun mesti orang bagi tahu juga yang isteri ini sakit tetapi demi negara, demi rakyat, demi segala, segala-gala yang perlu dijaga dia sanggup berjauhan dengan isteri yang sedang tenat. Bayanglah beberapa hari sahaja balik ke sini baru dia menghembuskan nafas, sepanjang kesakitan dia adalah di luar negara, berpisah jauh hanya ditemani kadangkala oleh anak-anak, doktor yang menjaga dan juga jururawat. Saya rasa buat masa ini saya hendak sentuh sikitlah, kalau kita betul-betul rasa prihatin, betul-betul kita rasa hendak memberi ucapan takziah tanda kasih kita kepada pemimpin jangan sentuh apa pun masa ini. Kalau kita, saya pun saya sudah rasa macam mana tidak ada orang yang kita kasihi. Kalau kita tidak ada orang yang kita kasihi ini pula baru, kita hendak sentuh benda-benda lain?

Cuba kita fikir kitalah, kalau kita fikir kita, tetapi kita membahaskan ini adalah untuk menunjukkan simpati kita kepada Yang Amat Berhormat Pak Lah, kepada anak-anak beliau, kepada keluarga beliau kita tidak payah sentuh barang lain, kita hendak sentuh benda lain kita sentuh kemudian jangan sentuh masa kita hendak membahaskan ucapan kesedihan kita, tidak boleh. Kita ada perbahasan yang lain, kita sentuhlah yang lain ini kita beri betul-betul ucapan takziah kita kepada orang yang benar-benar kita kasihi. Pak Lah manusia yang saya nampak memanglah pemimpin yang benar-benar patut kita jadi contoh. Kita patut beri semangat juang kepada Pak Lah di atas pemergian Allahyarhamah, kita tidak boleh sentuh benda-benda yang boleh menyinggung perasaan beliau. Kita ada lagi lunas-

lunas kita untuk kita perbahaskan dalam apa-apa juga perbekalan, tetapi kalau macam ucapan takziah kita tidak boleh sentuh apa.

Kita tidak boleh sentuh apa-apa juga yang menyentuh kerjaya kitakah, kehendak kitakah apatah lagi menyentuh atas pemergian, menyentuh apa yang ditinggalkan. Saya percaya Allah S.W.T pun tahu kebaikan yang kita buat, kejahatan yang kita buat. Berjuta rakyat Malaysia terutama sekali bukan sahaja umat Islam, tetapi keseluruhannya mendoakan pemergian Allahyarhamah Datin Seri Endon. Saya rasa doa itu dimakbulkan walaupun yang ditinggalkan kita tidak usah sentuhlah macam mana tetapi yang ditinggalkan adalah untuk kebaikan negara kita. Kebaikan negara yang dibuat oleh seseorang satu sahaja pun, boleh dinilai oleh Allah, jangan kita pandang pada zahir sahaja kita kena pandang pada keseluruhan apa yang dilakukan. Kembali saya kepada perbahasan saya untuk ucapan takziah ini. Saya rasa Allahyarhamah Datin Seri Endon adalah sebagai seorang yang benar-benar boleh kita jadikan seorang pemimpin ataupun ibu contoh yang boleh meresap ke dalam diri kita yang tinggal di dunia ini.

Allahyarhamah bukan sahaja sebagai seorang ibu, tetapi sebagai seorang isteri yang benar-benar sayangkan Pak Lah. Kita pun sayang juga suami kita tetapi saya rasa contoh yang diberi itu memang dia sayangkan Pak Lah. Saya masih teringat masa Perhimpunan Agung, tetapi masa itu saya tidak tahu yang Allahyarhamah Datin Seri memang mengidap penyakit. Apabila Pak Lah sampai ucapan penggulungan dia menyampaikan Datin Endon kirim salam, Datin Endon ada di luar negeri sakit, baru itu kita tahu "Oh! Datin Seri Endon ini tidak sihat rupanya, sakit rupanya". Tetapi dia menggembirakan hati dia, dia menyeronokkan diri dia demi Pak Lah, demi rakyat supaya apabila Pak Lah senang, Pak Lah gembira, Pak Lah dapat memimpin negara dengan baik, dengan cemerlang. Kalau dia sentiasa hendakkan Pak Lah pergi, Pak Lah tidak dapat pergi, Pak Lah jadi susah hati.

Lebih baik dia tinggalkan Pak Lah di sini "Ha, you jagalah baik-baik negara, bila you ada ruang *you* datanglah dengan saya". Itu saya rasa pesanan dia, sentiasalah jaga negara, jagalah rakyat. Kita tidak tahu apa yang dia cakap, yang kita nampak zahir dia sahaja. Apabila saya maksudkan begini saya bukan hendak menerangkan yang tidak baik tetapi saya sedikit walaupun kita pembangkang, walaupun apa kita jangan sentuh lagi, apa juga kalau dalam masa ucapan takziah ini kita mesti juruskan kesedihan kita kepada sesiapa juga yang menerima atau mengalami yang macam ini. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri kita semasa Allahyarhamah dalam kesakitan yang begitu pun dia boleh lagi menjalankan apa juga aktiviti ataupun amanah yang telah diamanahkan oleh rakyat kepada beliau dan sentiasa saya nampak menjalankan kerja yang begitu baik.

Kita tidak tahulah dalam hati dia, Tuhan sahajalah yang tahu. Tetapi kita tahu selepas yang Allahyarhamah Datin Seri telah pergi barulah dia menyatakan, "Saya benar-benar sunyi, memang sunyi sampai sekarang lagi lama lagi sunyi, lagi lama lagi sunyi". Jangan haraplah kita rasa pemergian itu, kita rasa hari baru yang pertama tidak apa, lepas itu dua, tiga bulan Pak Lah baru dua, tiga bulan mengalami benda ini. Lagi lama lagi sunyi tetapi dia cuba sembunyikan segala-gala apa yang ada dalam diri dia untuk menenangkan dirinya sendiri, keluarganya dan juga dapat mentadbirkan negara dengan begitu baik. Saya rasa ramai lagi yang hendak bercakap, atas ucapan takziah ini saya mewakili wanita Pekan dan juga seluruh wanita negeri Pahang untuk sama-sama mengucapkan takziah pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarhamah Datin Seri Endon,

Isteri yang tercinta, ibu yang tersayang, pemimpin yang boleh dicontohi dan sebelum saya duduk saya minta sama-samalah kita bertafakur menyampaikan Al-Fatihah kepada kembalinya roh Allahyarhamah Datin Seri Endon. *[Bertafakur]* Terima kasih, dengan ini saya sama-sama berdiri untuk sama-sama membahaskan Usul Ucapan Takziah yang telah dibawa oleh Menteri Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz. Wabillahitaufik Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, dipersilakan Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu. Tadi daripada Sabah, sekarang daripada Sarawak kita hendak dengar sedikit daripada Sarawak.

12.44 tgh.

Dato' Sri Empiang Jabu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana telah memberi satu peluang untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk berucap bagi menyokong Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum, tepat pada jam 7.55 pagi hari Khamis 20 Oktober 2005 bersamaan 16 Ramadhan 1426 Hijrah, seluruh Malaysia telah diselubungi awan hitam setelah mendapat berita yang amat menyedihkan. Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmud isteri tersayang Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri kita telah kembali kepada penciptanya buat selama-lamanya.

Berita pemergian Allahyarhamah amat tidak dapat diduga kerana kita masih lagi menaruh harapan bahawa Allahyarhamah akan sembuh dan akan menerima ribuan para jemputan dan juga pengunjung semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri di Sri Perdana dan juga bersama-sama berkunjung semasa perayaan Deepavali dan Krismas, malangnya itu tidak menjadi kenyataan, namun kita sedar bahawa mati dan hidup seseorang itu adalah di tangan Tuhan. Kita juga tahu dan percaya bahawa kehidupan kita di dunia ini adalah hanya untuk sementara dan setiap adanya permulaan pasti adanya kesudahan atau penghujungnya.

Tuan Yang di-Pertua, kehidupan kita semasa di dunia ini mestilah satu kehidupan yang berpegang kuat kepada prinsip-prinsip murni, tolong menolong, bantu membantu sesama sendiri dan menabur bakti dan jasa kepada bangsa, agama dan negara tanpa mengirakan mendapat nama. Bagi saya, kisah kehidupan Allahyarhamah Datin Seri Endon telah mencerminkan prinsip-prinsip bakti kepada agama, bangsa dan negara. Ini terbukti apabila kita melihat betapa gigihnya Allahyarhamah dalam usaha-usaha bukan sahaja memainkan peranan sebagai isteri kepada Perdana Menteri dan ibu kepada keluarga, tetapi lebih dari itu. Allahyarhamah merupakan penyokong nombor satu Perdana Menteri dan saya percaya, penyokong nombor satu dan ikatan keluarga Barisan Nasional terbukti apabila Allahyarhamah sedia berada di sisi suami dan juga dengan kita sama mendengar keputusan pilihan raya umum yang lalu walau pun masih lemah setelah menjalani rawatan di luar negeri. Ini menunjukkan Allahyarhamah meletakkan keperluan negara sebelum dirinya sendiri.

Selain daripada itu, Allahyarhamah amat aktif di dalam menggalakkan serta menaikkan kesedaran penyakit kanser payu dara. Allahyarhamah telah memperjuangkan isu kanser itu untuk menjadi salah satu isu utama bagi negara dan juga menyedarkan kita akan pentingnya masyarakat memberi perhatian terhadap usaha-usaha badan-badan bukan kerajaan yang memperjuangkan isu kanser di Malaysia. Namun peranan yang paling afektif yang telah Allahyarhamah memainkan adalah sebagai ubur yang menyala memberi semangat kepada semua pesakit kanser untuk tidak putus asa dan meneruskan perjuangan menjalankan rawatan. Allahyarhamah tidak pernah merenguh atau pun merasa beban yang terpaksa dipikul kerana kanser ini terlalu berat sehingga mengganggu tanggungjawab sebagai isteri Perdana Menteri. Namun Allahyarhamah masih lagi berupaya untuk memastikan para perajurit mendapatkan kuih muih hari raya, dan para kakitangan Kementerian Kewangan mendapat bungkusan makanan setelah selesainya pembentangan belanjawan negara dan banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, peranan Allahyarhamah di dalam megemilangkan industri batik tempatan, songket dan kebaya nyonya tidak ada tandingannya. Allahyarhamah telah memastikan industri ini tidak dilupai oleh masyarakat malah telah mengorak langkah supaya industri ini berkembang ke persada antarabangsa dan memberi sokongan bagi menganjurkan pertunjukan fesyen dan juga menggalakkan supaya batik digunakan setiap majlis anjuran kerajaan dan juga pada hari Sabtu. Allahyarhamah sedar bahawa industri fesyen tempatan mempunyai potensi untuk berkembang dan mengharumkan nama negara dan untuk itu, Allahyarhamah telah memainkan peranan utama dan memberi perangsang kepada mereka yang berada di

dalam industri tersebut untuk lebih berani menghadapi cabaran industri dan memberi nafas baru untuk membolehkan industri tersebut maju ke hadapan dan kejayaan.

Dengan Izin Tuan Yang di-Pertua, *I like to quote one, two instances where I had a discussion with the late Datin Seri Endon Mahmood, while visiting Sarawak, we were talking about the unique food that the Malaysian are taking. So, in the course of our discussion she told me, "Did you write that down? I said, "No". "Why not?" I said, "I could remember it" "But what about your children, your grand children? Come on, Piang, don't be lazy, write it down". So, she inspired me to collect a lot of recipe, the traditional recipe of Sarawak. So, after I met her on that instance I brought to the meeting of Dayak Women Association under my chairmanship and we start collecting all those traditional recipe and The Recipe Book is on the way.*

Another instances, during her visit to Sarawak, we went from shop to shop, kraf tangan to kraf tangan looking at all the different craft that we had in Sarawak. Then, the late Datin Seri Endon said to me, "Piang, do you have any of those weaving in your custody?" "Well, Datin Seri, some I do, some I don't", and these were her words. "We'll collect them before they are gone". She really personally inspired me and Datin Seri Endon is really a very good person to inspire other people to do work for the benefit of the community.

Peranan Allahyarhamah di dalam Yayasan Budi Penyayang dengan sendirinya telah mencerminkan sanubari Allahyarhamah sendiri yang ingin mestikan setiap insan manusia yang hidup di dunia ini tidak semestinya hidup tanpa kasih sayang. Banyak yang telah dilaksanakan oleh Yayasan Budi Penyayang, saya percaya ianya telah menyentuh kehidupan ramai insan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, banyak yang telah dilaksanakan oleh Allahyarhamah semasa hayatnya tidak dapat kita senaraikan, namun yang pentingnya kita harus sedar bahawa walau pun banyak rintangan terutama sekali daripada penyakit kanser Allahyarhamah masih lagi meneruskan usaha-usaha dan tanggung jawabnya. Ini merupakan satu ciri yang harus kita puji dan ambil sebagai teladan. Kesungguhan Allahyarhamah untuk terus berkhidmat dan memberi perangsang serta inspirasi kepada semua memang tidak ada tandingannya dan untuk itu, kita seharusnya berterima kasih kepada Tuhan kerana telah memberikan kita satu insan manusia yang amat cekal dan istimewa, yang telah menjadi sumber inspirasi kepada semua rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya sebagai ahli yang dilantik oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak ingin bagi pihak Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak serta parti PBB Sarawak, rakyat bumi Kenyalang dan juga keluarga saya, merakamkan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri dan juga kepada keluarga Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood. Sebagai mengingati Allahyarhamah Datin Sri Endon, kita sepatut bertekad untuk meneruskan usaha-usaha dan perjuangan yang telah dipelopori Allahyarhamah melalui badan-badan yang telah mendapat sokongan kuat Allahyarhamah semasa hayatnya. Saya juga berdoa dan mengharapkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan bersabar menghadapi dugaan ini dan menaruh kepercayaan kepada Tuhan yang sentiasa di sisi memimpin dan memberi petunjuk. Kami akan sentiasa berdiri teguh di belakang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, memberi segala sokongan yang diperlukan untuk meneruskan kepimpinan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia. Hidup kayu berbuah, hidup manusia biar berjasa, itulah pegangan kuat hidup Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood. Semoga ianya juga menjadi pegangan hidup untuk kita semua.

Dengan itu, saya memohon menyokong usul. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum dari itu, boleh saya tahu, berapa orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat ingin berbahas usul ini? Lima. Boleh saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri sama ada Yang Berhormat Menteri setuju untuk memberi jawapan selepas jam 2.30 petang ini.

Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz: Usul ini untuk dibawa selepas makan tengah hari.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya beri peluang kepada seorang daripada yang bangun tadi, sekarang saya minta Yang Berhormat Dato' Jins Shamsudin.

12.59 tgh.

Dato' Jins Shamsudin: Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan usul yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohamad Nazri bin Tan Sri Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, usul ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi di atas kembalinya Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood pada 20 Oktober, 2005.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya faham maksud Yang Berhormat tadi melihat kepada saya dan melihat kepada jam. Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Dewan hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin.

2.32 ptg.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung usul ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, di atas kembalinya, Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood, pada 20 Oktober 2005. Seramai 17 orang Ahli Dewan Rakyat berucap menyokong usul Timbalan Perdana Menteri di atas ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi di atas pemergiannya isteri yang tersayang Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood.

Begitulah rakyat berbilang kaum, termasuklah parti-parti politik Barisan Nasional, termasuk pembangkang dan juga calon-calon bebas yang telah menyampaikan ucapan takziah, usul ucapan takziah pada 24 Oktober 2005. Saya mewakili seluruh warga seni Ahli Dewan Negara dan juga mungkin rakyat Malaysia, kami dengan rasa terharu dan terpegun di atas kembalinya Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood yang kami anggap Ibu Malaysia.

Ratusan ribu rakyat Malaysia berbilang kaum dan berbilang keturunan dan lapisan masyarakat menziarahi Sri Perdana pada hari itu sebagai tanda penghormatan terakhir kepada Yang Amat Berbahagia Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood di dalam suasana muram. Hujan yang turun pada hari itu juga menggambarkan suasana sedih dan suram, yang secara kebetulan juga berlaku pada malam Jumaat. Kepada yang beragama Islam, malam Jumaat adalah malam yang dianggap terbaik di antara malam-malam yang lain.

Dalam bulan Ramadhan, adalah bulan yang diturunkan oleh Allah S.W.T Al-Quran dan secara kebetulan juga pada esoknya, ialah Hari Nuzul Al-Quran. Beliau pergi dalam keadaan pada masa, bulan dan waktu yang sangat baik. Ini adalah menandakan bahawa beliau adalah Ibu Malaysia yang kita anggap telah kembali ke rahmatullah dalam masa yang amat baik.

Tiada kata secantik bahasa. Tiada gambar seindah lukisan. Yang dapat kami nyatakan betapa sedih dan terharu untuk mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi di atas pemergian isteri tersayang yang belum sempat merayakan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini bersama dengan keluarga dan

seluruh rakyat Malaysia. Betapa pun kita menyayanginya, tetapi Allah S.W.T lebih-lebih lagi menyayanginya. Insya-Allah, dengan doa seluruh rakyat Malaysia, berbilang kaum, berbilang keturunan, dan berbilang bangsa, beliau mudah-mudahan diangkat oleh Allah S.W.T ke syurga. Maka tercatatlah menjadi tinta sejarah negara, satu peristiwa yang tidak dapat dilupakan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Seorang isteri Perdana Menteri Malaysia yang pertama semasa hayatnya meninggal dunia pada 20.10.2005, kebesaran, kesabaran Yang Amat Berhormat Dato' Seri menghadapi dugaan Allah amat dikagumi. [*Membaca sepotong Ayat Al-Quran*], Sabar itu separuh daripada iman. Ternyata Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi adalah seorang yang beriman.

Tuan Yang di-Pertua, masih terngiang-ngiang di telinga kami, apabila Allahyarhamah menyumbangkan suaranya menyanyi dua buah lagu yang bertajuk Tiga Malam dan Fatwa Pujangga, dalam satu Konsert Kasih Istana Budaya pada 17 Januari 2005, bersama-sama dengan artis-artis tanah air, untuk memungut derma Tsunami dan telah berjaya memungut RM1.8 juta pada malam itu. Dari jumlah itu RM1.5 juta dikutip melalui tajaan dua lagu nyanyian Allahyarhamah, Yang Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood bagi membantu mangsa-mangsa Tsunami.

Pada malam itu juga, para artis serta Datin Seri sendiri menyumbangkan suaranya secara percuma. Begitulah keikhlasan budi serta ketelusan beliau sebagai wanita pertama Malaysia memiliki sifat-sifat peramah, pemurah dan penyayang. Itulah kali terakhir kami para seniman dan seniwati, karyawan seni bermesra dengan beliau sebelum beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir pada pagi 20 Oktober 2005. Ketika Umat Islam menunaikan ibadat puasa, tiba-tiba bergema di corong udara, melaungkan berita wanita utama sudah tiada. Terpegun seluruh negara. Seolah-olah tidak percaya, dalam usianya yang masih muda, beliau kembali tanpa bicara.

Kita kehilangan sebutir mutiara, begitulah takdir Allah yang maha esa. Berlaku di hadapan kita. Jenazah pun berangkat sebelum senja. Suara dan bicara terdengar di mana-mana menyebut namanya. Suasana menjadi sepi seketika. Alunan sedu sedan bergelombang di hati yang kasih padanya. Bila liang lahad terbuka dan jenazah diturunkan, berakhirlah satu kehidupan insan di dunia fana. Alam baqa menjadi perbatasan.

Kini sedu sedan masih lagi kedengaran. Semakin tinggi dan segar suara pujaan. Untuk nama yang harum demikian, laksana bunga ditabur di rumah perhentian. Lupalah segala derita. Titik hitam, cacat cela sudah tiada. Demikianlah kehidupan kini berlangsung jua. Ketika jantung tidak lagi berdenyut. Luka tidak lagi berdarah. Suara tidak lagi kedengaran bicara. Yang pergi tidak lagi menjadi saingan sesiapa, ialah Ibu Malaysia yang tercinta, yang Berbahagia, Datin Sri Endon Mahmood. Seorang yang tersayang sudah berangkat, yang tinggal hanyalah sumbangannya, seninya yang berkat menjadi jantung seribu kota. Ketika jasadnya terbujur lena, siapakah yang mendengar penderitaannya, hanya yang kasih padanya jua. Itulah hadiah yang diterima cuma. Di atas nama kehidupan yang pana, tenggelam dalam ratapan duka nestapa, kini jari-jarinya berhenti menari, lidahnya kelu sepi, tepuk gemuruh menghilang sunyi. Rumahnya terang dihiasi rapi, doa dan restu bergilir ganti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebagai seorang ahli seni, tidakkah mungkin dirasakan sangat pemergian Allahyarhamah, kerana beliau Allahyarhamah mewakili seni penyemarak seni di saat-saat masyarakat diancam oleh ideologi, di tengah-tengah pertembungan seni dan ideologi. Pemergian beliau begitu dirasakan. Adakah itu sentimen yang kita dapat tatapi di sini?

Datuk Jins Shamsudin: Sangat benar Tuan Yang di-Pertua, maka itulah kami warga seni kesemuanya merasa begitu kehilangan seorang yang memang telah menjadi inspirasi kepada warga seni ke atas usaha dan daya usaha beliau, maka diangkatnya martabat seni budaya itu ke arah satu yang lebih baik. Sebab itulah di kalangan...

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna seni dan budaya boleh tergugat kerana taksud kepada ideologi. Tidak kah itu benar?

Datuk Jins Shamsudin: Sangat benar Tuan Yang di-Pertua kerana dalam keadaan teknologi canggih hari ini, dalam keadaan dunia globalisasi yang banyak di antara khalayak telah hanya melupakan seni budayanya sendiri. Maka dengan adanya...

Tuan Yang di-Pertua: Biar pun ideologi ini diasaskan di atas keagamaan kononnya.

Datuk Jins Shamsudin: Kononnya, kononnya adalah satu perkataan yang amat mengganggu saya sebenarnya, kononnya. Sebenarnya tidak demikian rupanya kerana itulah maka kami warga seni merasa sangat kehilangan kerana seorang yang prihatin yang ingin membangunkan satu budaya seni melalui beberapa usahanya bagi memberikan manfaat kepada rakyat khususnya kepada seluruh warga seni dan amnya kepada rakyat Malaysia bagi membuka semula pandangan kita kepada sesuatu yang boleh kita ambil untuk menjadikan asas pertimbangan kita bagi menyeimbangkan seni dan teknologi yang canggih.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat. Semasa hayatnya yang tinggal sedikit itu, beliau berlari ke sana, berlari ke seni di atas pentas terbuka itu, beliau menaburkan baktinya yang bukan sedikit ertinya di suatu ketika, tiba-tiba beliau diundang serta-merta merentasi bukit, sungai, kota dan desa sedangkan hatinya lesu, pilu dan maut sedang menunggu.

Begitulah berlalunya hari demi hari. Namanya tercatat menjadi tinta negara kemudian datanglah pencipta mengukir sebuah arca menjadi tugu kenangan. Di sinilah bersemadinya seorang Ibu Malaysia yang besar ertinya kepada bangsa dan negara. Beliau adalah Kak Endon Mahmood. Mudah-mudahan Allah cucuri rahmat ke atas rohnyanya dan diangkat ke syurga. Marilah kita sama-sama bertafakur dan membaca Al-Fatihah.

[Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam membaca Surah Al-Fatihah dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan Islam bertafakur]

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Rhina Bhar.

2.45 ptg

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak Parti Gerakan Rakyat Malaysia dan juga sendiri memberi takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarganya....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak termasuk bagi pihak kaum wanita?

Dato' Rhina Bhar: Ya, bagi pihak kaum wanita dan memberi sokongan penuh kepada usul yang telah dibentangkan itu. Sebagai seorang yang telah berpeluang berkenalan Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood secara peribadi. Maka saya tahu bahawa negara telah kehilangan seorang pemimpin yang jujur, ikhlas dan penyayang. Saya ingin menyampaikan serangkap pantun sebagai kenangan kepada Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood.

Kemunculannya di persada negara,

Amat pendek dari jangka masa,

Tetapi kak Endon sebagai wanita pertama;

Mempunyai impak tidak ternilai natijahnya.

Pakaiannya Nyonya industri batik

Tidak terlupa tenun dan songket.

Digubah semula indah dan cantik;

Daya promosi semua tertarik.

*Yayasan budi penyayang, mengganti diri,
Keprihatinannya kepada mereka yang tidak dipedulikan,
Wanita agung, berbudi pekerti;
Semua kenangan, semua tangisi.*

*Kepada berjuta yang sakit dan yang berduka,
Sikap positifnya tidak akan dilupa,
Dorongan dan harapan memberi makna;
Untuk menghadapi cabaran dengan penuh taqwa.*

*Kepada wanita yang sungguh berani,
Dewan Negara menyusun jari,
Berdoa semoga rohnya dirahmati;
Agar Kak Endon bersama orang dicintai Illahi*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Hajah Sharifah Azidah ya?

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saripah Aminah.

Tuan Yang di-Pertua: Saripah Aminah.

2.48 ptg

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam usul merakamkan dukacita yang teramat sangat di atas kembalinya kerahmatullah Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia, Datin Seri Hajah Endon binti Mahmood isteri tercinta Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 20 Oktober 2005, genap 49 hari pada hari ini, saya juga mengucapkan takziah.

Adalah diharapkan roh Yang Amat Berbahagian akan dicucuri rahmat oleh Allah S.W.A. Umum mengetahui curahan bakti beliau kepada rakyat Malaysia semasa hayatnya dari segi seni budaya, kraf tangan, seni warisan dan khasnya terhadap kesihatan kepada mereka yang menghidap sama penyakit dengan beliau amatlah besar sekali. Perlu diberi peringatan janganlah kita samakan seseorang yang kembali ke rahmatullah menyahut panggilan Illahi dengan mereka yang menjalani hukuman yang telah dijatuhkan oleh mahkamah.

Yang ditahan dalam mana-mana institusi tahanan, mereka boleh lagi dilawati dan sampai masa akan keluar tetapi yang kembali ke rahmatullah cuma pusara sahaja untuk kita lawati. Pada Pak Lah taballah, di atas ujian Allah S.W.T kepada anak-anaknya Kamal dan Nuri menantu-menantu dan cucunya tabahkanlah hati, doakanlah di atas pemergian beliau.

Allah SWT lebih menyayanginya, kembali pada bulan yang baik, bulan Ramadhan dan disemadikan pada petang Jumaat, petang Nuzul Quran. Saya bersama-sama keseluruhan rakyat Malaysia amnya dan kami di Pulau Pinang khasnya yang amat menyayangi ibunda pertama negara, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hajah Endon binti

Mahmood, semoga Allah SWT akan mencucuri rahmat di atas roh beliau. Dengan itu saya ingin menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Wan Nordin.

2.51 ptg.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan pada saya untuk sama-sama membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz. Seperti mana yang kita maklum bahawa tarikh 20 Oktober adalah merupakan tarikh yang amat mendukacitakan di mana negara telah kehilangan seorang pemimpin ataupun wanita pertama, isteri kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri yang kita kasihi. Tarikh 20 hari bulan adalah merupakan tarikh yang mendukacitakan bagi saya bahawa tarikh tersebut 20 Januari merupakan tarikh di mana isteri saya juga menghadapi kanser.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpenggil untuk menyokong usul ini di atas beberapa sebab selain daripada isteri saya yang juga menghadapi kanser dan 20 Januari ini yang merupakan sembilan tahun beliau menghadapi kanser. Apabila saya mengetahui bahawa Allahyarham menghadapi kanser, saya sering mengunjungi *oncologist* yang merawat isteri saya dan saya kagum dengan sikap *oncologist* ini, seorang India yang meminta saya mengusahakan beliau hendak merawat Allahyarham ketika hayatnya masih ada. Maka saya pun berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri dan memutuskan satu surat menyatakan minta izin supaya *oncologist* ini dapat mengunjungi beliau tetapi sebelum kunjungan itu dibuat Allahyarham telah meninggalkan kita semua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kehilangan seorang isteri adalah perkara yang paling memilukan dan menyedihkan. Oleh sebab itu kita turut bersedih dengan kehilangan ibu kita. Maka atas hasrat itu, Tuan Yang di-Pertua, saya serta seluruh rakyat Perlis ingin merakamkan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarga beliau di atas kehilangan isteri dan ibu kita yang tercinta. Jasa Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon, orang yang bertanggungjawab untuk meletakkan industri batik dan tenunan ini di tahap yang lebih tinggi sangat-sangatlah kita alu-alukan dan kita harap dengan kehilangan beliau, usaha-usaha ini akan diteruskan dan diperhebatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpegun melihat kasih sayang yang wujud di antara Pak Lah dan isterinya. Mula-mula cerita Laila dan Majnun, Romeo dan Juliet kita pernah dengar dan kita pernah hayati cerita ini, tetapi Tuan Yang di-Pertua, yang saya kagum ialah kasih sayang antara mereka yang kita dapat lihat. Oleh sebab itu, kita bersama-sama Pak Lah hendaklah mendoakan agar Allahyarhamah ini dirahmati Allah SWT diletakkan di kalangan orang-orang yang beriman.

Tuan Yang di-Pertua, contoh kasih sayang ini yang ditinggalkan dengan pemergian Allahyarhamah ini patut kita contoh kerana dalam hidup yang boleh memisahkan kasih sayang ini ialah kematian. Oleh sebab itu apabila kita mempunyai isteri, kasihilah kepada isteri seperti mana contoh yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat dengan isterinya. Saya ini, Tuan Yang di-Pertua, pernah tengok kisah Laila dan Majnun ini di Perlis yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya dengan isterinya berkasih sayang pun kita dapat rasai tetapi apabila saya melihat kasih sayang Pak Lah dengan isterinya, barulah saya sedar bahawa realiti dalam kehidupan ini bukan hanya imaginasi, ini satu contoh yang telah ditunjukkan. Bagi mereka yang kehilangan kasih sayang ini, kita mendoakan kebahagiaan kerana hidup ini hendaklah diteruskan, apatah lagi Perdana Menteri kita yang dibebani dengan tugas-tugas yang begitu berat untuk memastikan Malaysia berada di tahap kejayaan yang cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong usul menyampaikan ucapan takziah kepada Pak Lah dan keluarga. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Haji Abdul Rahman Suliman. Sulimankah atau Sulaiman? Saya memberanikan diri sebab Yang Berhormat dengan saya ini masuk ke Parlimen tahun 1982. Jadi bagilah saya sedikit berseloroh dengan beliau.

2.59 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Suliman, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin mengambil masa yang singkat untuk menyatakan rasa terharu saya dan seluruhnya mewakili rakyat di atas pemergian Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood iaitu isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 20 Oktober yang lalu. Seperti mana rakan-rakan yang lain, saya tidak ingin menyatakan lebih panjang lagi. Cuma saya seperti mana rakan saya sebentar tadi, Yang Berhormat juga memahami bahawa isteri yang meninggalkan kita kerana menghadapi penyakit kanser ini sebenarnya saya pun mengalami masalah yang sama ataupun keadaan yang sama di mana isteri saya sendiri pun sebenarnya menghadapi penyakit kanser yang sama seperti Yang Amat Berbahagia dan pada waktu yang sama kebetulan isteri saya meninggal lebih awal iaitu tiga tahun yang lalu.

Bukan satu perkara yang mudah seorang yang mengalami penyakit yang demikian dan menghadapi masalah penyakit tersebut dan terpaksa menghadapi tekanan psikologi, sensitiviti dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kita tahu Yang Amat Berbahagia walaupun menghadapi begitu lama penyakit ini tetapi terus dapat menghadapinya dengan semangat yang tinggi dan kita lihat seolah-olah Yang Amat Berbahagia tidak menghadapi sebarang penyakit seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan yang lain iaitu beliau dapat meneruskan tugas dan peranannya sebagai isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, "Harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan tulang, manusia mati meninggalkan nama". Biarlah maksud "meninggalkan nama" di sini bolehlah kita terjemahkan sebagai "meninggalkan jasa". Ringkasnya kita berharap untuk memastikan bahawa kenangan kita kepada Yang Amat Berbahagia kerana telah meninggalkan banyak jasa kepada kita haruslah kita abadikan dalam beberapa projek-projek yang tertentu ataupun beberapa pendekatan yang boleh kita terus mengingati Yang Amat Berbahagia itu sebagai orang yang berjasa. Maka saya ingin mencadangkan supaya, pertama sekali oleh sebab Yang Amat Berbahagia telah membuktikan minat beliau dalam membangunkan industri batik supaya ada satu yayasan ataupun sekiranya mungkin, iaitu industri batik Malaysia dapat memberi satu nama kepada beliau umpamanya Yayasan Batik Endon ataupun kita ada sekarang Batik Malaysia kita gantikan dengan nama Batik Endon dan sebagainya.

Yang kedua, selain daripada itu kita harus juga melihat umpamanya perkara-perkara yang lain seperti mengadakan Biasiswa Endon. Kalau kita boleh ada yayasan-yayasan yang mengeluarkan biasiswa supaya kita abadikan nama Endon ini dalam jasa yang ditinggalkannya di dalam bentuk yang lebih berkekalan seperti Biasiswa Endon, dan seterusnya barangkali kita juga harus mengadakan Yayasan Endon dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa kita semua kehilangan seorang yang sangat kita sayangi, maka yang demikian perkara-perkara yang harus kita lakukan mestilah boleh membuktikan bahawa bukan sahaja kita mengenang jasa, dalam waktu yang sesingkat ataupun bukan sahaja kita hari ini mengucapkan ucapan takziah, tetapi mestilah kita terjemahkan dalam bentuk yang lebih konkrit ini.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya dengan ini menyokong usul yang dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama bahas Usul Ucapan Takziah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Saya serta keluarga begitu juga dengan orang-orang di Wilayah Persekutuan ingin merakamkan setinggi-tinggi takziah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin

Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri kita yang kita kasihi, yang mana telah kehilangan seorang yang dikasihi iaitu Yang Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood, isteri beliau.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua pemergian Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood bukan sahaja satu kehilangan besar, beliau telah menjadi contoh dan berkorban kepada negara kita, yang mana beliau telah memberi peluang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi walaupun beliau dalam keadaan yang sakit, kita tahu ramai rakan kita daripada kalangan Yang Berhormat yang telah bercakap mengenai penyakit kanser, yang mana saya sendiri mengalami melalui ibu saya di mana ibu saya telah pergi 10 hari sebelum Datin Seri Endon dan beliau juga menghadapi penyakit kanser. Beliau tinggal bersama saya dan saya telah melihat sendiri daripada beliau didapati kena kanser sehinggalah beliau menemui ajal, dan saya tak dapat bayangkan bagaimana Datin Seri Endon ketika beliau menghadapi saat-saat sakit kanser ini, dan orang yang beliau kasihi yang sayangi tak dapat bersama-sama beliau di luar negara, terpaksa di dalam negara, beliau membuat satu pengorbanan yang cukup besar untuk membiarkan Perdana Menteri kita Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi menjalankan tanggungjawabnya untuk negara.

Beliau melepaskan suami yang beliau cukup sayangi. Saya tak tahu sama ada isteri saya boleh menjadi seperti Datin Seri Endon yang boleh membiarkan tak apa, suami tak bersama dan beliau menghadapi di luar negara keseorangan dan Pak Lah di sini bekerja untuk negara. Ini untuk saya Tuan Yang di-Pertua satu pengorbanan yang tak dapat kita cari. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja pengorbanan yang telah diberikan oleh Datin Seri Endon, pengorbanan Pak Lah yang sanggup pulang ke Malaysia untuk bekerja, berkhidmat kepada negara, anak cucu dan menantu di negara kita ini dan beliau di sana anak cucu, menantu pergi ke luar negara bagi pihak Pak Lah untuk melihat ibu mereka, semua ini satu pengorbanan yang cukup besar kepada negara kita.

Saya bersetuju dengan sahabat saya Dato' Haji Abdul Rahman bin Sulaiman, supaya sebuah yayasan yang seperti dicadangkan, kalau boleh yayasan yang sedia ada, Yayasan Budi Penyayang itu kita tukar sebagai Yayasan Budi Penyayang Endon bagi memberi penghormatan dan menghayati jasa-jasa beliau terhadap rakyat Malaysia. Ini Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang harus dilihat sebagai seorang wanita pertama yang berjiwa besar, yang sama-sama turut mahu bersama rakyat Malaysia dalam berbagai-bagai seni yang telah dibicarakan oleh rakan-rakan kita dan bagi pihak diri saya Tuan Yang di-Pertua apa yang dilakukan oleh Datin Seri Endon dan Pak Lah sendiri sebagai Perdana Menteri merupakan satu pengorbanan kepada kita, saya merakamkan di sini takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya tabahlah.

Kita tahu Pak Lah bekerja begitu kuat pulang ke dalam negara, ke luar negara bagi memperkenalkan Malaysia dengan lebih global lagi. Saya berdoa kepada Pak Lah supaya tabah menghadapinya insya-Allah, kita berdoa bahawa Allah S.W.T. akan mencucuri rahmat kepada Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood. Dengan kata-kata itu saya ingin menyokong usul yang dibawa oleh Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Osman bin Bungsu. Lepas ini saya akan jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab dan menggulung perbahasan di atas usul. Saya sedar bahawa - mohon duduk sebentar Yang Berhormat, saya mohon duduk sebentar. Saya sedar bahawa ruang yang sebegini rupa perbahasan di atas satu Usul Ucapan Takziah adalah satu ruang untuk kita melahirkan bukan sahaja penghargaan kepada insan yang berkenaan, tetapi juga untuk kita menghargai apa yang mereka mewakili, *what they represent, what they symbolize, what they personify* dan juga apakah kehilangan yang merupakan peninggalan mereka. Saya sedar bahawa apakah yang mereka telah mengilhamkan (*what they inspire*) juga akan menjadi bahan ucapan dan sudah tentu termasuk pengertian kematian *the meaning of death* dan *therefore the meaning of life*.

Banyak bahan dan saya sedar tentu semua Ahli Yang Berhormat ingin berucap, tetapi saya mohon, biarlah yang telah berucap mewakili semua yang tidak berkesempatan berucap dan selepas ini saya akan menjemput Yang Berhormat Gerik untuk menjawab dan menggulung, dan Yang Berhormat Menteri pun saya faham bentangkan usul ini semata-mata atas kehendak rakan-rakan dalam Kabinet yang bukan dipengerusikan oleh Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini merupakan keputusan rakan-rakan dalam Kabinet dengan tidak ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil bahagian dalam membuat keputusan untuk membentangkan usul ini. Silakan Yang Berhormat.

3.10 ptg.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya menyertai Perbahasan Ucapan Takziah Atas Kembalinya ke Rahmatullah isteri yang tersayang Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood, isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 20 Oktober tahun 2005 dan saya sekeluarga serta mewakili masyarakat minoriti Orang Asli Semenanjung Malaysia dengan ini menyatakan rasa kesedihan yang amat sangat atas pemergian Datin Seri pada tarikh yang telah dinyatakan.

Di atas perjuangan serta amal bakti yang telah dicurahkan, projek-projek yang telah dilaksanakan mempamerkan kepimpinan beliau sebagai isteri Perdana Menteri amat saya kagumi serta telah dilafazkan oleh rakan-rakan yang lain yang turut sama menyatakan kesedihan terhadap kembalinya isteri Perdana Menteri.

Bagi saya sekali lagi saya mengucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar tabah dan sabar dalam menjalankan tugas bagi kemajuan negara. Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri.

3.13 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kerajaan dan bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberikan ucapan takziah dan menyokong usul yang telah saya bentangkan di Dewan ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan Negara, minggu lepas saya telah dihubungi oleh pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau mendapat tahu iaitu bahawa Dewan ini akan membahaskan usul takziah beliau di atas pemergian Allahyarhamah Kak Endon, beliau telah cuba menghubungi saya tetapi gagal kerana saya berada di Gelang Pasir. Tetapi daripada pejabatnya telah memaklumkan kepada saya iaitu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat berasa dukacita sangat di atas ketidakbolehan beliau untuk hadir bersama pada ketika ini memandangkan beliau terpaksa terbang pula pada hari Selasa, disabitkan beliau terpaksa hadir di satu Sidang Kemuncak Negara-negara Islam yang sedang berjalan di sana dan telah pun beliau berjanji dengan Raja Saudi bahawa beliau akan hadir dalam sidang kemuncak itu. Maka itulah mengapa pada hari ini Yang Berhormat Perdana Menteri tidak dapat hadir.

Namun saya percaya Tuan Yang di-Pertua iaitu kalau hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut bersama, maka pertamanya sudah tentulah saya jangka berpandukan kepada apa yang telah berlaku waktu usul yang sama di bentang di Dewan Rakyat, sudah tentu pertamanya dia akan minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk membuat sedikit ucapan terima kasih atas usul yang telah dibawa oleh saya pada pagi tadi selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk merakamkan rasa dukacita dan menyampaikan ucapan takziah kepada beliau atau kembalinya ke rahmatullah isteri beliau, Allahyarhamah Kak Endon.

Tuan Yang di-Pertua, saya jangka juga beliau sudah tentu akan menyatakan perasaan yang amat terharu kerana ini merupakan atas pertama kali tindakan diambil untuk membawa satu usul seperti ini di Dewan Negara yang mana beliau tahu mengenainya seperti mana yang telah saya maklum di ucapan penangguhan peringkat awal saya sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasakan iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengambil keputusan untuk datang ke Dewan ini kalau beliau ada di sini. Beliau datang ke sini bukan sekadar untuk mendengar apa yang akan diucapkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara tetapi yang lebih penting ialah beliau hadir untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah bercakap, memberikan pandangan, nasihat dan sebagainya, ucapan takziah dan juga kepada mereka yang akan menyokong ataupun yang telah pun menyokong usul ini. Saya percaya Yang Berhormat Perdana Menteri akan berasa amat terharu inisiatif ini dan beliau pula telah mendengar ucapan-ucapan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah adil kalau sekiranya saya tidak sedikit bercerita, mengulangi berpandukan kepada ucapan penangguhan beliau di Dewan Rakyat. Kalau saya tidak mengulangi ini di Dewan Negara, saya rasa itu tidak adil. Berilah saya sedikit masa untuk menceritakan pendapat beliau berikan sebagai menggulung usul peringkat Dewan Rakyat kerana saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu juga perkara yang sama disampaikan kepada Ahli-ahli Dewan Negara. Dalam ucapan itu memang Perdana Menteri menyatakan, memanglah semasa Kak Endon masih ada hayatnya, semasa sakit memang telah pun menunjukkan kesusahannya untuk melaksana dan menyempurnakan beberapa projek yang telah pun dimulakan pelaksanaannya tetapi belum selesai. Memang betul kerjanya banyak tetapi dalam menjalankan kerja-kerja yang banyak itu, yang hari ini nampaknya ada penghargaan yang diberikan oleh rakyat, Kak Endon telah pun mendapat sokongan yang banyak daripada kawan-kawannya. Terutamanya daripada kawan-kawan dalam BAKTI, khususnya timbalannya, Datuk Seri Rosmah binti Mansor, isteri kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita.

Juga, kepada kawan-kawan yang lain dalam BAKTI, Kak Endon sentiasa menyatakan penghargaan mereka atas segala sokongan yang telah mereka berikan kepada Kak Endon yang sangat-sangat menghargainya. Oleh sebab itu, Kak Endon tidak dapat dengan sendirinya ucap terima kasih kepada mereka Kak Endon tidak dapat berjumpa mereka semasa sakit.

Maka izinkanlah supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengucapkan ucapan terima kasih kepada mereka semua bagi pihak Kak Endon dan kawan-kawannya yang membantu menjayakan projek-projeknya, sama ada yang ada hubung kait dengan mendapat bantuan untuk persatuan-persatuan yang kerja bersungguh-sungguh untuk melahirkan kesedaran mengenai bahayanya penyakit kanser dan perlunya kita berusaha untuk menghindarkan wanita terutama sekali daripada menghadapi penyakit itu, juga projek-projek yang ada hubung kait dengan songket dan batik dan projek-projek perusahaan keluarga.

Pada mereka semua yang terdiri, datang daripada kumpulan-kumpulan NGO, daripada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan termasuk para Menteri yang membantu dan pegawainya. Kak Endon amat-amat menghargai bantuan dan jasa mereka kerana semasa sakit pun perkara ini Kak Endon sentiasa timbulkan, jika ada apa-apa perkara yang merupakan kesilapan dan kekurangan atau apa-apa perkara yang beliau lakukan ataupun yang telah bercakap yang menyentuh perasaan kawan-kawannya, yang menyusahkan mereka.

Maka izinkanlah supaya Perdana Menteri bagi pihak Kak Endon untuk mengucapkan berbilang-banyak maaf. Malah selaku Perdana Menteri percaya inilah tindakan yang diambil dan PM percaya Kak Endon tentu sekali amat menghargai kalau Pak Lah sendiri dapat ucap terima kasih dan minta maaf kepada mereka semua. Ada satu perkara yang juga yang Kak Endon cakap ialah ada beberapa projek yang dalam pelaksanaan yang perlu dijayakan. Insya-Allah akan bantu bagi menjayakan dan anak-anaknya dan kepada mereka yang sudah pun terlibat dalam rancangan ini yang mahu meneruskan, PM harap mereka dapat teruskan kerana ini adalah sebenarnya yang ada hubung kait dengan kebajikan-kebajikan kepada rakyat sekalian.

Sifat yang cukup dominan yang ada pada Kak Endon itu ialah sikap penyayang, murah hati dan sedia membantu semasa berada di luar negeri, menerima rawatan, Kak

Endon sendiri berkata kepada PM bahawa sakit Kak Endon ini cukup kuat dan amat susah bagi Kak Endon. Dalam perkataan dengan izin, *"this painful is too bad"*, tapi Kak Endon katanya, juga mungkin ada satu pengajaran bagi dirinya, bagi keluarga dan mungkin juga bagi orang lain kerana sakitnya itu benar-benar melemahkan Kak Endon. Tetapi mungkin apa yang dikatakan pengajaran itu pada hari ini, PM percaya sudah ada satu rasa yang lebih kuat lagi di kalangan kita semua dan rakyat untuk menangani penyakit kanser ini dengan bersungguh-sungguhnya daripada segala aspek sama ada pendidikan, pencegahan dan meningkatkan lagi rawatan dan jenis ubat yang kita harap dapat diperolehi oleh rakyat dengan harga yang murah dan berpatutan, *"the price of cancer treatment"*, dengan izin harga untuk menerima rawatan kanser amat-amat tinggi sekali dan PM amat tahu ubatnya itu pun cukup juga mahal harganya.

Inilah yang menjadi juga niat dan tujuan Perdana Menteri supaya usaha kita itu biarlah sampai kepada peringkat iaitu rawatan untuk penyakit kanser, ubatnya biarlah nanti kita pastikan serendah-rendahnya dan semurah-murahnya supaya nanti penyakit kanser dan rawatannya terbaik, bukan hanya dapat diperolehi oleh mereka yang mampu untuk membayarnya tetapi juga mudah diperolehi oleh masyarakat yang kurang berpendapatan untuk mendapatnya.

Itulah yang perlu kita usaha dan insya-Allah itulah juga yang ingin Perdana Menteri usahakan. Sekali lagi Perdana Menteri ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada saudara sekalian atas ucapan takziah yang diberikan kepada Perdana Menteri atas kembalinya ke Rahmatullah isteri Perdana Menteri Allahyarhamah Endon binti Mahmud. Perdana Menteri cakap juga bagi pihak keluarganya dan atas sokongan yang saudara akan berikan kepada Perdana Menteri untuk meneruskan kerja Perdana Menteri memang PM akan teruskan kerjanya. PM percaya itulah juga yang menjadi harapan Allahyarhamah Kak Endon, terima kasih.

Itu sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ucapan secara verbatim yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Ahli-ahli Dewan Rakyat semasa untuk dibentangkan di sana. Saya telah membaca dengan penuh hansard yang saya terima dan saya percaya apa yang saya sebut sebentar tadi, inilah juga inti ucapan yang saya kira Perdana Menteri mahukan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator juga dapat tahu tentang apa yang di dalam isi hatinya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya juga ingin memberi jaminan di sini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di atas permintaan kita semua supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan terus pimpin kita dan kita perlu padanya dalam satu perjumpaan dalam Jemaah Menteri, beliau telah berkata iaitu bahawa jangan bimbang dan jangan ragu oleh kerana sekarang Kak Endon sudah pun tidak ada buat selama-lamanya, maka Pak Lah menyatakan itu bahawa *he is now married to his job*. Kerana itu, kita tak perlu bimbang sama ada Yang Berhormat akan meneruskan ataupun tidak kerana itu yang telah dijanjikan kepada kita Jemaah Menteri, *he's married to his job*.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya akhir kata kita amat merasai kehilangan Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood dan pemergiannya telah memberi kesan yang mendalam kepada kita semua di Dewan ini. Seperti mana yang dapat kita rasai dan kita dengar daripada ucapan-ucapan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sebentar tadi. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan kita berdoa semoga Allah S.W.T mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood serta menempatkan beliau dalam golongan orang-orang yang soleh dan solehah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN
(PINDAAN) 2005****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.27 ptg.****Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 atau Akta PIDM, tanggungjawab melaksanakan sistem insurans, deposit diberikan kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) atau *Malaysia Deposit Insurance Corporation*.

Walau bagaimanapun Bank Negara Malaysia akan terus dipertanggungjawabkan sebagai pengawas selia utama sistem perbankan. Susulan daripada itu Rang Undang-undang ini dicadangkan sebagai pindaan berbangkit bagi melicinkan pelaksanaan sistem insurans deposit di Malaysia dan memastikan Akta PIDM yang diluluskan oleh Parlimen pada sesi yang lalu dapat beroperasi dengan berkesan. Pindaan kepada Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (ABIK) akan dapat memperkukuhkan lagi rangka kerja yang sedia ada bagi mempertingkatkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan negara melalui perlindungan '*explicit*' yang disediakan untuk pendeposit.

Di bawah Rang Undang-undang ini beberapa peruntukan baru telah dibuat seperti berikut:

- a. suatu peruntukan yang menyifatkan suatu bank berlesen atau suatu syarikat kewangan berlesen sebagai suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM;
- b. memperuntukkan suatu alasan baru bagi Menteri Kewangan untuk membatalkan lesen suatu bank berlesen atau syarikat kewangan berlesen yang telah berhenti menjadi suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM;
- c. membenarkan mana-mana orang yang memperolehi atau melupuskan apa-apa kepentingan dalam syer suatu institusi berlesen di bawah Akta PIDM;
- d. membenarkan mana-mana orang untuk memegang apa-apa kepentingan dalam syer suatu institusi berlesen menurut Akta PIDM;
- e. mengecualikan pemakaian Subseksyen 49(9) ABIK ke atas mana-mana orang yang mengadakan suatu perjanjian atau perkiraan di bawah Akta PIDM;
- f. peruntukan Bank Negara Malaysia kuasa tambahan, periksa institusi berlesen yang juga adalah institusi anggota di bawah Akta PIDM;
- g. membenarkan kesemua deposit suatu institusi berlesen di Malaysia diutamakan mengatasi liabiliti tak bercanggar lain institusi berlesen itu Malaysia; dan
- h. membenarkan apa-apa pendedahan akaun dan hal ehwal pelanggan oleh suatu bank berlesen atau suatu syarikat

kewangan berlesen oleh mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau agen PIDM di bawah Akta PIDM.

Sehubungan dengan itu, sebanyak 10 Fasal telah digubal di bawah rang undang-undang ini seperti berikut:-

- i. Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang yang dicadangkan.
- ii. Fasal 2 bertujuan untuk meminda Seksyen 4 Akta ABIK dengan menomborkan semula Seksyen 4 sebagai subseksyen 4 (1) dan masukkan suatu peruntukan yang menyifatkan suatu bank berlesen atau suatu syarikat kewangan berlesen sebagai suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM.
- iii. Fasal 3 bertujuan untuk meminda Seksyen 7 ABIK untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menamatkan lesen suatu bank berlesen atau suatu syarikat kewangan berlesen jika bank berlesen atau syarikat kewangan berlesen berkenaan telah terhenti menjadi suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM.
- iv. Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 45 ABIK untuk membenarkan mana-mana orang untuk memperoleh atau melupuskan mana-mana kepentingan di dalam syer suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM.
- v. Fasal 5 bertujuan untuk meminda Seksyen 46 ABIK untuk membenarkan mana-mana orang memegang kepentingan dalam syer sesuatu institusi anggota di bawah Akta PIDM.
- vi. Fasal 6 bertujuan untuk meminda Seksyen 49 ABIK untuk mengecualikan pemakaian Seksyen 49(9) pada mana-mana orang yang menjalankan apa-apa perjanjian atau perkiraan di bawah Akta PIDM.
- vii. Fasal 7 bertujuan meminda Seksyen 69 ABIK untuk memperuntukkan bank dengan kuasa tambahan untuk memeriksa institusi berlesen yang menjadi suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM.
- viii. Fasal 8 bertujuan meminda Seksyen 81 ABIK untuk menggantikan peruntukan dalam subseksyen (1) bagi membenarkan semua deposit suatu institusi berlesen di Malaysia mendahului semua liabiliti tidak bercagar lain institusi itu di Malaysia.
- ix. Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan subseksyen 98A baru, membenarkan mana-mana pendedahan akaun dan hal ehwal pelanggan oleh suatu bank berlesen atau suatu syarikat kewangan berlesen kepada PIDM, pengarah, pegawai, pekerja atau ejen PIDM di bawah Akta PIDM.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Bank dan Institusi Kewangan (Pindaan) 2005 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

3.33 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam perbahasan pada Akta 372 atau Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 itu saya rasa ada beberapa pertanyaan yang ingin saya kemukakan pada pihak kementerian untuk mendapatkan penjelasan mengapa fasal-fasal seperti yang dicadangkan itu diperlukan dan apakah rasional untuk mengadakannya. Seperti contoh Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh kepada seksyen baru yang dicadangkan iaitu 98A Tuan Yang di-Pertua, yang mana ia menyatakan mana-mana pendedahan akaun dan juga hal ehwal pelanggan oleh sesuatu bank atau syarikat kewangan kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia adalah sah dan tidak boleh dipersoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya maklumat-maklumat seperti pendedahan akaun dan hal ehwal pelanggan sentiasa kena diberi pengawasan yang cukup rapat dan juga sesuatu pihak yang inginkan maklumat itu mesti mendapat atau mengadakan sebab-sebab yang kukuh sebelum institusi itu boleh mendedahkan maklumat itu. Di bawah Seksyen 98A itu nampaknya seolah-olah kuasa yang besar diberi kepada perbadanan ini untuk melakukan perkara ini dan apakah jaminan yang kita ada, apakah jaminan yang rakyat dan pelanggan boleh perolehi untuk memastikan semua maklumat yang telah didedahkan itu akan diguna dalam menjalankan tugas dan bukan akan disalah guna.

Saya nampak Tuan Yang di-Pertua tidak ada apa-apa peruntukan yang akan menyatakan tanggungjawab-tanggungjawab perbadanan dan di bawah apa keadaan maklumat-maklumat seperti ini yang selalunya rahsia sulit boleh diberi. Kalau ada kebocoran, kalau ada salah guna maklumat ini apakah jaminan-jaminan bahawa perlindungan-perlindungan yang penting akan diberi kepada mereka yang maklumatnya telah diberi kepada perbadanan dan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil terhadap pengarah, pegawai dan agen perbadanan itu. Nampaknya tidak ada peruntukan semacam ini yang telah disebutkan, jadi saya ingin tahu apakah jaminan kerajaan supaya perbadanan yang diberi satu tanggungjawab itu.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh saya bertanya Yang Berhormat sedikit. Kita dibesarkan dalam alam atau dalam *paradigm* yang mana memelihara rahsia dalam perbankan adalah mohon izin, *sacrosanct*. Ini diketengahkan pindaan yang mana sepintas lalu dilihat seolah-olah prinsip itu akan dikompromi, adakah ini bermakna paradigmanya daripada *financial paradigm have shifted* seperti mana kita lihat pembentangan rang undang-undang Anti Money Laundering Act dan sebagainya. Adakah ini bermakna undang-undang digubal mengikut anjakan-anjakan paradigma *was changed according to changing paradigm*, adakah itu Yang Berhormat juruskan?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua mungkin ini adalah akibat daripada apa yang telah Tuan Yang di-Pertua sebutkan pagi ini tentang apa yang *constant* hanya *change* dalam dunia ini, pada Dewan, pada pagi ini. Tetapi apa yang telah diutarakan oleh Tuan Yang di-Pertua itu pada pendapat saya adalah satu perkara yang menjadi pokok kepada perbahasan yang saya bentangkan tadi. Sama ada dalam satu situasi di mana kita memberi perlindungan kepada hak-hak manusia, kita telah tubuhkan di Malaysia Suruhanjaya atau SUHAKAM (Suruhanjaya Hak Manusia) dan kita juga mementingkan kerahsiaan dan sebagainya sebagai satu perkara yang boleh menanam semangat keyakinan kepada kita dalam pengurusan itu. Dalam perkara ini kalau kita tidak lihat apakah jaminan yang boleh diberi, apakah akan berlaku kalau maklumat-maklumat yang telah diserahkan oleh institusi-institusi kewangan itu kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia tidak akan disalah guna?

Kita pun tidak tahu apa maklumat yang diperlukan dan dalam apa keadaan maklumat ini patut diberi dan sama ada bank atau syarikat kewangan itu ada hak untuk menolak permohonan atau permintaan daripada perbadanan insurans deposit Malaysia. Perkara ini kita mesti jelaskan dengan teliti supaya kita dapat satu keyakinan bahawa perkara ini adalah semata-mata untuk menjalankan tugas perbadanan dan bukan untuk tujuan-tujuan lain.

Di negara-negara seperti Switzerland, kita lihat bahawa maklumat hal ehwal pelanggan dan akaunnya itu tidak boleh didedahkan dan proses untuk mendapatkan pendedahan amat sukar dan kita lihat baru-baru ini kerajaan Filipina pun ingin tahu duit yang disimpan oleh Presiden Marcos dahulu di Switzerland dan mereka pun begitu susah payah untuk mendapatkan maklumat ini dan akhirnya baru selepas satu proses yang mengambil masa panjang lebar bertahun-tahun maka mereka selepas itu baru dapat persetujuan supaya maklumat ini diberi kepada kerajaan Filipina.

Oleh yang demikian, saya sebagai seorang pelanggan kepada sesuatu institusi bank atau syarikat kewangan, kalau perbadanan ini minta maklumat saya diberi kepada mereka saya tidak dapat berbuat apa dan bank atau syarikat kewangan itu pun tidak dapat membuat sesuatu kalau pindaan 98 A ini diluluskan. Saya ingin tahu kerana saya kurang faham apakah maksud supaya maklumat ini diberikan tanpa apa-apa pertanyaan, tanpa apa-apa persoalan kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin sentuh ialah tentang pindaan kepada 69 di mana ada dikatakan dicadangkan supaya Bank Negara dapat memeriksa institusi berlesen yang menjadi anggota di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia itu. Saya ingin tahu sama ada ini diperlukan atau tidak. Pada pendapat saya Bank Negara sudah ada kuasa untuk memeriksa institusi-institusi yang dilesenkan oleh bank itu dan sama ada perlu juga tambah pindaan ini kerana nampaknya kuasa sudah ada. Pada pendapat saya atau pada perhatian saya, kuasa yang diberikan kepada Bank Negara itu cukup memadai bagi mereka membuat tinjauan dan pemantauan kepada sesuatu institusi kewangan atau sesuatu institusi. Semuanya perlu mendapat persetujuan dan lesen daripada Bank Negara sebelum mereka boleh beroperasi.

Oleh yang demikian, adakah ini sama ada *super flows* Tuan Yang di-Pertua sama ada peruntukan ini diperlukan atau tidak. Saya pun tidak tahu apakah rasional kita hendak tambah ini asalkan ada sebab-sebab yang penting. Tetapi saya lihat kuasa sudah ada bagi Bank Negara masuk memeriksa dan sebagainya sesuatu institusi kewangan kerana semuanya itu dilesenkan oleh Bank Negara sendiri.

Ini adalah dua perkara yang saya rasa penting dalam pindaan yang dicadangkan. Untuk yang lain, saya nampak tidak ada masalah dan saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi.

3.45 ptg.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi kebenaran kepada saya untuk membahaskan satu akta untuk meminda Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989. Ini adalah selepas tidak adanya Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005. Saya hendak tahu selepas kelulusan Akta itu dan digazet apakah masalah sekarang ini maklum balas dan impak akta perbadanan ini dan juga berkenaan dengan had amaun yang ditanggung dalam akta tersebut sejumlah RM60,000 malah adakah itu sudah jadi satu yang meningkatkan orang yang menandatangani wang yang lebih banyak. RM1 juta, RM2 juta atau tidak kerana had maksimum yang boleh dibayar itu hanya RM60,000.

Adakah itu jadi satu yang menyebabkan pelaburan yang agak besar atau deposit yang agak besar dan juga adakah itu juga kerana tidak ada akaun *fix* deposit juga ada akaun semasa di mana syarikat yang buka akaun semasa itu yang modal yang wangnya berada di akaun itu melebihi beribu-ribu dalam perniagaan mereka berapa juta ada di situ. Kalau bank itu sudah bankrap wang yang di akaun semasa itu macam mana. Ada had amaun untuk bayar balik atau tidak oleh perbadanan ini.

Kalau ini sudah menyebabkan sesuatu yang tidak senang hati atas bank-bank atau institusi-institusi maka peniaga-peniaga akan pilih bank yang mereka percayai. Adakah ini juga menjejaskan kedudukan bank-bank tempatan kalau dibandingkan dengan bank-bank antarabangsa. Adakah Akta ini juga menyusahkan bank-bank yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam permintaan pindaan akta ini Akta Bank dan Institusi Kewangan berapa bank atau berapa syarikat kewangan akan di impak kerana pemindaan akta ini dan saya hendak tanya adakah kerajaan berdialog dengan bank-bank dan institusi-

institusi kewangan ini supaya *information* yang mereka ada dan juga yang tidak senang hati itu diberitahu kepada kerajaan supaya ditimbang saya hendak tahu adakah dialog diadakan sebelum ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat di kalangan Ahli Yang Berhormat ini ada pengurus bank ya? Wanita ya? Ada pengerusi bank di belakang itu Dato' Dr. Norraesah, silakan.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah dialog seperti itu diadakan dan juga pandangan-pandangan bank dan institusi kewangan itu diambil kira semasa mengadakan pemindaan akta ini. Apakah maklum balasnya saya hendak tahu, dan apakah impak positif dan juga impak negatif kenalah diadakan pemindaan akta ini yang dimaklumkan oleh mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, tadi juga rakan saya menyentuh berkenaan maklumat penerangan, *information-information* yang boleh *information* pelanggan itu diberi kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, pengarah, pegawai, pekerja atau agen Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Maka orang yang boleh dapatkan maklumat itu, pelanggan itu adalah banyak dan ramai, adakah satu prosedur atau satu protokol diadakan supaya maklumat-maklumat itu dijadikan sulit dan tidak dibocorkan. Adakah prosedur sudah ada atau tidak? Kalau tidak, bilakah prosedur-prosedur macam ini yang ketat ini boleh diadakan? Tuan Yang di-Pertua ini berkenaan dengan bank-bank dan juga Bank Negara yang mana kita nampak wang syiling satu ringgit sudah tidak boleh dipakai.

Saya hendak tanya berkenaan bank-bank ini yang wang palsu, wang yang tidak sah itu, berapa jenis mata wang yang telah didapati yang tidak benar ataupun palsu dan bilangan setiap jenis itu.....

Tuan Yang di-Pertua: Adakah perkara itu relevan dengan rang undang-undang ini Yang Berhormat?

Tuan Lee Sing Chooi: Ini berkenaan Bank Negara Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ambil kesempatan ini.....

Tuan Lee Sing Chooi: Tidak, tidak saya hendak tanya pasal sekarang ini saya nampak syiling satu ringgit itu tidak boleh dipakai kerana yang palsu itu banyak dan saya juga terdengar RM50 mata wang pun ada juga.

Saya hendak tahu perkara ini sudah menyebabkan ketidaksenangan hati terutama peniaga-peniaga kecil itu kalau dapat RM150 yang tidak masuk itu adalah membebaskan mereka. Saya harap ini juga dapat diberitahu pada Dewan supaya rakyat kita lebih dapat tahu, apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Bank Negara dan juga kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tidak ada siapa mahu bercakapkah? Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri sila menjawab dan menggulung perbincangan.

3.54 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang membahaskan akta ini. Pertama bagi peluang pada saya untuk menjelaskan sedikit mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, akta yang kita pinda ini adalah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 ataupun ABK ataupun BAFIA. Lanjutan daripada Dewan kita yang mulia ini meluluskan PIDM, Deposit Insurans Malaysia dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia di mana Akta PDIM ini sebenarnya ia secara langsung akan melibatkan bank-bank komersial ataupun syarikat-syarikat kewangan berlesen sebagai anggota mereka. Ini sudah kita perjelaskan panjang lebar dalam sesi perbincangan, perbincangan, kelulusan PIDM ini, jadi setuju dengan itu sewajarnya apabila PIDM ini kita tubuhkan semestinyalah BAFIA itu kita terpaksa pinda kerana PIDM ini sebagai perkara baru dan

perlu diselaraskan dengan Akta BAFIA itu sendiri dan perkara-perkara yang kita bentangkan ini adalah perkara-perkara yang perlu kita selaraskan. Sukacita saya menjelaskan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng yang mengenai dua seksyen iaitu 98A dan juga 39.

Mengenai pendedahan maklumat oleh institusi bank pada PDIM. Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini tidak boleh dielakkan kerana kita telah pun ada BAFIA, dan sebagai mana yang kita kata tadi BAFIA ini badan pengawal selianya adalah Bank Negara, telah pun mempunyai peruntukan-peruntukan untuk melindungi bank dan institusi kewangan berlesen semua sekali termasuk pendeposit dan sebagainya. Apabila kita tubuhkan PIDM ini tentu sekali kita sudah faham anggota tadi adalah bank-bank khusus sekali untuk dapatkan PIDM. Untuk mendapatkan maklumat mestilah kita membenarkan di bawah Akta Bank itu sendiri.

Maksudnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak meluluskan peruntukan ini ataupun seksyen ini, bermakna bagaimana PIDM itu sendiri untuk menjalankan tugasnya. Saya faham dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, apakah jaminan kerajaan bila pendedahan ini dibuat, yang kita luluskan di sini tentu sekali sebagai rang undang-undang diluluskan kepada pengarah, kepada pekerja. Semua ini kerana kita terpaksa dedah kepada maklumat-maklumat yang diperlukan, jadi di bawah Akta PIDM itu sendiri yang kita luluskan terdahulu semacam juga dengan Akta BAFIA, kerana sekiranya orang-orang yang berkenaan melanggar ataupun mendedahkan dengan rahsia-rahsia yang diperolehi itu kepada maklumat-maklumat yang lain daripada tugas mereka, ia tertakluk kepada tindakan undang-undang.

Jaminan itu sudah ada dalam Akta PDIM itu sendiri, jadi kita tidak payah bimbang malah kita tidak akan dapat melaksanakan PIDM itu dengan lancar, dengan licin tanpa kita memberi kuasa ataupun tanpa kita memberi maklumat pada perbadanan itu sendiri.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: *[Bangun]*

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Macam kita suruh pergi askar kita... sedikit sahaja Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Baik.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Kita suruh askar kita pergi berperang, kita tidak bagi senjata pada mereka, jadi itu contoh, sila Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua saya minta penjelasan. Semasa kami membahaskan Rang Undang-undang PDIM itu, kita telah diberitahu bahawa PDIM itu ditubuhkan semata-mata untuk memberi perlindungan kepada pendeposit-pendeposit bank-bank supaya apabila ada apa-apa masalah yang dihadapi oleh bank tersebut, maka duit kita dalam bank atau di institusi kewangan itu terjamin. Semasa dalam pembentangan di sini kita telah juga diberitahu bahawa tidak ada kos kepada pelanggan, semua itu akan ditanggung oleh bank sendiri kerana saya telah tanya ada premium yang terlibat semasa insurans ini diperolehi.

Tetapi kita tidak diberi maklumat bahawa selain daripada institusi kewangan mendapat insurans bagi melindungi duit pelanggannya oleh kerana apabila berlaku apa-apa masalah oleh bank tersebut, maka duit pelanggannya terjamin. Tetapi dalam perkara ini, kita telah diberitahu di bawah seksyen baru 98A ini, selain daripada itu, maka maklumat-maklumat mereka juga perlu didedahkan. Tetapi apakah sebabnya kita kena buat demikian? Apabila saya mengguna perkhidmatan dalam sesuatu bank itu, maka saya masuk duit dan kemudiannya bila bank tersebut mengambil insurans untuk memberi perlindungan kepada duit saya, di atas mungkin masalah mereka, mereka tidak menjaga duit saya dengan baik dan akibat daripada itu *services* mereka menghadapi masalah dan oleh kerana itu duit saya pun 'terhilang' kerana bukan salah saya tetapi oleh kerana bank itu tidak berusaha dengan baik. Oleh kerana itu, perlindungan hanya untuk mengawasi satu keadaan semacam itu berlaku. Tetapi di sini kita perlu serahkan maklumat peribadi. Apakah sebabnya? Harap mendapat penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam perkara ini saya tidak bermaksud untuk pandang ke belakang dan saya pohon kita jangan terkeliru dengan dua akta, satu Akta PIDM, satu Akta Bank dan Institusi Kewangan, yang saya kata BAFIA tadi yang sedia ada sejak dahulu. Sedikit menjelaskan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, ada BAFIA, AmBank, pelanggan mereka adalah pelanggan, orang ramai yang membuat deposit, yang membuat pelaburan dan sebagainya dalam bank berkenaan. Kepada PIDM, Perbadanan Insurans Deposit, pelanggan mereka adalah bank itu sendiri di mana bank itu dalam akta yang kita telah luluskan kita wajibkan ia menjadi institusi anggota kepada PIDM.

Berkait dengan RM60,000 setiap bank terpaksa meletakkan di dalam PIDM untuk bayaran kepada pemegang akaun mereka ini, telah kita jelaskan dahulu. Ini jelas, akta yang kita bentang hari ini adalah untuk melicinkan lagi sebab dia bersangkutan paut secara langsung kedua-duanya itu. Balik kepada Yang Berhormat bangkit ataupun 98A ini, pendedahan ini adalah pendedahan perlukan akta bank itu membenarkan PIDM mendapat maklumat kerana PIDM itu....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya pohon izin.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Oleh kerana Yang Berhormat, bank itu ataupun syarikat kewangan berlesen itu ahli kepada PIDM, maka dalam seksyen ini yang saya katakan tadi, di dalam Akta Bank kerahsiaannya terletak dalam seksyen 97. Di dalam PDIM yang saya jelaskan tadi, juga terdapat peraturan bila rahsia itu didedahkan, maka wajib kepada pemegang rahsia itu untuk menjaga hanya untuk menjalankan tugas, bukan untuk mendedahkan maklumat kepada yang tidak perlu dan ini terdapat dalam seksyen 24 Akta PIDM yang telah kita luluskan.

Di sini jelas Yang Berhormat, jaminan kerajaan, jaminan akta yang kita luluskan ini tidak perlu kita ragu-ragu kerana kalau PIDM itu tidak ada anugerah atau kita berikan mereka peluang untuk mendapatkan maklumat, tentu sekali kerana PIDM ini tugasnya ialah menjadi pendeposit yang berada dalam bank, maka apabila beliau, macam kita ceritakan dulu ataupun apa yang kita terangkan dalam penubuhan PIDM ini apabila sesuatu bank telah dihidu oleh PDIM, sudah dikenal pasti mengalami masalah, tentu sekali pihak pelanggan belum tahu tetapi ini dengan kepakarannya. Ini sebenarnya salah satu jaring keselamatan berkenaan sistem kewangan negara, mengetahui lebih awal, maka dia perlu mendapatkan maklumat lebih awal untuk memastikan semoga pendeposit yang berada dalam bank berkenaan mendapat faedah perlindungan sebagaimana akta yang kita luluskan itu.

Yang Berhormat, begitu juga perkara kedua yang Yang Berhormat bangkitkan, apakah Bank Negara dapat memeriksa anggota institusi PIDM. Maksudnya Bank Negara telah ada kuasa mengapa perlu ada penambahan perkara ini. Sememangnya, sebagaimana saya katakan tadi Yang Berhormat, tugas Bank Negara sebagai institusi pengawal sistem kewangan negara masih kekal dan apabila kita tubuh PIDM ini, tentu sekali bagi menjamin kedudukan kewangan pelanggan dan sebagainya, sistem kewangan negara keseluruhannya, maka Bank Negara perlu kepada perkara itu.

Berbalik kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, saya ingin sekali lagi memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sempat mencatat apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat tadi, sebenarnya apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat tadi seolah-olah kita banyak membincangkan perbadanan itu sendiri, PIDM itu sendiri yang telah kita luluskan. Apa yang kita bincang ini adalah untuk menyelaraskan Akta Bank kepada akta PIDM.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan mengenai dua tiga perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat supaya kita lebih jelas, tetapi saya minta maaf tentu sekali kita tidak dapat mengundur ke belakang untuk menerangkan bagaimana pendeposit, macam mana lebih daripada RM60,000 kerana perkara ini telah dijelaskan sejelas-jelasnya semasa kita menubuhkan PIDM lebih awal.

Mengenai Yang Berhormat ingin tahu apakah status ataupun impak kepada penubuhan PIDM ini. Saya boleh nyatakan kepada Yang Berhormat, kita telah dapat maklum bahawa Ahli Lembaganya telah dilantik dan telah diumumkan di dalam pengumuman kerajaan dan Ahli Lembaga ini sedang mengurus mengenai pengurusan perbadanan ini supaya ia dapat kita melaksanakan secepat mungkin termasuklah keperluan kepada perubahan ataupun pindaan akta bank yang kita bincang pada hari ini kerana ia memerlukan tugas mereka tadi.

Yang kedua, sedikit Yang Berhormat menyebut apakah jaminan atau apa akan berlaku dengan pendeposit-pendeposit besar lebih daripada RM60,000. Ini semacam saya mengulang balik dan apa akan berlaku, contoh yang diguna oleh Yang Berhormat mungkin deposit RM1 juta ke atas dan sebagainya. Sukacita kita masih ingat bahawa dalam keseluruhan pendeposit dalam negara kita pada ketika itu sebenarnya 95% daripada pendeposit, puratanya adalah dalam kaedah RM60,000 bawah. 5% itu walaupun kuantitinya besar tetapi ia mempunyai nilai yang lain, maka sebab itulah RM60,000 ini, sebenarnya PDIM ini atau akta insurans ini sebenarnya bukan di negara kita sahaja, semua negara sekarang ini telah melaksanakannya dan ini salah satu sistem untuk kita secara menyeluruh untuk menjamin pendeposit dalam institusi perbankan kita.

Dalam kaedah ini, saya sukacita memahamkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan tertubuhnya PIDM ini tidak bermakna kita tidak melindungi selain daripada yang kita ada dalam PIDM ini.

Ini satu ciri tambahan. Maksudnya, kita telah dalam sistem keselamatan, jalinan keselamatan kewangan negara kita. Kita telah melaksanakan banyak bila berlakunya krisis kewangan, kita telah gabungkan bank-bank daripada banyak bank, kita telah satukan, kita telah nasihatkan mereka supaya digabungkan. Hari ini telah menjadi satu institusi yang kuat, berbagai-bagai lagi dan termasuk langkah yang terkini ini, untuk kita tubuhkan PIDM. Untuk memberi jaminan kepada sistem kewangan negara, tidak meragukan kita, kerana selain daripada 60,000 ini, sebenarnya sistem kewangan kita memang memberi jaminan kepada setiap pelaburan yang ada dalam negara kita. Dalam institusi kewangan, saya maksudkan ya? Tentu sekali apalagi pelabur-pelabur, melebihi ataupun pelabur-pelabur yang mempunyai tabungan melebihi daripada RM60,000 ini, ataupun boleh kita katakan ini bukan daripada orang biasa ini, mereka mempunyai kemahiran lebih daripada pelabur biasa. Yang tentu sekali mereka melihat di mana perlu, di mana tak perlu, di mana tempat yang lebih baik, untuk mereka melabur dalam sistem kewangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kepada perkara perundangan, Yang Berhormat bangkitkan adakah pihak Bank Negara memanggil untuk berunding dengan bank-bank tempatan, dan juga mendapatkan maklum balas daripada bank-bank tempatan. Saya percaya dalam kes ini, mengenai penubuhan PIDM, ya? Mengenai menubuhkan PIDM ini. Pemahaman saya begitu. Maksud Yang Berhormat akta yang kita bincangkan sekarang? Saya percaya dalam akta yang kita bincangkan sekarang ini, Akta Bank yang tidak memerlukan kita berbincang kerana apabila bank-bank itu secara automatik telah kita luluskan menjadi anggota PIDM, maka kita memerlukan perkara-perkara yang kita bincangkan hari ini untuk menyelaras malah melicinkan lagi pelaksanaan PIDM itu sendiri.

Maksudnya, yang saya jelaskan tadi, sistem keselamatan, jaringan keselamatan sistem kewangan negara. Saya rasa pihak bank sama ada positif, negatif yang nak diketahui oleh Yang Berhormat itu tadi sebenarnya tidak timbul. Kerana tentu sekali apabila PIDM ini ditubuhkan perlukan penyelarasan dan juga pindaan dalam Akta Bank. Sekali diketahui niat kerajaan ataupun sistem kewangan kita adalah untuk melindungi pendeposit dalam negara kita. Bagi pelanggan-pelanggan di bank-bank. Dia tidak membawa perkara yang negatif. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lee Sing Chooi: Minta maaf, penjelasan.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Lee Sing Chooi

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri kata yang di bank-bank itu semua setuju dan sokong penuh 100% PIDM dan sebagainya. Mengikut apa

yang akan dipinda ini ia 100% disokong dan tidak ada bantahan dan tidak ada suara yang tidak baik yang kena didekatkan. Tidak langsung, semuanya sokong 100%?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya nyatakan tadi, pertama tentu sekali tidak ada perjumpaan khusus untuk bincang hal ini.

Kedua, kalau ada perjumpaan pun, perbincangan yang barangkali dalam perjumpaan bank-bank. Perkara yang dibangkit, saya tidak ketahui 100% ataupun ianya tidak setuju dan sebagainya. Tapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian, bahawa kita tidak memerlukan persetujuan 100% kerana bank-bank mesti bersetuju. Kerana sistem ini, kita luluskan ini ialah untuk menjamin dalam jaringan keselamatan sistem kewangan negara. Kerana kita nak menjamin pendeposit-pendeposit sebagaimana yang saya katakan tadi, menubuhkan PIDM adalah untuk memberi jaminan kepada pendeposit yang berada di dalam bank-bank.

Kita nyatakan dahulu bahawa pendeposit tidak akan dikenakan fee tambahan. Caj tambahan dengan adanya insurans ini. Maksudnya, mereka dijamin mereka tidak dikenakan caj. Tentu sekali kita mahukan ini. Yang kedua, bank ini kita dah gabungkan, maka mereka ini telah berada dalam kedudukan yang baik, dan mereka ketahui dasar kerajaan adalah untuk melindungi pelanggan bank. Tentu sekali mereka mesti bersetuju dengan apa yang kita luluskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit disentuh soal yang lain daripada akta yang kita bincangkan, iaitu mengenai wang siling RM1.00 yang tidak lagi boleh dipakai di pasaran. Yang Berhormat, sebenarnya kegunaan wang siling RM1.00 ini pada masa sekarang sudah tidak lagi dianggap popular dalam pasaran. Sekali hendak bawa RM10.00 itu, berat. Berbanding dengan mata wang kertas dengan ciri-ciri keselamatan yang baik, maka sebab itulah kita tamatkan. Selain daripada ada cerita-cerita yang Yang Berhormat sendiri dengar barangkali, ini panjang.

Yang kedua, Yang Berhormat ingin tahu apakah, berapakah jenis mata wang? Semua sekali mata wang selain daripada RM1.00, RM50.00, RM2.00 RM5.00, RM10.00 yang ada palsu, saya tidak dapat nyatakan Yang Berhormat kerana tentu sekali pihak-pihak yang ingin menjadikan wang palsu ini sebagai keuntungan kepada mereka, tentu sekali mereka tak *print* wang RM1.00. Print wang banyak-banyak. Ada RM100.00 dan RM50.00, dan nasihat saya, nasihat saya kepada mereka yang ragu-ragu kepada kedudukan mata wang itu, sama ada palsu ataupun sebaliknya. Silalah memahami ciri-ciri keselamatan mata wang kita. Jika mereka masih ataupun tidak dapat memahaminya ataupun tidak dapat menghalusinya, kita nasihatkan mereka dapatkan maklumat daripada bank-bank, di bank-bank perdagangan ataupun Bank Negara, dengan cawangan-cawangan Bank Negara di seluruh negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang juga merupakan bekas seorang pegawai bank yang tahu banyak tentang hal ehwal perbankan. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.21 ptg

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Bank Islam Pindaan 2005. Susulan kepada kelulusan Dewan yang mulia ini ke atas Rang Undang-undang Bank dan Institusi Kewangan Pindaan 2005, Rang Undang-undang ini juga dicadangkan sebagai pindaan berbangkit bagi melicinkan pelaksanaan sistem insurans deposit di Malaysia dan memastikan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 Akta PIDM yang diluluskan oleh Parlimen pada sesi yang lepas dapat beroperasi dengan berkesan. Sistem Insurans Deposit yang akan dilaksanakan juga memperuntukkan perlindungan insurans yang berasingan untuk deposit yang disimpan di bank-bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 (ABI). Pindaan kepada ABI akan dapat memperkukuhkan lagi rangka kerja yang sedia ada bagi mempertingkatkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan negara melalui perlindungan *explicit* yang disediakan untuk pendeposit. Dalam hal ini adalah dicadangkan supaya ABI dipinda dan dikemas kini sewajarnya dengan memasukkan peruntukan baru yang mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

- (a) kemasukan sesuatu peruntukan yang menyifatkan suatu Bank Islam berlesen sebagai suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM;
- (b) memperuntukkan suatu alasan baru bagi Menteri Kewangan untuk membatalkan lesen suatu Bank Islam berlesen yang telah terhenti menjadi suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM;
- (c) mengadakan suatu peruntukan yang merujuk kepada suatu peratusan di mana aset ditetapkan mengandungi deposit setiap Bank Islam;
- (d) mengecualikan perbadanan Insurans Deposit Malaysia daripada pemakaian seksyen 22 ABI ke atas mana-mana orang yang mengadakan suatu perjanjian atau perkiraan di bawah Akta PIDM;
- (e) membenarkan apa-apa pendedahan akaun dan hal ehwal pelanggan oleh suatu Bank Islam berlesen kepada mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau agen PIDM di bawah Akta PIDM dan
- (f) memperuntukkan keutamaan bagi deposit Islam apabila suatu Bank Islam di golongan di bawah perenggan 37(2)(f) dan untuk menyatakan bahawa apa-apa kos, caj dan perbelanjaan yang patut oleh seorang yang dilantik di bawah perenggan 37(2) (d)(e) dan (f) hendaklah menjadi kena di bayar daripada aset Bank Islam diutamakan daripada segala kementerian lain.

Secara terperinci, Rang Undang-undang ini mengandungi 8 fasal seperti berikut:

- (i) Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan Rang Undang-undang yang dicadangkan;

- (ii) Fasal 2 bertujuan untuk kemasukan tafsiran baru dalam ABI untuk memudahkan pelaksanaan Akta PIDM ke atas Bank Islam;
- (iii) Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 3 ABI dengan memasukkan sesuatu subseksyen (5A) untuk menyifatkan mana-mana Bank Islam berlesen sebagai suatu Institusi Anggota di bawah Akta TIDM;
- (iv) Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 11 ABI memberi kuasa kepada menteri untuk menamatkan lesen suatu Bank Islam jika Bank Islam telah terhenti menjadi suatu Institusi Anggota di bawah Akta PIDM;
- (v) Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 16 ABI dengan menggantikan subseksyen (2) dengan suatu peruntukan yang merujuk kepada suatu peraturan aset yang ditetapkan mengandungi deposit setiap Bank Islam atau apa-apa liabiliti lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara atau sebagai suatu peratusan sebagaimana yang diubah oleh Bank Negara;
- (vi) Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 22 ABI memasukkan sesuatu peruntukan untuk mengecualikan PIDM daripada mendapatkan kebenaran menteri bagi apa-apa perkiraan, perjanjian atau skim dicadangkan;
- (vii) Fasal 7, bertujuan untuk meminda seksyen 34 ABI dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen baru bagi memperuntukkan keperluan kerahsiaan perbankan tidak terpakai kepada maklumat yang diberi kepada mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau agen PIDM di bawah Akta PIDM; dan
- (viii) Fasal 8 bertujuan untuk menggantikan seksyen 45 ABI dengan suatu seksyen baru untuk memperuntukkan pemeringkatan bagi deposit Islam apabila suatu Bank Islam digulungkan di bawah perenggan 37(2)(f) ABI dan untuk menyatakan bahawa apa-apa kos, caj dan perbelanjaan yang patut oleh seorang yang dilantik di bawah perenggan 37(2)(d)(e) dan (f) ABI hendaklah kena dibayar daripada aset Bank Islam mendahului segala tuntutan lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mohon supaya Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2005 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank Islam 1983 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

4.27 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasan pada Akta 276 iaitu Akta Bank Islam 1983, banyak daripada komen yang kita telah utarakan tadi boleh juga diguna pakai dan mungkin kita akan dapat penjelasan dan jawapan yang sama juga. Tidak payahlah saya bangkitkan perkara-perkara ini. Biar saya bangkitkan satu perkara baru iaitu pindaan kepada seksyen 45. Iaitu tentang keutamaan deposit Islam.

Tuan Yang di-Pertua, ramai dalam Dewan ini masih ingat pada krisis kewangan yang melibatkan, dahulu dipanggil *Deposit Taking Company* (DTC) atau syarikat yang mengambil deposit. Banyak syarikat kewangan telah mengambil deposit dan kemudian

mereka telah menghadapi masalah atau krisis kewangan tahun 80an dan akibat daripada itu maka ramai orang yang menyimpan duit mereka dalam syarikat-syarikat ini telah mengalami banyak kesulitan, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Malaysia telah berusaha untuk membantu dalam perkara ini, tetapi telah mengambil masa yang panjang, lebih kurang sampai 90an baru masalah ini bukan diselesaikan, tetapi ditinggalkan Tuan Yang di-Pertua. Ramai daripada mereka yang telah menyimpan duit mereka dalam syarikat-syarikat tersebut telah mendapat balik modal mereka atau simpanan mereka, tetapi bukan sepenuhnya.

Akibat daripada krisis kewangan itu, maka kita sudah ada pengajaran tertentu yang saya lihat mungkin telah dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia seperti yang telah kita bahaskan pada sesi yang lalu iaitu Polis Diraja Malaysia ialah satu daripada langkah di mana perlindungan diberi kepada pendeposit melalui insurans dan kemudian premium untuk insurans itu dibiayai oleh syarikat kewangan itu. Berasaskan kepada itu, saya kurang faham mengapa di bawah seksyen 45, kita perlu membezakan deposit yang berdasarkan jagaan dan deposit Islam lain.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua ini, sama ada berdasarkan jagaan atau deposit lain, pada pendapat saya biarlah duit yang diharapkan kepada institusi ini dijaga. Kalau ada masalah, dalam kategori (a) itu iaitu berdasarkan jagaan, ia ada keutamaan untuk mendapat balik duit itu tetapi untuk kategori luar, ia tidak ada keutamaan dari segi prioriti Tuan Yang di-Pertua, (a) dan (b). Pada pendapat saya patut semua duit ini diberi perlindungan yang serupa, yang sama dan bukan satu sahaja yang ada keutamaan, satu lagi tidak ada keutamaan. Kalau semua dalam kategori (a) ini sudah dapat balik duit deposit mereka, maka sampai ke kategori (b) tidak ada peluang, itu bermakna kita masih tidak mendapat pelajaran yang mencukupi akibat daripada krisis kewangan yang dihadapi oleh negara pada 80-an itu, Tuan Yang di-Pertua.

Adakah ini bermaksud untuk kategori kedua itu, kita lihat semua dalam kategori (b) itu seolah-olah duit mereka atau deposit mereka tidak begitu penting dan apabila institusi kewangan itu menghadapi masalah, maka hanya kategori (a) itu dapat keutamaan dalam memperolehi apa yang boleh dibayar tetapi yang kedua itu tidak boleh. Bolehkah kita cari satu jalan keluar sama ada melalui Polis Diraja Malaysia supaya semua duit yang disimpan dalam sesuatu institusi kewangan itu terjamin supaya semua rakyat kita jangan menderita akibat daripada satu kelalaian bank atau institusi kewangan itu. Ini supaya mereka boleh mengharap kerajaan akan menjaga kepentingan mereka dan bukan kerajaan yang kena masuk campur tangan, ambil daripada duit rakyat untuk membantu dalam keadaan ini.

Bagi saya ini tidak patut. Ini patut jadi satu peranan bank atau institusi kewangan tersebut. Kalau mereka rela mengambil deposit maka deposit itu mesti diberi perlindungan supaya apabila ada masalah maka ini mesti terjamin. Kenapa itu tidak boleh dibuat? Kenapa kita kena asingkan kepada dua kategori, (a) dan (b)? Kalau kita lihat pindaan kepada seksyen 45 (2) itu, maka kita juga ada lihat bahawa kaki tangan institusi itu ada juga diberi perlindungan maka segala kos, caj perbelanjaan wajar, termasuk syarahan bagi orang yang dilantik itu, dia terjamin dan dia boleh buat tuntutan dan mengikut keutamaan dia akan dibayar.

Tetapi pendeposit itu tidak ada perlindungan, adakah ini adil, Tuan Yang di-Pertua? Bolehkah kita memikir satu jalan lain supaya semua pihak ini diberi perlindungan. Itulah pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya pada keseluruhannya juga menyokong pindaan pada Akta 276 ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad.

4.37 ptg.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kemusykilan saya juga adalah terhadap pemindaan akta pada seksyen 45. Kita memahami bahawa tujuan diadakan perbadanan ialah untuk mengawasi atau menjaga pendeposit-pendeposit tidak kehilangan wang ringgit mereka sekiranya terjadi beberapa krisis. Seperti

juga pindaan pada permulaan akta tadi iaitu bank dan institusi kewangan, ini juga bermakna satu tindakan *consequential* kepada yang tadinya.

Namun, kemusykilan ialah sama tetapi tidak serupa dengan Yang Berhormat Dato Dr. Chin iaitu dalam pemindaan yang baru ini ialah dikatakan keutamaan deposit Islam ini adalah Akta Pemindaan *Islamic Banking*, Perbankan Islam. Kita difahamkan bahawa di bank yang diiktirafkan sebagai Bank Islam, semua produknya adalah produk *Islamic*. Tidak ada kecualian di mana produk itu tidak di bawah *custody Islamic*. Apabila kita mengadakan satu seksyen yang baru ini, pindaan, saya rasakan ini tidak begitu relevan sungguhpun kemungkinan masih ada produk konvensional di dalam *Islamic bank* itu.

Kemusykilannya timbul juga kepada perbankan biasa komersial bank di mana mereka tidak dianggap sebagai *Islamic Bank*, tidak dipanggil Bank Islam tetapi mereka juga ada *window* ataupun segmen untuk *Islamic Banking*. Di sinilah timbul kemusykilan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi, bagaimanakah kita dapat mendiskriminasikan hak seorang pendeposit yang mempunyai deposit *Islamic* produk dan yang tidak mempunyai *Islamic* produk di bawah perbankan konvensional. Sebab di bawah bank komersial ia ada dua, satu perbankan konvensional, satu perbankan Islam. Bagaimanakah kita dapat menyelaraskan supaya hak-hak ini tidak dibeza-bezakan. Inilah saya rasa kemusykilan yang juga dibangkitkan oleh Dato' Dr. Chin. Cuma saya rasa yang timbul ialah dalam

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Dr. Chin Fook Weng minta penjelasan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya minta laluan jadi, saya jugalah ucap tahniah kepada Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad kerana telah bersama-sama membahaskan pindaan kepada Rang Undang-undang ini. Saya ingin tahu sebagai bekas Pengerusi Bank Rakyat, sama ada ini amalan yang telah dicadangkan dalam pindaan ini patut diperakukan dan tadi perkataan diskriminasi telah digunakan dan adakah ini dari amalan perbankan sama ada ini berpatutan atau tidak. Terima kasih apakah pendapat Yang Berhormat, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad : Perkara ini belum pernah berlaku tidak berlaku cuma di dalam akta ini kita tertimbus satu kemusykilan sama ada apakah yang membezakan antara produk konvensional dengan produk *Islamic* di bank komersial bukan *Islamic Banking*.

Dalam Bank Islam tidak ada langsung bezanya sebab semua produk itu adalah produk *Islamic* jadi kalau adanya perkara krisis berlaku di mana pendeposit wang ringgitnya adalah terjejas maka semuanya dilayani dengan secara yang sama tetapi mungkin ini dapat keterangan kita dapat perolehi daripada Kementerian Kewangan tentu sekali ada caranya bagaimana tidak ada timbul perbezaan di antara pendeposit *Islamic* produk dan pendeposit di dalam produk konvensional, sebab di sini ada dua perbezaan pertama ialah deposit Islam berdasarkan jagaan di bawah *custody* yang keduanya ialah daripada deposit Islam yang lain.

Adakah ini juga sama dikenakan di dalam bank komersial juga yang bukan diiktirafkan sebagai Bank Islam. Saya yakin bahawa di dalam dunia perbankan, di mana kita hendak jalinkan satu ketelusan dan transparensi dalam apa jua kita lakukan tentu sekali tidak ada perbezaan di antara pendeposit yang mendepositkan wang di dalam produk konvensional dan juga mereka yang menggunakan produk *Islamic*. Saya rasa tentu sekali Kementerian Kewangan dapat menjelaskan tidak adanya perbezaan di dalam amalan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad. Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae.: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Bank Islam (Pindaan) 2005.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan dalam menjalankan sistem ekonomi berteraskan Islam di negara ini telah membawa kepada tertubuhnya syarikat perbankan Islam pertama di Malaysia iaitu BIMB Holding Bhd. dan BIMB sekali gus mewujudkan Akta Bank Islam 1983, Akta 276 yang bertujuan untuk membolehkan institusi ini menguruskan kegiatan perbankan secara amalan Islam sepenuhnya serta memenuhi keperluan kewangan bagi orang Islam dan juga bukan Islam di negara ini.

Sejak itu prestasi perbankan Islam dilihat sangat menggalakkan dan dengan jumlah aset yang begitu tinggi serta keuntungan yang besar tanpa sedikit pun mengalami kerugian. Pada tahun 1992, Bank Islam telah mencapai kejayaan besar apabila tersenarai di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur ataupun KLCE dan ini telah menjadikan antara institusi kewangan yang kukuh di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan masa dan tingkah laku manusia pada masa kini telah menyebabkan wujudnya berbagai-bagai komplikasi yang melibatkan sistem kewangan dan ini secara khususnya telah mempengaruhi aktiviti perbankan Islam itu sendiri. Akhirnya keperluan pindaan dalam erti kata pembaharuan, pemansuhan dan penjelasan perlu dilakukan kepada ataupun atas Akta Induk iaitu Akta Bank Islam 1983.

Ini bagi memperkukuhkan lagi akta yang dimaksudkan agar tidak timbul masalah ketidakjelasan ataupun *in bequest* dari sudut taksiran dan isu-isu berkaitan agar diharapkan ia membawa implikasi positif di masa yang akan datang dalam setiap aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengurusan kewangan serta perbankan Islam. Pada pandangan saya, pertimbangan ke atas pindaan Rang Undang-undang mengenai Akta Bank Islam 2005 perlu dilihat sebagai suatu perubahan ke arah yang lebih baik, sebagai institusi yang dipercayai, kukuh dan dihormati di negara ini.

Bank Islam perlu melihat bahawa kelemahan lepas sebagai satu petunjuk. Oleh yang demikian, langkah kawalan dan strategi perlu dilakukan secara terperinci dan bukan hanya bersandarkan kepada saling mempercayai, apa yang paling penting ialah keyakinan pelabur mahupun pendeposit dalam berbagai-bagai kegiatan seperti perbankan, takaful, sewa dan kontrak, penyelidikan, latihan dan berbagai-bagai kemudahan lagi di dalam Bank Islam perlu dikembalikan semula bagi memastikan kelestarian perbankan Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Bank Islam Pindaan 2005 boleh dikatakan mempunyai inti pati yang mampu memperkukuhkan sistem perjalanan kewangan yang diaplikasikan dalam Bank Islam. Ini begitu jelas dinyatakan di dalam seksyen 16(2) bahawa setiap aset mengandungi deposit Islam bagi mana-mana Bank Islam iaitu merujuk kepada sesuatu peratusan aset yang ditetapkan hendaklah mengandungi deposit di setiap Bank Islam atau apa-apa liabiliti lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara. Dalam seksyen 16(5) pula, dilihat memberi implikasi dari segi pemudah cara kepada pendeposit yang mana setiap bentuk liabiliti ditukar ganti kepada satu nama iaitu deposit Islam. Ini sudah pasti akan memudahkan aktiviti transaksi pelaburan dilakukan sekali gus meningkatkan kecekapan dalam pengurusan di peringkat kawalan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah institusi kewangan Islam, ketelusan dan amanah di setiap peringkat pengurusan perlu di tahap yang paling tinggi. Oleh itu modal insan merupakan salah satu aset utama dalam menjalankan sistem yang berteraskan kesucian Islam. Justeru pindaan ini telah menitikberatkan soal etika dalam pemberian atau pendedahan maklumat kepada mana-mana pihak sebagaimana diterangkan di dalam seksyen 34(4). Isu etika dalam menjalankan kerja begitu sukar dijelaskan kerana segmentasi ini dilihat begitu subjektif tetapi kesannya boleh membawa kepada kerugian yang besar nilainya kepada kewangan Islam.

Misalnya keuntungan yang sebelum ini dikecapi setiap tahun bertukar menjadi mimpi yang ngeri selepas pendedahan BIMB Holding Berhad yang mengalami kerugian sebelum zakat dan cukai sebanyak RM480 juta di peringkat Bank Islam walhal pada tahun sebelumnya institusi ini menerima keuntungan RM18.5 juta sebelum cukai dan zakat. Ini secara tidak langsung menceritakan betapa senario etika pihak-pihak tertentu masih dipersoalkan dan tidak dinafikan bahawa kerugian ini disebabkan kelemahan manusia itu sendiri. Oleh itu adalah wajar bagi pindaan seksyen baru (4) bagi memperuntukkan

keperluan rahsia perbankan tidak terpakai bagi maksud yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005.

Tuan Yang di-Pertua, perbankan Islam dalam iklim ekonomi negara pada masa ini seakan-akan langit tidak selalunya cerah. Namun, permasalahan yang dibincangkan bukanlah untuk menuding jari kepada sesiapa tetapi sebagai peringatan jelas supaya tidak akan berulang fenomena yang mengejutkan negara. Bank Islam merupakan tunggak kepada sistem ekonomi Islam di negara ini. Kerugian yang dialami oleh Bank Islam adalah episod trauma bagi masyarakat Islam yang selama ini menaruh harapan tinggi terhadap institusi kewangan itu.

Namun dengan keazaman pihak pengurusan dan langkah segera serta berkesan yang diambil bagi menangani masalah kerugian ini, Bank Islam diharap dapat menebus semula maruah yang tercemar. Justeru itu, untuk memperkasakan daya saingnya, pindaan akta ini diharap menjadi instrumen yang kukuh untuk mendorong usaha-usaha dan langkah proaktif bagi memajukan dan mengembangkan sayap perniagaannya kepada negara-negara yang berkepentingan besar dalam perbankan Islam seperti Eropah Tengah, Pakistan, India dan Indonesia. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang sedemikian saya juga mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Lee Sing Chooi.

4.52 ptg.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank Islam 1983, dan juga menyentuh dengan prinsip memindahkan akta ini adalah melindungi pendeposit-pendeposit dan juga bank-bank yang menguruskan pendeposit-pendeposit wang itu mesti berhati-hati supaya pelaburan dan juga pengurusan mereka itu adalah pada peringkat yang amat tinggi supaya dapat keuntungan.

Tetapi kita baru-baru ini sudah nampak Bank Islam sudah mengalami kerugian sebanyak RM700 juta. Ini akan menjejaskan kedudukan kewangan Bank Islam dan juga menjejaskan pendeposit-pendeposit untuk mendapatkan keuntungan. Pada hujung Oktober tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sudah mengarahkan Bank Islam, iaitu mengenai kes kerugian itu mestilah dikaji dan mesti bertindak dengan segera dan juga pada hujung bulan Oktober, Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop juga mengingatkan dan menyifatkan kerugian itu adalah menghampakan dan juga mesti diambil tindakan yang segera. Saya hendak tahu sudah lebih kurang dua bulan selepas Perdana Menteri kita mengarahkan dan juga Menteri kita mengarahkan mengambil tindakan, jadi apakah tindakan sudah diambil ke atas kes-kes kerugian Bank Islam ini dan juga industri perbankan Islam yang kini adalah satu industri yang agak membangun, dan juga kita mesti bersaing dengan negara-negara asing yang juga menguruskan perbankan atau *banking* Islam.

Adakah sistem kita dan juga institusi-institusi kewangan kita sanggup bersaing dan pengurusan kita adalah pada tahap yang terbaik sekali untuk bersaing. Prosedur-prosedur yang kita ambil itu dan pelaburan-pelaburan yang kita melabur itu adalah dengan *expertise-expertise* yang agak jujur dan juga berpengalaman supaya dapat keuntungan dan dapat bersaing dengan institusi-institusi perbankan Islam di luar negara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga mengucapkan taklimat-taklimat berkenaan persaingan industri perbankan Islam dengan institusi-institusi kewangan perbankan Islam antarabangsa. Maka kita mesti meningkatkan *competitiveness* supaya dapat berdaya saing dengan mereka supaya industri perbankan negara kita dapat berkembang dan menguntungkan pendeposit dan juga pelabur-pelabur. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar.

4.57 ptg.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk sama membahaskan satu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank Islam 1983. Saya cuma mempunyai beberapa persoalan mengenai dengan jaminan kepada pendeposit. Adakah bank-bank yang diwujudkan di bawah akta dalam negara kita ini seperti Bank Islam itu sendiri, Bank Pertanian, mereka juga ada jaminan kerajaan kepada pendeposit sebagaimana yang tertera kepada pendeposit dalam Bank Simpanan Nasional di mana ada dinyatakan bahawa, "Simpanan anda adalah dijamin oleh Kerajaan Malaysia".

Saya ingin tahu sebab sepatutnya bank-bank yang diwujudkan di bawah akta, pendepositnya juga dijamin oleh pihak kerajaan sebagaimana yang diberi jaminan kepada penyimpan di dalam Bank Simpanan Nasional. Bagi Bank Islam, saya tidak tahu setakat mana walaupun gambaran yang kita rasa agak tinggi, agak bagus sambutan daripada masyarakat, tetapi kalau kita tengok dalam bursa saham, harga saham Bank Islam tidak naik-naik. Cuma hari ini saya tidak ingatlah berapa harganya tetapi mungkin dalam sekitar RM2 begitu dan begitu juga dengan amanah-amanah saham yang dikendalikan oleh Bank Islam yang tidak menunjukkan prestasi yang baik berbanding dengan amanah-amanah saham yang diuruskan oleh bank-bank komersial. Saya juga tertarik dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan akta ini.

Adakah ia hanya meliputi Bank Islam itu sendiri dan kalau begitu, bagaimana pula bank-bank komersial yang juga mengendalikan sistem perbankan Islam. Merujuk kepada kerugian yang bernilai RM700 juta baru-baru ini, kita ingin tahu kerana sampai hari ini belum ada penjelasan yang memuaskan, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terhadap kerugian tersebut dan apakah operasi-operasi perbankan yang telah menyebabkan kerugian yang begitu besar. Di manakah operasi ini berlaku?

Saya terbaca dan mungkin Yang Berhormat Menteri boleh memberi jawapan bahawa kerugian ini sebenarnya berlaku hasil daripada urus niaga *offshore* perbankan persisiran, yang di mana saya tidak tahu sejauh mana pemantauan Bank Negara itu sendiri terhadap operasi *offshore* bank-bank dalam negara kita termasuklah operasi Bank Islam. Walaupun cita-cita kita amat besar untuk melangkah mewujudkan urus niaga di negara-negara yang lain, saya difahamkan antara lain yang menyebabkan kerugian yang begitu besar ialah kerana kita berurus niaga di negara-negara yang tidak menjaminkan, tidak ada satu jaminan untuk pembayaran balik.

Saya ingin tahulah jika RM700 juta ini disebabkan oleh operasi perbankan yang biasa, maka itu adalah satu perkara yang amat menyedihkan. Tapi kalau kerana kerugian ini disebabkan oleh urus niaga di negara-negara yang tidak ada jaminan, maka kita harus berfikir panjang sebelum kita melangkah untuk keluar memperluaskan lagi urus niaga tersebut. Saya rasa itulah sahaja beberapa persoalan yang saya ingin jawapan dan saya pohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Puan Siti Zailah.

5.01 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Bank Islam (Pindaan) 2005. Saya ada beberapa persoalan sahaja untuk kita kongsi bersama, iaitu kita lihat bagaimana institusi perbankan Islam hari ini memainkan peranan yang cukup penting terutama dalam perkembangan ekonomi negara yang berasaskan secara Islam. Saya ingin penjelasan, sejauh manakah kesungguhan kerajaan, adakah kewangan kerajaan itu sendiri disimpan melalui sistem Islam itu sendiri dan setakat ini berapa peratuskah sistem ini telah mendapat tempat berbandingkan sistem komisioner yang lain.

Saya ingin penjelasan juga apakah kerajaan bercadang supaya sistem perbankan Islam ini dilaksanakan secara menyeluruh supaya tidak bersaing dengan sistem yang sebaliknya. Saya ingin penjelasan juga, apakah jaminan kerajaan supaya maklumat

pelanggan itu tidak diambil kesempatan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab supaya kes sebagaimana yang kita tahu kerugian dan sebagainya tidak berulang lagi dalam sistem perbankan Islam itu sendiri. Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan? Tidak ada? Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.02 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin yang awal lagi sebenarnya beliau amat faham dan jelaskan kepada Dewan kita ini bahawa Akta Bank Islam 1983 yang kita pinda pada seperti juga bank yang terdahulu yang kita lulus dahulu, dan perkara yang kita fokuskan dalam pindaan ini juga ialah untuk melicinkan pelaksanaan padanan insurans deposit Asia yang ditubuhkan bagi kepentingan pendeposit di seluruh negara. Ini bermakna kita semua faham bahawa dalam negara kita pada hari ini kita mempunyai sebagaimana yang dimaklumkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, dua sistem perbankan; satu perbankan Islam, satu lagi perbankan konvensional.

Pada keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, daripada lima Ahli Yang Berhormat bangkitkan tadi ataupun berucap sebentar tadi, sukacita saya hendak membawa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan pada petang ini supaya tidak lari jauh daripada apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin kerana fokus kepada pindaan Akta kita pada petang ini, di mana saya lihat, pertama, kedua, ketiga yang berucap agak jelas, tapi apabila saya mengagakkan selepas yang keempat dan kelima lagi jelas bahawa kita mengaitkan sentimen yang berlaku dalam Bank Islam sendiri kepada perbahasan kita pada petang ini. Bukan maksud saya, saya tidak mahu menjawab tetapi saya takut fokus kita itu lari. Yang akhir bercakap makin saya nampak kalau saya tidak juruskan, maka kita keliru soal apa yang kita bincang pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya nyatakan tadi bahawa Akta Bank Islam ataupun ABI 83 yang kita laksanakan kemudian kita jadikan asas kepada sistem perbankan Islam di negara kita ini sesuai dengan apa yang saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, semua kita bincangkan dan memberi *endorsement*, dengan izin bahawa sistem perbankan Islam yang kita laksanakan di negara kita ini amat berjaya. Kecuali akhirnya apabila kita dengar perkara yang berbangkit jadi sedikit keraguan dan memerlukan pemahaman jelas terutamanya sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat supaya saya ulangi Tuan Yang di-Pertua, supaya kita jangan sama sekali menjadikan isu kerugian Bank Islam itu melemahkan ataupun menjadi efek kepada keberkesanan, keyakinan dunia kepada sistem kewangan Islam yang telah kita suburkan.

Apa lagi saya dengar risau tadi, Yang Berhormat yang akhir berucap tadi, apakah peranan kerajaan untuk menyemarakkan lagi ataupun semata-mata dilihat sebagai meletakkan kaum kerajaan dalam sistem Bank Islam, baru nampak kita sokong sistem kewangan Islam ini. Ini membimbangkan fenomena pemikiran kita kerana kerajaan menubuhkan Bank Islam itu sendiri, sistem ini sendiri kita bangun, kita suburkan, mendapat pengiktirafan seluruh dunia. Hari ini seluruh dunia melihat kejayaan negara kita, menjadikan perbankan Islam di negara kita ini sebagai satu pengiktirafan yang sangat tinggi.

Sukacita saya menyatakan Bank Islam ialah satu institusi dalam sistem perbankan Islam itu. Sebagai satu institusi tentu sekali apabila sesebuah bank ia berniaga tentu sekali mempunyai kakitangan, bila mempunyai kakitangan dia mempunyai penilaian masing-masing dan sebagainya. Ini penjelasan umum pada saya, maka kita tidak hendak sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Kedua, kita tidak hendak menjejaskan - kita sendiri jangan menjejaskan bahawa sistem perbankan Islam itu hasil daripada apa yang berlaku dalam Bank Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menghuraikan lebih panjang pada ketika itu, saya balik semula untuk memfokuskan kepada pindaan Rang Undang-undang yang kita

bincangkan ini. Pertama dan yang kedua Yang Berhormat Dato' Dr. Chin dan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah dengan jelas supaya kita... mengenai perbezaan akaun berasaskan jagaan dan deposit Islam. Terima kasih dan sebelum daripada itu Dato' Dr. Chin mengulas panjang lebar dan memberi pandangan kepada kita bahawa penubuhan PIDM ini sebenarnya adalah untuk mengatasi apa yang berlaku sekitar 80-an di mana koperasi ataupun bank-bank berasaskan koperasi yang disebut oleh Dato' Dr. Chin tadi, syarikat pengambil deposit dan sebagainya menghadapi masalah ketika itu dan pelanggan ataupun pendeposit dalam institusi ini apabila berlaku masalah dalam institusi berkenaan, maka berlakulah kelambatan kepada pendeposit untuk mendapat pulangan kerana bank-bank itu ada yang telah ditutup dan sebagainya. Kita dengar Bank Buruh... Kita dengar, ya. Saya tidak hendak mengulas itu.

Saya sangat sukacita tadi sebenarnya asas inilah yang disebut dalam pembaca teks dan kita sebut jaminan kerajaan secara *explicit* dalam sistem kewangan kita itu, jaminan yang tidak termaktub. Setiap institusi kewangan yang ditubuhkan kita jamin bahawa pendeposit adalah selamat dan dijamin oleh kerajaan. Kerajaan membantu tetapi tidak memberi tempoh dalam kita membantu tadi, kita semak, kita buat sebagaimana yang berlaku dalam tahun 80-an. Tetapi dengan tertubuhnya PIDM ini, maka masalah ini tidak berlaku lagi.

Kita jelaskan beberapa kali bahawa selain daripada jaminan kerajaan, jaminan langsung oleh PIDM akan menyelesaikan segera masalah-masalah pendeposit ataupun pelanggan-pelanggan institusi bank. Di sinilah keistimewaan ataupun kehebatan yang kita bincangkan ini dan sekarang kita fokuskan kepada akaun ataupun pemegang akaun di Bank Islam di bawah peruntukan ABI (Akta Bank Islam 1983).

Sukacita Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan apa yang dibangkitkan oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad, iaitu kenapa perbezaan perlindungan diberikan kepada pendeposit berasaskan jagaan dan juga deposit Islam yang lain, ini yang perlu kita ambil maklumat.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Dewan, deposit berasaskan jagaan adalah berdasarkan – maksud deposit ini adalah berdasarkan prinsip di mana *principal-principal* amaun yang dijamin dan pulangan berdasarkan hibah ataupun hadiah daripada bank. Manakala deposit Islam lain adalah berdasarkan prinsip mudharabah iaitu *profit sharing*, ini konsepnya. Kemudian kriteria deposit berasaskan jagaan ia merupakan obligasi kontrak di antara bank dan pendeposit, manakala ia yang dalam jagaan ini mesti diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

Sukacita juga Tuan Yang di-Pertua saya ingin jelaskan kenapa orang yang dilantik di bawah perenggan 37(2) (d) (e) mendapat keutamaan dibandingkan bayaran pada pendeposit. Sukacita saya jelaskan bahawa ini adalah untuk melindungi kepentingan orang yang dilantik oleh mahkamah di bawah seksyen 37(2) (d) yang mengurus hal ehwal Bank Islam sebelum Bank Islam itu digulungkan. Kalau bayaran yang dibuat merupakan bayaran yang kita sebutkan tadi *fee*, bayaran perkhidmatan, jika kita tidak peruntukan dalam undang-undang ini, tiada orang yang ingin menjadi pengurus atau penerima bagi mengurus hal ehwal Bank Islam yang mengalami masalah kewangan, sebelum keputusan penggulungan itu dibuat, ini maksud yang kita bantangkan.

Terima kasih perkara yang dibangkitkan oleh Dato' Dr. Norraesah, apakah perbezaan di antara bayaran bagi deposit di Bank Islam dan bank konvensional, terima kasih Yang Berhormat bangkitkan tadi, di bank konvensional kita ada *Islamic window* dan akaun konvensional. Dijelaskan dalam PIDM bahawa setiap pemegang akaun adalah dilindungi, yang RM60,000 kita kata dilindungi itu adalah pemegang individu, pemegang bersama, pemegang *trust*, akaun amanah yang dikategorikan, akaun berbeza termasuk di bank yang sama iaitu akaun konvensional dan akaun *Islamic* di bank konvensional, ini sudah kita selesaikan.

Tetapi yang kita bincangkan ini ialah di Bank Islam Yang Berhormat ya, dan di Bank Islam itu dia banyak akaun juga yang kita bincang ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kita tidak mendiskriminasikan, malah apa yang kita bincang dan kita luluskan ini adalah untuk menyelaraskan, menjadikan Akta Bank Islam itu sesuai dengan keadaan PIDM ini dan produk Bank Islam yang pelbagai seperti akaun wadiah, mudharabah dan

bukan mudharabah dan lain-lainnya, ini akan diberikan keutamaan kepada deposit berasaskan jagaan wadiah kerana ia merupakan wang amanah dalam akaun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat saya percaya kita semua maklum sebentar tadi, saya juga ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya asingkan sedikit kerana kita menghalala kepada sentimen kerugian Bank Islam ataupun salah satu institusi di dalam sistem perbankan Islam itu sendiri. Saya katakan awal-awal tadi jangan kita terpengaruh terutama kita Ahli-ahli Yang Berhormat kerana sistem kewangan kita sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nyatakan, sistem kewangan Islam negara kita sangat mantap. Saya katakan begini kerana:

- (i) dalam apa yang berlaku di Bank Islam sebenarnya apabila berlaku kita semua tahu di mana yang berlaku dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak ada pendeposit yang mengeluarkan deposit, berlumba-lumba mengeluarkan deposit daripada Bank Islam. Ini menunjukkan keyakinan dan pemahaman mereka kepada sistem kita;
- (ii) apa yang berlaku itu sebenarnya bukanlah daripada kecacatan sistem itu.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah bertanyakan, adakah bank-bank seperti Bank Pertanian dapat jaminan kerajaan sebagaimana Bank Simpanan Nasional yang diberi istilah "Dijamin oleh Kerajaan Malaysia"? Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Bank Pertanian ini tidak diletakkan di bawah BAFIA, ia di bawah akta lain dan sama sekali apa yang kita bincangkan ini ia tidak terletak di bawah syarikat ataupun ABI (Akta Bank Islam 1983). Bank yang berkenaan iaitu Bank Simpanan Nasional dan Bank Pertanian ini diletakkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002. Di bawah kerajaan tentu sekali dijamin oleh kerajaan.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah juga ingin mengetahui adakah Bank Negara mengawal selia Bank Islam luar pesisir. Untuk makluman Yang Berhormat Bank Negara diberi kuasa untuk mengawal selia bank berkenaan di bawah syarikat kewangan berlesen dan Bank Islam di bawah Akta Bank Islam dan Kewangan dan Akta Bank Islam 1983. Bank Islam luar pesisir telah dikawal selia sepenuhnya oleh Akta Bank Luar Pesisir yang di bawah penyeliaan LOFSA di Labuan.

Saya sangat berterima kasih di atas apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani yang panjang lebar memperjelaskan dan memperingatkan sistem kewangan Islam juga kepada Bank Islam, bahawa maksud sebagaimana Yang Berhormat maksudkan itu supaya kita tidak mencacatkan sistem ataupun kedudukan sistem kewangan Islam yang mantap ini akibat daripada segelintir sama ada pegawai yang tidak amanah dan sebagainya, saya ucap terima kasih.

Akhir sekali Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, izinkan apa yang dibangkitkan oleh Senator Lee Sing Chooi mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Bank Islam dalam melindungi pendeposit-pendeposit juga, dia minta tadi kerugian Bank Islam adakah menjejaskan pendeposit untuk mendapat keuntungan. Saya sudah katakan tadi tidak ada *effect* dan adakah tindakan yang telah diambil atas kerugian Bank Islam dan sebagainya. Sukacita saya jelaskan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Bank Islam ialah:

- (i) mengukuhkan kerangka pengurusan risiko dan penilaian kredit-kredit yang diambil sekarang ini daripada apa yang berlaku;
- (ii) mengukuhkan urus tadbir korporat;
- (iii) mendapatkan suntikan modal yang baru daripada pelabur asing yang masih yakin dengan potensi Bank Islam; dan
- (iv) menubuhkan satu badan khas untuk mengendalikan aset pembiayaan yang bermasalah yang telah pun diketahui daripada pengumuman yang dibuat, siasatan dibuat dan kita percaya apa yang berlaku itu mesti diselesaikan kerana dalam prestasi

kewangan Bank Islam itu sendiri sebenarnya apa yang berlaku tidak menjejaskan sama sekali kepada kedudukan kewangan bank itu sendiri.

Itulah Tuan Yang di-Pertua boleh saya jelaskan apa yang dibangkit dan sebagaimana yang saya katakan tadi, sebahagian besar mengenai pindaan akta yang kita bincangkan ini keseluruhannya telah saya jelaskan dan sedikit sebanyak saya sentuh soal lain daripada akta yang kita bincangkan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli yang berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (TEMPATAN) (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.23 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingat tidak jemu pada pembentangan saya dan saya harap pembentangan yang terakhir dan kita bincang besok untuk Yang Berhormat lebih *fresh*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005 untuk Pinjaman Tempatan 1959 atau (APT), membenarkan pihak kerajaan mendapatkan dana dari pasaran tempatan untuk membiayai keperluan Kumpulan Wang Pembangunan iaitu *development fund* yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996. Salah satu kaedah untuk kerajaan mendapatkan dana adalah dari pasaran modal tempatan dengan menerbitkan sekuriti kerajaan Malaysia (SKM). SKM adalah *instrument* yang digunakan oleh pasaran kewangan tempatan sebagai sekuriti tanda aras (*benchmark*). Sekuriti tanda aras adalah penting kerana ia menjadi rujukan bagi peserta-peserta pasaran tempatan untuk menentukan harga terbitan dengan perniagaan *instrument-instrument* hutang yang lain.

Selain daripada itu, rujukan tersebut juga ialah perlu untuk membangunkan pasaran bon tempatan yang lebih efektif dan efisien. Salah satu daripada ciri asas sekuriti tanda aras ialah sekuriti tersebut mestilah cair (*liquid*) dan diniaga dengan aktif. Bagi

memastikan SKM dapat memainkan peranannya sebagai sekuriti tanda aras, kerajaan perlu meningkatkan jumlah penerbitan sekuriti tanda aras serta menerbitkan SKM dengan lebih kerap.

Pada masa ini SKM dengan kematangan 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun berfungsi sebagai sekuriti tanda aras. Sehingga 15 September 2005, jumlah baki terakru SKM adalah RM161.85 bilion dengan hanya RM23 bilion iaitu 14.2% dari jumlah tersebut merupakan sekuriti tanda aras. Pindaan terhadap APT diperlukan untuk membenarkan kerajaan membeli balik stok-stok SKM yang tidak lagi cair dan tidak lagi diniaga dengan aktif ataupun kita panggil "*off the run*" di pasaran untuk digantikan dengan stok-stok SKM yang lebih cair dan aktif ataupun *on the run* dengan tidak melibatkan peningkatan kepada had jumlah terbitan SKM.

Langkah ini akan meningkatkan sifat mudah tunai SKM tanda aras dan pasaran bon tempatan akan turut aktif. Kerajaan memerlukan kuasa nyata dan jelas di sisi undang-undang untuk melaksanakan pembelian, pembatalan, penebusan awal, dan penukaran SKM bagi mengurangkan SKM *off the run* di pasaran.

Oleh yang demikian APT perlu dipinda dan dikemas kini sewajarnya. Tujuan untuk meminda APT antara lain adalah seperti berikut:

- (i) bagi membolehkan kerajaan untuk membeli SKM yang tidak lagi cair ataupun *off the run* dan membatalkan SKM tersebut bagi mengurangkan hutang yang terakru;
- (ii) bagi memperuntukkan masa pembayaran bagi SKM yang ditebus awal oleh kerajaan. Salah satu kaedah untuk mengurangkan stok SKM yang tidak aktif adalah melalui penebusan awal SKM. Ini melibatkan pembayaran balik awal jumlah pokok sebelum tarikh matang. Untuk membenarkan kerajaan melaksanakannya SKM perlu diterbitkan berdasarkan terma di mana kerajaan mempunyai hak untuk memanggil untuk tebusan sebelum tarikh matang stok seperti di dalam prospektus; dan
- (iii) bagi membenarkan kerajaan untuk menukar SKM yang tidak cair ataupun *off the run* dengan SKM yang lebih mudah tunai. Tukaran adalah satu kaedah untuk menggantikan SKM yang tidak aktif dengan SKM yang aktif di mana SKM di dalam pasaran akan ditukar dengan SKM yang baru atau lain. SKM yang telah diambil oleh kerajaan sebagai tukaran dengan SKM yang baru dan aktif boleh dibatalkan untuk mengurangkan jumlah hutang terakru kerajaan.

Rang Undang-undang ini mengandungi 8 fasal untuk membolehkan kerajaan melaksanakan pembelian, pembatalan, penebusan awal dan penukaran SKM secara terperinci, fasal-fasal yang dicadangkan dalam cadangan Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005 adalah seperti berikut:

- (i) Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta ini;
- (ii) Fasal 2 bertujuan untuk meminda nota bahu dan memasukkan subseksyen baru (3) dalam seksyen 4 [Akta 637] untuk memberi kuasa kepada Menteri menggunakan wang dalam Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai sebarang perbelanjaan bagi pembelian, penukaran dan pembatalan stok;
- (iii) Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 5(2) [Akta 637] untuk meluaskan skop penggunaan jumlah wang yang dikumpul di bawah akta ini untuk membolehkan ia digunakan untuk pembelian dan penukaran pinjaman;
- (iv) Fasal 4 dan 5 bertujuan untuk meminda tajuk bahagian 4 dan seksyen 11 [Akta 637] untuk memperuntukkan penebusan awal

- stok oleh Menteri. Jika syarat-syarat untuk penebusan sebelum tempoh matang adalah dinyatakan dalam prospektus;
- (v) Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen-seksyen baru 11A dan 11B. Seksyen 11A bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membeli dari pasaran apa-apa stok yang diterbitkan di bawah akta. Pindaan yang dicadangkan juga membenarkan Menteri membatalkan mana-mana stok yang dibeli. Seksyen 11B pula bertujuan untuk memberi pilihan kepada Menteri untuk menukar mana-mana stok dengan menggantikan dengan stok lain termasuk stok yang baru diterbitkan khusus untuk tujuan seksyen ini;
 - (vi) Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 13 [Akta 637] bagi membolehkan wang dalam kumpulan wang penjelas ataupun *sinking fund* gunakan bagi pembelian atau penukaran apa-apa stok yang dikeluarkan di bawah akta ini selepas bayaran bagi aktiviti-aktiviti lain yang diperuntukkan dalam seksyen ini telah dibuat; dan
 - (vii) Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 14 [Akta 637] untuk memberi Menteri kuasa untuk menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sekiranya kumpulan wang penjelas adalah tidak mencukupi untuk digunakan bagi aktiviti pembelian atau penukaran stok.

Pindaan yang dicadangkan membolehkan kerajaan memainkan peranan yang lebih berkesan dalam memajukan pasaran bon tempatan dengan meningkatkan kecairan dalam pasaran bon tempatan melalui pembelian, pertukaran dan penebusan awal SKM yang tidak aktif dan menambah lagi terbitan SKM tanda aras. Selaras dengan matlamat kerajaan adalah tepat pada masanya jika APT dapat dipinda bagi menyumbang kepada perkembangan yang lebih pesat di pasaran bon tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Memandangkan masa telah pun cukup, Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.32 petang.